

LAPORAN PERSIDANGAN
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
MESYUARAT KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEDUA BELAS

Tarikh : **8 NOVEMBER 2012 (KHAMIS)**
Masa : **9.30 Pagi**
Tempat : **Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, Pulau Pinang**

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri - Air Putih
3.	Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato' FaizaBinti Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
5.	Y.B. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri
6.	Y.B. Dato' Mansor Bin Othman	Timbalan Ketua Menteri I/Penanti
7.	Y.B. Prof. Dr. P. RamasamyA/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
8.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9.	Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
10.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
13.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam

14.	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
15.	Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/ Machang Bubuk
16.	Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN	Sungai Bakap
17.	Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18.	Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
19.	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
20.	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
21.	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
22.	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
23.	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
24.	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
25.	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
26.	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
27.	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
28.	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
29.	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
30.	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
31.	Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam	Batu Uban
32.	Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya	Telok Bahang
33.	Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
34.	Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bbin Dato' Syed Ahmad	Bayan Lepas
35.	Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed	Sungai Dua
36.	Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai

- | | | |
|-----|--|---------------|
| 37. | Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah | Seberang Jaya |
| 38 | Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad | Pulau Betong |
| 39. | Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria | Sungai Acheh |

TIDAK HADIR

- | | | |
|----|--------------------------------------|--------------------|
| 1. | Y.B. Tuan Phee Boon Poh | Sungai Puyu |
| 2. | Y.B. Tuan Koay Teng Hai | Pulau Tikus |
| 3. | Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim | Penaga |
| 4. | Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya | Permatang Berangan |
| 5. | Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab | Bertam |

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.B. Dato' Speaker masuk ke Dewan.

Y.B. Dato' Speaker:

Baca Doa.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee):

Y.B. Sungai Bakap membaca doa.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula untuk sesi penggulungan, menyambung sesi penggulungan oleh Y.B. Bagan Jermal. Silakan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Y.B. Dato' Speaker, saya akan sambung penggulungan saya. Mula-mula saya ingin perbetulkan kenyataan saya ini semalam di mana JKR telah diperuntukkan dalam Bajet iaitu pada tahun 2008 RM10 juta dan kita mencapai perbelanjaan peratusan 86%. Bagi tahun 2009 juga dipertunjukkan RM10 juta dan perbelanjaan adalah 87%. 2010 kita tambah kepada RM13,567 ribu dan perbelanjaan 83%. Pada tahun 2011 tambah pula lagi RM33,759 ribu dan perbelanjaan 86.82%. Tahun ini 2012, tambah lagi perbelanjaan atau peruntukan iaitu RM41,600 ribu dan perbelanjaan setakat ini 27% dan kita beryakin sehingga akhir tahun ini kita akan mencapai perbelanjaan 80%. Tidak ada masalah dan tahun ini kita akan mengekalkan jumlah peruntukan yang lebih kurang sama. Itulah penjelasan saya.

Y.B. Dato' Speaker, bagi menjawab soalan tambahan dari Padang Lalang, pembinaan jejambat Jalan Song Ban Kheng di mana jejambat ini belok ke Jalan Megat Harun patutnya siap pada April 2012 tetapi oleh kerana ada bantahan dari pekedai-pekedai di sepanjang ROB ini atau *ramp* ini maka, telah ada beberapa kali perjumpaan di tapak dan juga berbincang dengan penduduk-penduduk kawasan sana. Maka kerja ini terpaksa ditunda sehingga Februari 2013 dan diharapkan dengan siapnya jejambat ini, keadaan lalu lintas di Jalan Song Ban Kheng akan bertambah lancar. Kerajaan Negeri sedar bahawa pembinaan jejambat yang melintasi projek landasan berkembar elektrik Ipoh Padang Besar, telah menyebabkan kesesakan lalu lintas. Namun kesukaran ini hanya sementara waktu sahaja. Di Negeri Pulau Pinang terdapat 17 buah jejambat dibina bagi menggantikan lintasan rata kereta api

yang menggunakan *auto-gate* agar perjalanan kenderaan lancar pada masa hadapan. 10 daripadanya telah dibuka kepada lalu lintas manakala baki tujuh (7) lagi akan dibuka selewat-lewatnya pada bulan Februari 2013. Y.B. Dato' Speaker, pembinaan jambatan dan *under ground walkway* di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu sekali lagi dibangkitkan oleh Y.B. Dari Pengkalan Kota, sebagai makluman struktur jambatan jambatan yang dikenali sebagai Weld Quay *interchange* sememangnya termasuk dalam perjanjian penswastaan Jelutong Expressway yang ditangani oleh Kerajaan Negeri dengan pihak Jelutong Development Sdn. Bhd.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih bagi laluan. Y.B. Bagan Jermal tolong bagi tahu penjelasan supaya *ROB Flyover* dibina oleh MC Garment Double Track di seluruh Seberang Perai sebab lebih kurang dalam dua (2) minggu dulu, satu (1) kemalangan akibat dengan *signboard* jatuh dan satu (1) penaki motosikal sudah masuk hospital di satu kemalangan yang serius dan isu ini sampai sekarang masih belum ditangani. Bolehkah Y.B. jelaskan adakah jaminan keselamatan semua diberikan dan kualiti GAMUDA dibina dan itu ROB semua ada kualiti dengan baik?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Saya terus pergi ke kemalangan yang dimaksudkan berlaku di *ROB* Bukit Mertajam di mana pada petang itu angin dan ribut sangat kencang dan ini menyebabkan satu tanda papan tercondong dan apabila penunggang motosikal ini berlanggar dengan papan tanda ini muka dan hidungnya telah tercedera dan saya dengan Y.B. Dari Padang Lalang ada pergi ke Lam Wah Ee hospital untuk melawat beliau dan kontraktor atau pemaju GAMUDA ada berjanji hendak membiayai semua bil perubatan dan perkara ini masih dibincang antara keluarga si mangsa dan juga pemaju GAMUDA MMC dan ini perkara tidak dapat dielakkan sebab ini adalah satu *accident* dan kita telah memesan kepada kontraktor supaya memastikan semua struktur baik dari papan iklan atau papan tanda jalan dan lain-lain perabot-perabot jalan dipastikan adalah dalam keadaan yang kukuh supaya mengelakkan apa-apa kemalangan yang mungkin berlaku. Y.B. Dato' Speaker, tadi....(ganggung).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Soalan tambahan sedikit, sedikit saja. Terima kasih. Y.B. Dato' Speaker satu lagi itu yang cukup menyusahkan pengguna jalan raya di Jalan Song Ban Keng *Flyover* dan Jalan Maju ke Jalan Song Ban Keng, *Flyover* itu yang pertama dibuka secara rasmi oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng tetapi sekali ini dia yang paling lewat dan paling menyusahkan semua pengguna jalan raya,

sebab di situ memang dari siang, petang, malam sesak dan memang sudah ramai pengguna aduan dengan saya, adakah JKR ataupun *MC Garment* boleh mempercepatkan *flyover* di situ, ataupun di sebelah kiri daripada Jalan Maju untuk ada satu *ramp* belok ke Jalan Megat Harun walaupun dia itu akan lewatkan sambil lewa disebabkan ada bantahan daripada peniaga di situ, dan adakah *administration* boleh timbang sekiranya jikalau *straight* kepada Kota Permai ataupun ke Butterworth pada Taman Seri Damai yang *straight road* itu, kalau boleh disiap bolehkah timbang untuk membuka sementara dulu supaya jalan di situ tidak menjadi satu mimpi ngeri di situ. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Y.B. Dato' Speaker, *ROB* di Jalan Song Ban Kheng, ia adalah lorong dua (2) hala pergi dan 2 hala balik dan sekarang setelah siap binanya dua (2) lorong pergi tetapi kita membuka kepada lalu lintas, jadi ini jadi satu (1) hala pergi, satu (1) hala balik. Dan apabila siapnya kedua-dua haluan ini iaitu dua (2) hala pergi dan dua (2) hala balik, maka ini akan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna jalan di peringkat jalan tersebut. Dan dalam reka bentuk pembinaan Jalan Son Ban Kheng, ia melibatkan dua (2) batang jambatan, satu (1) agak besar dan satu (1) kurang panjang dan apabila siapnya itu, dia pun akan mengadakan ciri-ciri reka bentuk di mana jalan-jalan keluar dari Sungai Rambai baik, jalan di sebelah pergi ke Kota Permai, baik semua akan menjadi satu (1) hala dan hanya di tempat-tempat yang dapat di *u-turn* dibenarkan. Tengah-tengah masih ada *median* iaitu *divider* ya. Tidak bolehlah sesuka hati membelok ke kanan, belok ke kanan. Jadi ini akan menyelesaikan perkara. Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menjawab Y.B. daripada ...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Last sekali sikit sahaja. Terima kasih. Di situ juga dekat Honda *show room* dengan *Shell* di situ nampak ada *bottle-neck* dari empat (4) lorong di situ jadi satu (1) lorong sahaja. Daripada arah Taman Permai pergi ke arah BM di situ nampak tinggal satu (1) lorong dan sebelah kiri masuk ke *Shell petrol pump* di situ pada pandangan saya dia akan jadi *bottleneck* ganggu semua pengguna jalan raya. Memang dari mula-mula dibina memang saya sudah bagi pandangan di situ memang akan jadi *bottel-neck* sebab dari empat (4) *lane* ke dua (2) *lane*, dan masih terdapat banyak orang nak belok ke kiri ke Taman Bukit dan sebagainya, dan mengapakah kita tertanya-tanya di situ masih ada bahu jalan banyak tanah lagi mengapa kiri kanan tidak libatkan sebagai jalan? Nombor dua apakah perkembangan daripada *fly over* ke Jalan Permatang Rawa yang melintas Jalan Padang Lalang apa perkembangannya? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Mengenai perkara pertama iaitu empat (4) lorong menjadi dua (2) lorong di Jalan Song Bang Kheng sama ada itu ada dalam reka bentuk atau tidak. Itu kita akan mengkaji. Mengenai jejambat di Jalan Nangka dan jalan di PERDA saya kalau nak sebut dia akan mengambil masa yang panjang saya ingatlah kita tak ada masa. Yang Berhormat baru-baru ini sahaja bangkitkan perkara ini. Saya tau saya ada pengalaman atau pengetahuan mengenai projek ini. Tapi dia akan ambil masa untuk menghuraikan jadi biarkan saya habiskan ini kalau ada masa kita boleh bincang perkara itu.

Saya sedang menjawab *underground bypass* atau jejambat dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Kota saya telah jawab tadi sememangnya ianya termaktub dalam perjanjian dahulu, tapi ia telah dibatalkan oleh bekas Ketua Menteri Tan Sri Koh Tsu Koon dengan alasan yang tidak dapat diketahui oleh saya. Untuk mengelakkan kesesakan lampu isyarat di persimpangan yang terlibat Jalan Prangin dan juga Jalan Magazine telah dinaik taraf dan diselaraskan *synchronize* kan. Untuk kemudahan pejalan kaki pula lintasan pejalan kaki telah disediakan di persimpangan tersebut pada dahulunya bentuknya siapa-siapa ingin nak lintas jalan itu biar sesuka hati. Mana-mana tempat ia boleh melintas dan ini telah menjadi banyak kemalangan maut di mana ada pejalan kaki dilanggar dan mati dua (2), tiga (3) kes. Sebab itu kita nampak keadaan ini kita telah meminta IJM untuk memagarkan jalan-jalan itu cuma kita tinggal ada lorong untuk melintasi di tepi *traffic light* sahaja apabila *traffic light* jadi merah pejalan kaki boleh melintas selamatnya.

Di samping itu *bypass* yang telah dirancang dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Persiaran Gurney akan mengurangkan pertambahan kenderaan di persimpangan Lebuhraya Dr. Lim Chong Eu dan juga Jalan Prangin dan Jalan Magazine. Sebab itulah kita mencadangkan satu *bypass* Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Farlim kalau dapat dibina maka jalan kenderaan-kenderaan boleh mengelak dari datang ke George Town datang pergi ke tempat itulah. Kita akan merancang.

Ahli Kawasan Pengakalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Terima kasih, seperti saya telah menulis surat kepada Ahli Kawasan Bagan Jermal kita mengkaji semula supaya dapat di kawasan Lebuhraya Maccalum supaya mengkaji semula supaya mendapat membina *bypass* dari buat ada jalanlah untuk selesaikan masalah kesesakan kerana telah bertambahnya 2,000 unit rumah yang baru dibina di sana dan tengok ada boleh buat lagi satu jalan yang lain untuk dari Maccalum keluar ke Weld Quay. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Yang Berhormat telah menyuarakan kepada saya pada beberapa bulan yang lepas dan saya akan mengaturkan mesyuarat di antara MPPP, JKR dan juga IJM untuk kita mencadang atau mencari jalan sama ada kita boleh mencari satu jalan pintas. Di sepanjang *Weld Quay* tanpa perlu memasuki Jalan Tun Dr. Lim Dr. Lim Chong Eu untuk pergi ke George Town atau untuk pergi tempat-tempat lain, tetapi dalam pelan reka bentuk atau pelan merancang pada masa akan datang *The Light* memang akan ada satu jalan untuk menghubungkan *The Light* dengan Bukit Lebu Magazine dan bukan Bukit Magazine tetapi Maccalum memang itu ada tapi itu ada Lebu Maccalum ke *Weld Quay* terputus-putus dan kita akan tengok sama ada kita tengok boleh sambung ke tak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu keretakan rumah di Taman Kota Permai yang didakwa disebabkan projek kerja-kerja pemasangan rangkaian pembetulan oleh JPP dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Lalang pada setiap kali bersidang DUN. Projek JPP ini melibatkan dua (2) fasa iaitu Fasa 1 Loji Rawatan Kumbahan di Taman Kota Permai dan taman paip pembentung di jalan kawasan di loji rawatan kumbahan serta Fasa 2 Penanaman Rangkaian Paip di Jalan Bukit Minyak dan Jalan Binjai di Taman Seri Rambai. Fasa 1 telah menyebabkan keretakan 60 buah rumah di Taman Kota Permai pada 2010 dan pihak JPP telah membayar sugu hati kepada pemilik rumah yang terlibat pada bulan Januari 2011 dengan kos keseluruhannya RM985,546 lebih kurang RM1 juta.

Pembinaan Projek Fasa 2 pula telah dimulakan pada November 2011 dan projek ini didakwa telah menyebabkan keretakan kepada 22 rumah di Taman Kota Permai Fasa 2 dan juga 10 rumah di Taman Seri Rambai. Susulan itu pihak IKRAM telah dilantik oleh pihak JPP telah melantik sebagai pihak perunding pada bulan Disember 2011 untuk menjalankan penyiasatan mengenal pasti punca keretakan struktur rumah di kawasan tersebut. Pelantikan pihak IKRAM telah mendapat persetujuan dari pihak penduduk dan seterusnya laporan yang disediakan secara profesional oleh pihak IKRAM menunjukkan kerja-kerja pemasangan paip yang dijalankan oleh pihak JPP bukan penyebab utama kepada keretakan struktur rumah yang dialami oleh penduduk-penduduk. Justeru pihak JPP berpandangan tidak terikat untuk membuat bayaran pampasan sebagaimana dituntut oleh penduduk-penduduk. Mungkin Yang Berhormat boleh menyusuri tuntutan ini boleh membawa pemilik-pemilik berjumpa dengan Menteri untuk membuat rayuan sedemikian.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Dato' Speaker, Y.B Bagan Jermal dalam laporan IKRAM memang terdapat yang tidak sebenarnya. Mengikut saya baca buku laporan IKRAM itu dia kata kerja-kerja JPP hanya pembedungan itu hanya mengorek kolam atau berlubang untuk menjalankan kerja-kerja *underground checking piping* hanya 5 meter dalam dan dia akan *impact* bagi sekitarnya cuma 5 meter jauh, tetapi pada ketika masa menjalankan kerja-kerja saya dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam Y.B. Chong Eng dan penduduk sudah menjalankan banyak kali melawat dan di sini saya ada gambar memang buktikan yang lubang dikorek oleh JPP bukan seperti kata dalam buku laporan IKRAM hanya 5 meter sahaja. Sebenarnya lebih dalam dari 30 meter lebih dalam mungkin ada.

Jadi pandangan saya laporan dari IKRAM kami memang kalau dari mahkamah saya tak boleh cabar dia. Sebenarnya kita ada gambar buktikan lubang dikorek itu lebih dalam apa yang mereka sebut dalam laporan itu cuma 5 meter. Jadi saya memang saya pun sudah jawab saya sudah kata akan saya beri surat kepada kementerian bagi Menteri Peter Chin dan surat ini surat akan pos *by AR Register* surat ini. Gambar dalam surat itu saya akan *attach* gambar ini kepada Menteri yang lebih kurang dua (2), tiga (3) minggu dulu saya ada peluang di satu jamuan makan malam di Bukit Mertajam dan bersma-sama BN punya *Chairman* yang bekas Yang Berhormat Teng Chang Yeow.

Saya pun sudah menyampaikan banyak kali isu ini mohon dia sila bagi tahu kita punya Menteri isu ini tidak benar dan perlu ditangani sekiranya isu ini tidak ditangani bukan susah rakyat susah dan rakan-rakan dari penyelaras akan susah sebab dia tak boleh jelas. Saya tak kira isu ini kalau tak ditangani walaupun MCA akan hadapi menjadi masalah tetapi di bahagian rakyat, saya harap Yang Berhormat Teng Chang Yeow Barisan Nasional punya *Chairman* di Pulau Pinang bekas Yang Berhormat ia akan jadi Yang Berhormat terpulang pada rakyatlah.

Sekiranya dia sebagai Pengerusi BN di Pulau Pinang saya harap dia boleh guna kebijaksanaan untuk selesai masalah itu bukan banyak di Kota Permai isu dua (2) dengan di Taman Seri Rambai Jalan Binjai cuma hampir lebih kurang 110 rumah dan mereka cuma minta RM1.8 juta sahaja bukan banyak. Kalau seperti apa yang KPKT Menteri KPKT, Y.B. Chow bukan Chow yang ini. Dia kata setiap tahun di akibat dengan rasuah Malaysia hilang RM26 bilion banding dengan RM1.8 juta ini kacang putih sahaja. Tolonglah bagi mereka, saya harap ini boleh menyebabkan kepada Yang Amat Berhormat atau Peter Chin Menteri itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Cara Yang Berhormat Padang Lalang untuk menulis surat kepada

Menteri Peter Chin dan susulan dengan satu perjumpaan dengan Pengerusi Barisan Nasional Pulau Pinang saya agak ini adalah cara yang betul dan kita tunggulah apa keputusan mereka dan tak bolehlah hanya mengatakan ini bukan disebabkan oleh pengorekan paip-paip pembedungan kalau sebelum ini tak korek rumah tak retak lepas pasang paip itu lepas korek projek itu semua rumah-rumah jadi retak ini kepada ini disebabkan oleh projek dan tak boleh *just* kata ini bukan saya punya hal. Dato' Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Yang Berhormat Bagan Jermal adakah kalau mereka kata laporan IKRAM ini tak kena mengena dengan mereka apa yang mereka kata "Rakyat Didahulukan", adalah bohong slogan itu dan pandangan saya ini adalah secara langsung tak bertanggungjawab kerja-keraja mereka buat untung kerja sudah siap dan rumah rakyat sudah menjadi retak, rosak dan mereka kata mengikut laporan IKRAM memang tak kena mengena ini menunjukkan Barisan Nasional Kerajaan Pusat memang secara tak bertanggungjawab kepada rakyat di daerah ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Apa yang dikatakan Y.B. Padang Lalang memang tepat dan betul. Y.B. Dato' Speaker, cadangan pembinaan terminal bas di atas tanah JKP Sdn. Bhd. di Nibong Tebal yang dibangkitkan oleh Y.B. Jawi. Untuk makluman setakat ini Rapid Penang belum ada perancangan untuk membina struktur terminal bas kekal di atas tanah tersebut, sebaliknya sebuah hub perhentian bas sementara akan disediakan oleh pihak Rapid Penang dalam tempoh terdekat dan ianya telah mendapat kelulusan daripada JKP. Ini sebenarnya perlu dijawab oleh Y.B. Chow tapi saya telah merampas kuasanya untuk menjawab....(Ketawa).

Y.B. Dato' Speaker, nanti saya akan menghuraikan mengenai pertanyaan daripada Telok Bahang mengenai prestasi yang rendah oleh PBA...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat)

Yang Berhormat Bagan Jermal sebelum pergi ke sana saya rasa macam projek pembinaan terminal baru stesen kereta api elektrik di Nibong Tebal telah pun hampir siap boleh dikatakan lebih daripada 70%. Projek telah pun siap dilakukan. Adakah lain-lain projek sokongan seperti membuat jejantas melintasi jalan Persekutuan untuk kemudahan orang ramai masuk dan keluar ataupun menaiki perkhidmatan kereta api elektrik yang ada di sana? Bolehkah Y.B. Bagan Jermal tolong jelaskan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Seperti yang sedia dimaklumkan Stesen Kereta Api Nibong Tebal adalah sebuah bangunan dua tingkat dan sama ada, ada jejantas untuk melintasi jalan Persekutuan yang menghubungkan kiri dan kanan buat masa ini saya tiada maklumat seperti ini, tapi sekiranya dalam reka bentuk atau pelan merancang mereka ada termasuk dalam *scope of work* maka ia akan dibina sekiranya tidak maka tidak ada projek ini. Jadi saya tidak boleh kata ada.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Telok Bahang mengkritik bahawa prestasi PBA makin turun. Saya menyangkal tuduhan itu dan PBA dalam beberapa tahun ini prestasi mereka adalah memuaskan. Ini boleh dibuktikan dengan fakta berikut. NRW (*Non revenue water*), pada tahun 2010 NRW adalah 18.2%, 2011 ia meningkat sedikit adalah 18.4%, 2012 setakat ini 17.4% dan kita jangka akhir tahun ini NRW untuk tahun ini adalah 18%. Jadi ini memang satu peratusan yang agak stabil bahkan ia ada turun daripada tahun 2010 *point two percent* ini satu *percentage* yang kita menganggap ia adalah stabil dan juga ada kekurangan. Purata nasional NRW adalah 36.7% pada tahun 2011. Jadi kalau kita banding dengan kuota nasional NRW di Pulau Pinang ini ia hanya 18.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih Y.B. Bagan Jermal. Itu perangkaan yang saya bagi yang sedia ada, tidak boleh lari, statistik pun tidak boleh lari memang keuntungan PBA menurun banyak. Selang lepas tiga (3) tahun menurun banyak dan NRW yang Yang Berhormat sebut ini sudah lama dalam 18%, 20% berbanding dengan seluruh Malaysia dalam 40% macam banyak Negeri lebih daripada 40 peratus. Di Singapore *much less around ten percent* saja event itu pun kiraan Singapore lain sikit daripada kita. Jadi Yang Berhormat tahu iaitu kita dikira *small line* yang Bomba pakai air *free* itu pun termasuk dalam kiraan NRW ini. Jadi maknanya masih belum berubah turun *one percent is not significant* lagi dalam bahasa statistik *one percent* belum lagi signifikan. Saya harap PBA ini dipertingkatkan lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih Y.B. Telok Bahang. NRW ini punca dari pencurian air juga ada kita dapati kilang-kilang besar pun bermain taktik kotor ini dengan memasang *underground pipe* elak dari meter. Ini antara sebab satu dan juga paip usang kita telah mewarisi paip yang telah ditanam berpuluhan tahun dahulu kebanyakan paip ini ada *asbestos* paip dan ia sudah menjangkau hayatnya dan ia tidak boleh tahan tekanan dengan lori berat atau apa-apa ia pecah dan ini menyebabkan air hilang sebegini saja. Jadi untuk menggantikan 4,000 km

paip yang sedia ada, kita tidak boleh buat dalam masa yang singkat kerana *capital expenditure* jadi kita merancang supaya ia diganti dengan *iron pipe* peringkat-peringkat. Jadi kita harap ia akan menurunkan sekurang-kurangnya menstabilkan NRW kerana air di Pulau Pinang adalah terendah tetapi malangnya kadar pemakaian air adalah tertinggi dalam Negara kita ini. Kadar air saya ada maklumat di sini Johor 98 sen 1,000 liter iaitu 1 meter kiub, 98 sen tertinggi yang kedua Sabah 90 sen, Labuan 90 sen, Selangor 77 sen, Perak 73 sen, Melaka 72 sen, Negeri Sembilan 68, Sarawak 1. Sarawak ada dua (2) pembekal air, Sarawak I 62 sen Bintulu 61, Pahang 57, Perlis 57, Sarawak II 56 sen, Kelantan 55, Kedah 53, Terengganu 52, Pulau Pinang 31. Jadi kadar air di Pulau Pinang adalah terendah di negara kita ini. Purata nasional adalah 65 sen satu meter padu. Kali terakhir semakan kadar air adalah pada 2001, iaitu 11 tahun dahulu kadar cas air yang ditetapkan oleh Barisan Nasional sehingga sekarang kita tidak ubah kadar cas itu.

Jadi tadi saya kata kadar penggunaan air adalah tertinggi di dalam Negara kita Pada tahun 2010 penggunaan air per kapita sehari adalah 291 liter seorang pakai 291 liter air sehari. Jadi kalau ini dibanding dengan negara-negara lain ini adalah tinggi sekali. Mengikut sasaran kerajaan iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita sasarkan 233 liter *per capital per day* untuk tahun ini. Purata nasional adalah 203 liter sahaja purata nasional tapi rekomendasi dari United Nasional Bangsa-Bangsa Bersatu adalah 165 manakala Singapore yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mereka menggunakan air hanya 158 liter seorang sehari. Jadi Pulau Pinang ini pakai sehingga 291 ini adalah begitu tinggi dan sebab itu dalam PBA di Pulau Pinang...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Nanti. Cas air domestik kita subsidi 31 sen memang tidak untung, rugi lagi, jadi kita subsidi 58.9 juta satu tahun. *Almost 59 milion a year subsidize* dan wang itu datang dari mana. Wang itu kita sebab itu *trade rate commercial* lebih tinggi jadi pakai keuntungan dari *trade rate* itu *commercial* itu untuk *subsidize* kepada domestik. Jadi jangan kata Kerajaan Negeri menaikkan cas air domestik, tidak, kita hanya mengguna WCS (*Water Consumption Surcharge*), nanti akan sampai Y.B. Dari Telok Ayer Tawar....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Terima kasih Dato' Speaker dan Ahli Bagan Jermal. Adakah pihak PBA telah membuat kajian yang rapi tentang(dengan izin) *non revenue water*,

kehilangan air yang disebabkan oleh paip pecah dan sebagainya yang menyebabkan kegunaan air yang tinggi ini yang dipakai, sebab saya ada buat laporan Taman Robina perumahan itu paip pecah sudah bertahun-tahun dilaporkan. Paip besar itu pecah air mencurah-curah keluar bertahun-tahun ini semua tidak diambil kira dan bila dapat laporan dari PBA kata PBA tidak boleh buat apa. Jadi ini satu perkara yang menyebabkan fenomena penggunaan air yang tinggi walhal tidak semenanya dipakai. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Y.B. Dato' Speaker adalah tanggungjawab setiap orang, setiap pengguna dan juga wakil rakyat untuk melaporkan kebocoran paip air kepada pihak PBA. PBA ada di Butterworth saja ada dua (2) *team*, *respond team* atau team untuk membaiki paip-paip yang bocor sekiranya *sub mean* yang kecil atau poli paip yang bocor ia boleh dibaiki dalam masa yang singkat. Sekiranya *main pipe* empat (4) inci, enam (6) inci atau sampai satu (1) kaki ia perlu masa lebih panjang tapi, walau bagaimanapun dari pengalaman saya apabila saya melaporkan sesuatu kebocoran mereka akan datang untuk membaikinya bukan serta merta saya mengaku bukan serta merta mungkin hari ini saya buat laporan malam ini mereka datang atau esok mereka akan datang. Mereka memang ada buat kalau dikatakan berbulan-bulan atau bertahun-tahun tidak buat itu mungkin mereka lepas pandang atau telah buat satu kali pengaduan dia tidak datang kita anggap saya buat satu kali aduan sudah tidak payah lagi memperingatkan mereka ini adalah sikap tidak betul.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Dato' Speaker, minta penjelasan.

Y.B. Dato' Speaker:

Bagi Telok Bahang pula.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih. Saya memang seronok saya mengikuti apa juga yang dikatakan Bagan Jermal, Bagan Jermal kawan saya lama tapi dalam hal ini saya sebelah sini dan kawan sebelah sana. Bercakap tentang *monitoring system* ada dua *team*, tunggu orang *call* baru hendak tahu pecah di mana tidak adakah sekarang ini sudah zaman moden tidak adakah sistem automatik boleh tahu kesan *pressure drop* dan sebagainya. Macam TNB ia ada radar sistem tahu di mana yang ada *trap* dia tahu tidak payah sebut dia sudah tahu dan *immediately* ia boleh buat *repair*. Dalam hal ini, tentu ada *sensor* sekarang ini sudah moden tentu ada *sensor* yang boleh guna di mana-mana tempat

kesan di pusat dan tahu di mana dan terus pergi *repair* tidak payah tunggu orang buat laporan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih Y.B. Telok Bahang. Masa ini PBA belum ada teknologi seperti ini canggih untuk mengesan di mana-mana ada kebocoran, seperti saya kata tadi kita punya *water pipe* ada 4,000 km dalam kampung ada, tepi *main road* ada, di mana-mana tempat air ada paip jadi bagaimana kita boleh mengadakan satu sistem elektronik kita boleh mengesan di mana ada kebocoran.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Boleh Dato' Speaker kalau ada kemahuan. Saya hendak tahu juga setakat ini setiap tahun berapa banyak peruntukan yang disediakan oleh PBA untuk menukar paip-paip lama ini, *pipe asbestos* yang katakan tadi yang bila berlaku *vibration* ia boleh retak ini dan *asbestos* pula is *not good for health* yang itu saya tahu. Setiap tahun berapa peruntukan yang disediakan untuk hendak tukar paip-paip ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Penggantian paip yang mudah pecah atau usang adalah satu projek atau satu kerja yang berterusan seperti saya kata tadi berperingkat-peringkat. Mengenai jumlah peruntukan yang diperuntukkan *off hands* saya tak ada maklumat ini. Sebab itu Y.B. Dato' Speaker untuk mencegah atau untuk menjimatkan penggunaan air itu kita mengenakan *water conservation surcharge*, WCS dan sejak tahun 2011 kita mengeluarkan *water conservation surcharge*, ia akan ada turun sedikit. Ia turun sedikit, ia turun 6 liter per *capita* per *day*, puratahlah. So *little bit only* jadi kalau sekiranya tiap-tiap pengguna boleh menjimatkan penggunaan air, maka subsidi yang saya kata tadi RM59,000,000 satu tahun, ia akan menurun dan kalau mengguna air dengan cermat, hemat dengan *save water* maka ia tak akan kena WCS yang lebih jauh faedahnya. Kalau kita kurangkan penggunaan air maka kita tidak perlu membuat satu perancangan yang jauh yang kos infrastruktur air yang berjuta-juta malahan berbilion-bilion. Buat masa sekarang, kemampuan membekalkan air hanya akan sampai ke 2020 saja. Walaupun dengan pembesaran Empangan Mengkuang yang sedang dilaksanakan dan selepas 2020, kita kena membuat projek yang lebih besar lagi untuk mengambil air dari Sungai Kerian, *river Perak transfer scheme*. Itu satu lagi jumlah yang besar. Jadi kalau kita sama-sama berfikir untuk menjimatkan air maka hayat infrastruktur ini pun boleh dipanjangkan. Duit itu adalah duit rakyat. Duit itu adalah *tax* dari duit rakyat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan Bagan Jermal. Pertama saya ingin tahu adakah Ahli Bagan Jermal bercadang supaya adakan *pink form* untuk keluarga-keluarga yang ramai-ramai duduk dalam satu rumah yang tak sepatutnya dikenakan *surcharge* kerana dia berkongsi tiga (3), empat (4) keluarga dalam satu rumah dan mereka ni tak dikenakan *surcharge*. Di samping itu juga setakat ni berapa banyakkah pengutipan daripada *surcharge* yang telah dikutip daripada 2008 hingga sekarang?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Cuma 30% pengguna sahaja. Pengguna-pengguna yang mengenakan WCS cuma 30% dari jumlah pengguna-pengguna air di Pulau Pinang dan kita ambil satu *cut off point*, lima (5) anggota dalam satu keluarga. Tiap-tiap statistik dia ada satu *cut off point*, kita tak boleh cakap keluarga ini ada sepuluh (10) orang tapi ada juga keluarga hanya isteri dan suami, dua (2) orang saja. Yang ni kita ada satu *cut off point*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Mohon laluan. Yang Berhormat kena sedar tau baik di kalangan orang-orang Cina, di kalangan orang-orang Melayu, kongsi keluarga duduk di dalam satu rumah banyak. Di Kampung Bagan Serai, satu (1) rumah dia ada tiga (3) keluarga yang ini satu (1) keluarga, yang ini satu (1) keluarga dalam satu (1) rumah, pintu yang sama cuma bilik yang berlainan saja. So maknanya dalam satu (1) rumah ada sampai tujuh (7) orang, sepuluh (10) orang pun ada, sebab tu saya kata rumah-rumah yang berkenaan boleh memohon kepada PBA melalui itu *pink form* maknanya *special form* lah kira fahamlah kalau *pink form* itu kira *special* dan dia dikecualikan kerana memang betul, ada kesahihan, penambahan ahli keluarga dalam isi rumah. Barulah kira *fair* sikit. Walaupun kata 30% tapi dalam 30% itu pun masih ada juga yang tak sepatutnya dikenakan *surcharge*.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Saya jawab dahulu. PBA ada satu skim *bulb meter*. *Bulb meter* di mana seperti yang Yang Berhormat berkata. Dalam satu rumah dahulu Pulau Pinang ada tapi di seberang ada. Dahulu di Jalan Hutton, satu rumah lama itu,

berpuluh-puluh keluarga dan beri mereka meminta *bulb* meter. Dia dapat satu *concerned rate* yang lebih murah yang bukan terpakai kepada WCS sahaja.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih beri laluan dan bagi peluang. Y.B. Bagan Jermal, saya lihat tadi ada dengar Y.B. daripada Telok Ayer Tawar kata satu *complaint* paip bocor bertahun-tahun tidak dibaiki. Saya memang amat terkejut dan saya ingin nak tanya mengikut pengalaman di sini. Y.B. Telok Ayer Tawar, masa *you* lapor kepada PBA melalui *hotline* apa? Nombor telefon? Nombor telefon *hotline* adalah 5096509 dan adakah Y.B. minta aduan nombor? Adakah *you* minta aduan nombor untuk *follow up* ini kes? Sebab untuk pengalaman saya pada tahun 2006, saya masih tidak memegang apa-apa portfolio, saya nampak mana-mana paip bocor, saya memang telefon kepada PBA dan saya akan *follow up* dan di situ saya tahu PBA ada satu sistem, dia akan merakam semua *complaint* dan jikalau Y.B. Telok Ayer Tawar, *you* minta itu aduan nombor dari itu PBA dan lepas itu hari, tiga (3) hari dia tak buat *you* boleh telefon balik dia tanya mengapa tak buat? *Complaint* itu tak diselesaikan. Aduan nombor itu ikut tahun, bulan, *date* dan hujung tu empat (4) angka. Tak, tak, bukan, bukan. Saya ingin tahu sebab pengalaman saya pada tahun 2006, saya dah buat banyak *complaint*. Kalau ikut cari nombor telefon saya, boleh dapati berapa banyak *complaint* dan saya memang agak jikalau semua orang, bukan saya kata ini isu, bukan saya kritik Y.B. Telok Ayer Tawar. Saya cuma nak peringatkan kepada semua rakyat, di mana kalau nampak paip bocor, tolong telefon *hotline* ini 5096509 supaya air dibazirkan begini boleh diabaikan ataupun dikecuali NRW. Ini memang satu cara. Yang kedua kita selalu selidiki *surcharge* telah merampas kemudahan ataupun sudah jejas ekonomi rakyat-rakyat pengguna air di Pulau Pinang. Tapi walhalnya tiada sesiapa pun tanya mengapa TNB, mereka juga pakai sistem macam ini dan satu keluarga *you* guna berapa unit? Selepas tu dia akan naik, tiada sesiapa tertanya-tanya pun. walaupun kita bayar itu air saja satu bulan seperti bagi contoh saya, dua bulan punya air *charge* tak lebih RM5.00 tapi TNB begitu mahal tak ada siapa soal pun. Mengapa?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Untuk menjimatkan masa, saya pendekkan penggulungan saya dan saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat dari Padang Lalang menjawab bagi pihak saya. Mengenai pertanyaan dari Yang Berhormat Seberang Jaya, berapakah kutipan WCS? Saya memang di sini ada sebuah *annual report* dari PBA. Ini boleh diedar kepada sebab PBA adalah sebuah syarikat *public listed* dan ini telah diedar kepada semua *share holder* dan kalau Yang Berhormat berminat, saya boleh bagi satu naskah untuk Yang Berhormat menyemak butiran semua-semua akaun tapi saya buat masa ini,

kalau saya nak cari agak ambil masa yang panjang.

Jadi ada juga pencapaian yang cemerlang bagi pihak PBA. Y.B. Dato' Speaker, misalnya PBA, *profit after tax* 2007 masa Barisan Nasional dia RM43.9 juta, 2008 RM31.3 juta, 2009 RM14.8 juta, 2010 RM26.2 juta dan tahun yang lepas 2011 RM45.7 juta. Y.B. Dato' Speaker, keuntungan ini atau *profit* ini, dia turun naik sebab dia juga ikut ekonomi semasa. Ekonomi dunia pun akan mengalami akibatkan prestasi ekonomi negara kita. Jadi kalau ekonomi kurang memberangsangkan maka penggunaan air oleh kilang-kilang atau *manufacture* akan menurun. Jadi ini mengakibatkan naik turun prestasi, keuntungan PBA. Saya perlu mengucapkan tahniah kepada PBA kerana mendapat penganugerahan antarabangsa atau *International Award of Watering*. Itu satu anugerah, *Best Water Operator For Partnership* pada tahun lepas iaitu 2011 bersama-sama dengan PDAM (Perusahaan Daerah Air Minum), Tirta Musi Palembang, Indonesia. *Watering* mewakili *International Water Assosiation*, *The Asian Development Bank* dan juga *United State Agency For International Development*. *Watering* adalah satu pertubuhan antarabangsa. PBA oleh kerana menolong PDAM, Tirta Musi Palembang, Indonesia menaiktarafkan bekalan air paip berterusan iaitu 24 jam yang selamat diminum yang ini memanfaatkan kepada 150,000 penduduk-penduduk di Palembang, Indonesia. Jadi ini adalah prestasi selain daripada anugerah-anugerah terlebih dahulu. Jadi kalau dikatakan, prestasi PBA semakin turun, itu bukanlah satu fakta yang benar dan itulah jawapan saya untuk semua perkara-perkara yang berbangkit dan sekiranya ada apa-apa yang tak sempat saya menjawab, pegawai-pegawai berkenaan, pegawai-pegawai semua ada di sini dan mereka pasti akan mencatat semua ini dan akan mengambil tindakan susulan. Sekian saja saya mohon...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Yang Berhormat, belum, yang ini belum jawab lagi. Saya punya belum jawab lagi. Y.B. Dato' Speaker, saya mohon sikit peluang lagi. Saya tanya satu soalan. Adakah Kerajaan Negeri ataupun PBT mempunyai rancangan untuk membina sebarang jalan pintas baru dalam daerah SPT dalam masa terdekat dan jawapannya kata tak ada. Tapi sebaliknya satu lagi jawapan daripada Y.B. Padang Kota, dia kata projek membina jalan baru dari Jalan Betek ke Permatang Rawa ke Jalan Tanah Liat mungkin akan diadakan lagi projek jalan luar bandar menyambungkan Jalan Berapit ke Jalan Kulim ke Jalan RN maksudnya Rancangan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2010 hingga 2015. Mengapa jawapan diberi oleh Kerajaan ini tidak bersatu. Saya ingin nak tanya sebab satu daripada pihak Y.B. Bagan Jermal kata langsung tak ada dan mana satu yang benar?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Sepatutnya saya telah habis penggulungan saya, tetapi apa yang saya tau kalau katakan Jalan Kulim untuk projek ke Berapit memang itu adalah satu sebatang jalan yang melalui Kampung Besar dan jalan yang sedia ada ini bukan jalan JKR. Tanahnya pemiliknya adalah KTMB dan sekiranya kita hendak membina jalan Kampung Besar ini iaitu menyambungi Jalan Kulim hendak pergi ke Berapit, ia perlu berbincang dengan KTMB untuk mengambil alih tanah konsesi KTMB itu dan itu kita sedang berusaha dan kita akan berunding dengan KTMB sama ada mereka boleh menyerahkan tanah itu untuk JKR dan JKR akan merancang untuk membinannya. Sebab itu dalam jawapan kita, kita tak ada buat masa ini, tak ada sebab belum ada lagi, mengenai Jalan Betek pergi ke Tanah Liat itu pun dalam pengetahuan kita belum ada, belum ada, nanti saya akan semak dengan soalan ini, kita akan mengambil tindakan susulan, sekian saja terima kasih, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih Y.B. Bagan Jermal seterusnya, Y.B. Kawasan Batu Maung

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Bismillahirrahmannirrahim, Assalammualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh, Yang Berhormat Dato' Speaker, dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang dihormati, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Salam Ma'al Hijrah kepada umat Islam di Pulau Pinang yang akan menyambut Tahun Baru Maal Hijrah dengan tema bagi Kerajaan Negeri bagi tahun ini "Hijrah Menjana Keperibadian Unggul" yang akan disambut pada 14 dan 15 November ini. Sekali lagi Kerajaan Negeri mengorak langkah memperbudayakan ilmu dengan pelancaran buku karya Dato' Dr. Sheikh Fadil, Islam Melayu memartabatkan umat dan daulat rakyat yang akan disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun dengan ucapnama yang akan disampaikan oleh Ketua Pembangkang, Parlimen Malaysia merangkap Ahli Parlimen Permatang Pauh, Dato' Sri Anwar Ibrahim.

Saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Perayaan Deepavali kepada seluruh rakyat yang beragama Hindu. Sempena minggu peperiksaan yang sedang berlangsung sekarang, saya juga ingin

mengucapkan selamat maju jaya kepada pelajar-pelajar kita yang menghadapi peperiksaan SPM, STPM, doa saya agar kejayaan sentiasa mengiringi pelajar-pelajar sekalian.

Izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan komited dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2013, dan ucapan Bajet Y.A.B. Ketua Menteri yang bertemakan Agenda Ekonomi Saksama (AES), dan yang melibatkan portfolio MMK Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna yang telah diamanahkan kepada saya. Ingin saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah berjaya membahas dengan memberi cadangan-cadangan yang bernas tetapi ada juga yang bersandiwara dan juga tidak mempunyai fakta, yang lebih daripada itu memutarbelitkan fakta-fakta dan isu-isu seperti Yang Berhormat Sungai Dua. Perdagangan dalam Negeri,.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Penjelasan, penjelasan, di mana yang tak ada fakta? Bolehkah Yang Berhormat terangkan di mana hujah saya yang tiada fakta.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat Sungai Dua mendengar ucapan Yang Berhormat dan meneliti ucapannya, Yang Berhormat akan tahu apa itu perbezaan miskin tegar dan miskin? Satu (1), nombor dua (2) fakta yang diputarbelitkan, Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam ucapan itu dia kata RM770.00 bukan 700 orang, apa yang dimaksudkan yang dikatakan Y.B. Sungai Dua, 700 orang, saya telah tunjukkan ucapan itu, muka surat 18, tapi terus Yang Berhormat makin masih memutarbelitkan fakta.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Penjelasan, saya ingat Yang Berhormat sendiri tidak menyemak kenyataan-kenyataan ataupun jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli EXCO yang berkenaan. Saya tanya berapa banyakkah apa miskin tegar yang telah diberikan wang yang dilaksanakan okleh kerajaan? Diberi angka seluruh Negeri Pulau Pinang 700 orang lebih, ini jawapan yang diberi, Yang Berhormat yang tak semak fakta.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yang Berhormat Sungai Dua itu lah yang saya kata tadi banyak lagi

yang fakta-fakta Yang Berhormat cuba memutarbelitkan. Saya juga.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya masih tak puas hati, saya dikatakan memutarbelitkan fakta... (gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Sektor perdagangan adalah merupakan sektor yang terpenting dalam pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Sejarah telah membuktikan bahawa Pulau Pinang telah mencapai status sebagai satu destinasi perdagangan yang tersohor di Asia Tenggara pada satu masa dahulu, malangnya yang kita telah leka dan membiarkan status ini hilang semenjak 50 tahun yang lepas. Saya ingin mengembalikan kegemilangan Pulau Pinang sejak pengambil alih Kerajaan dengan mengadakan pembaharuan dan nilai tambah dalam perancangan dan pelaksanaan program-program perdagangan dan perniagaan Pulau Pinang. Dalam jangka masa lima (5) tahun ini, walaupun ianya begitu singkat jika dibandingkan dengan 50 tahun kerajaan Pakatan Rakyat telah merancang dan melaksanakan beberapa program-program inovatif dan agresif. Bagi meningkat nilai tambah dalam aktiviti perdagangan yang sedia ada. Walau bagaimanapun banyak yang perlu lagi dipertingkatkan, dibaiki berkenaan dengan isu pelabuhan bebas yang kononnya diperjuangkan oleh Barisan Nasional, terutama sekali GERAKAN, ini adalah satu lagi sandiwara Barisan Nasional di bawah kepimpinan GERAKAN, dahulu yang memansuhkan status ini sekarang GERAKAN.

Yang Berhormat Dato' Speaker sudah belajar daripada UMNO bersandiwara. Sepertimana kenyataan Ketua Menteri iaitu kalau Kerajaan Pusat BN ikhlas untuk mengembalikan status pelabuhan bebas berilah sekarang, kenapa nak tunggu nak ambil Kerajaan Negeri baru, nak beri? Begitu juga beberapa janji-janji yang diutarakan oleh Jeneral Barisan Nasional tentang kereta api dan sebagainya so itu adalah di antara sandiwara-sandiwara sudahlah pembohongan demi pembohongan, rakyat sudah jelak dengan sandiwara pembohongan Barisan Nasional, Gerakan UMNO sejak kebelakangan ini. Di antara pembaharuan yang dijalankan di Negeri Pulau Pinang.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan sikit. Sandiwara? Kita di sebelah sini, kita bercakap kita buat kita tak sandiwara, cuba Yang Berhormat, tengok balik janji-janji pilihan raya lepas, tak ada pun yang dilaksanakan, tak ada. Bercakap tentang

kesesakan lalu lintas sampai hari ini semakin teruk, tak ada usaha langsung nak buat, nak selesaikan masalah ini, yang itu, yang Sungai Nyior tak selesai, di sebelah sini yang kita janji, kita boleh buat ada, kemampuan dan kita pasti kita buat kalau janji, yang tak boleh, memang kita tak akan janji itu yang prinsip kita.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okay, terima kasih Yang Berhormat, (gangguan) Telok Bahang tapi kita boleh tengoklah....(gangguan) empat tahun setengah (4½), lima (5) tahun berbanding dengan 50 tahun yang dijalankan, sungguhpun 50 tahun itu banyak masanya tetapi pembaharuan-pembaharuan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang sangat ketara, silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Ahli Batu Maung. Y.B. Dato' Speaker, saya rasa yang dikatakan janji yang ataupun fakta yang diputarbelitkan, sebenarnya tak betul, apa yang kita yang dimaklumkan bahawa status bebas cukai yang dikembalikan kepada Pulau Pinang adalah satu pakej, pakej transformasi untuk ekonomi dan pembangunan Negeri yang mana memerlukan mandat baru diberi oleh rakyat Negeri Pulau Pinang. Jadi kalau rakyat nakkan pembaharuan, pembangunan yang pesat hanya Barisan Nasional saja yang mampu membawanya.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Itu satu *statement* yang begitu besar, saya masih ingat lagi sebelum pilihan raya 2008, banyak pakej-pakej yang dibentangkan sehingga selepas Pilihan Raya 2008, LRT dijanji begitu, begini dan sebagainya satu pun tak nampak sipi-sipi jambatan kedua itu, sipi-sipi nak dibatalkan oleh sebab pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di peringkat Negeri mengutarakan suruh batalkan tapi nasib baiklah, tekanan rakyat yang telah mengundi kepada Pakatan Rakyat begitu kuat sehingga jambatan kedua diteruskan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan. Tadi Yang Berhormat sebelum ini sebutkan tentang pembaharuan dalam masa empat (4), lima (5) tahun pembaharuan, Yang Berhormat tidak bercakap tentang pembangunan yang kita telah buat dahulu, tak sebut, tak bagi kredit langsung ke pada Barisan Nasional? Kredit tentang

pembangunan, Negeri sampai peringkat ini, dah maju, hingga ke peringkat yang telah jadi memang *the top in the country* pada satu peringkat. Ini dah turun balik dah, bila dah berubah Kerajaan, kita dah berusaha, saya sebut dalam tiga (3) hari ini, tentang contoh bagaimana kita mengubah ekonomi kita daripada pertanian, industri, satu peringkat kita hapuskan *free for status*, kenapa? *Why?* Kenapa kita hapuskan *free for status*? Kerana pada masa itu, kita nak *transform* ekonomi kita dan kita nak *protect* industri yang ada di sini, kalau kita teruskan dengan *free port* kita, tak ada *protection* dari segi *manufacturing sector* ini akan terjejas, kena masuk barang-barang luar *free port*. Sebab itu pada masa itu, ditarik balik pelabuhan bebas supaya *manufacturing* kita dapat *protection* itu masa itu. Sekarang nampak ada perubahan, keadaan, mungkin kita boleh buka balik tentang status pelabuhan bebas. Jadi kondisinya berubah dari semasa ke semasa, kita jangan pukul rata semua tadi.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yang Berhormat Telok Bahang ini, dia berpengalaman besar, sebab dulu dia pegang Pulau Pinang, EXCO, Timbalan Ketua Menteri, Parlimen dan balik, ditolak balik ke Pulau Pinang, memang betul, memang betul perkembangan Pulau Pinang dalam Malaysia ini, daripada tahun 57 hingga ke 2008, tetapi kita mesti lihat, pandang ke hadapan dan maju ke hadapan, tidak semestinya kita duduk dan berterima kasih dan menunggu keruntuhan ekonomi dan keruntuhan masyarakat. Ini apa yang dimaksudkan ialah kerana apa rakyat telah memberi mandat kepada Pakatan Rakyat kerana melihat keadaan *the graceful ...*(dengan izin) *the graceful decline* ataupun apa yang sedang berlaku sebelum 2008, so...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, Yang Berhormat Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya nak perabih ini, boleh? sikit, sikit, lepas itu saya boleh bagi, insya-Allah. Saya memang akan bagi pada Pulau Betong, Telok Bahang kerana boleh bincang ada orang tak boleh bincang bagi fakta-fakta yang

memutarbelitkan, *insya-Allah* saya akan bagi Pulau Betong.

Untuk perkara ini, bergiat cergas mengaktifkan semula peranan Pulau Pinang dalam kerjasama IMT-GT (Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle), kerajaan dahulu terlalu leka hingga gagal pertahankan kekilauan mutiara Pulau Pinang dalam memainkan peranan yang aktif di rantau ini. Pihak Kerajaan Negeri berusaha dengan gigih untuk mengembalikan kekuatan Pulau Pinang dengan bergiat cergas dalam kerjasama IMGIT ini, *insya-Allah*. Oleh demikian Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan penyertaan dengan pelbagai-pelbagai aktiviti dan program IMT-GT sehingga dapat memainkan peranan utama, *insya-Allah* kesemua program yang telah dianjurkan ini, disertai dan diberi peluang kepada usahawan Pulau Pinang. Ini mustahak kerana Pulau Pinang mesti diberi satu peningkatan keluar dari Pulau Pinang, Negeri ini untuk ke pasaran luar seperti yang utama di Thailand dan Indonesia Kerajaan Negeri juga terus menyelaras ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat, saya nak patah balik sikit, ia tentang Penang Bridge nak kata kita BN tidak mendesak tidak betul, kami bermesyuarat, kami yang minta supaya diteruskan projek itu, pembetulan kata kita tak boleh buat. Yang kedua menyentuh tentang keusahawanan baru ini saya juga ke Aceh melihat tentang apakah sebenarnya yang dibuat oleh IMT-GT Aceh, saya berjumpa dengan beberapa kumpulan usahawan di sana mereka tak tahu apa dia IMT-GT, tak tahu apa yang Penang buat di sana.

Yang kedua, dalam soalan ini saya tanya apakah kejayaan, jelaskan program keusahawanan yang telah dijalankan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan kejayaannya serta perbelanjaannya mengikut tahun sejak 2008. Jawapan cukup ringkas. Saya baca. "Sejak tahun 2008 sehingga 2012 Kerajaan Negeri oleh PDC telah melaksanakan pelbagai program keusahawanan dengan matlamat utama untuk membantu usahawan meningkatkan potensi diri supaya lebih berdaya saing, membantu menambah ilmu pengetahuan, mempromosikan produk dan perkhidmatan serta membina jaringan perniagaan usahawan."

Saya minta perbelanjaan mengikut tahun, tak bagi pun, tetapi yang paling menyedihkan saya di para kedua, program-program keusahawanan yang telah dilaksanakan adalah sebanyak, RM400,760,071.00 lebih daripada pendapatan Negeri. Ini apa ini. Program keusahawanan yang telah dilaksanakan adalah sebanyak RM400,760,071.00. Ini jawapan yang kami

tunggu daripada hari Jumaat, Isnin, Selasa, Rabu baru bagi ini jawapan dia? Dahlah tak menjawab soalan, tetapi angka yang diberi ini betulkah? Saya mintalah Yang Berhormat serius sikit bila bagi jawapan jawab betul-betul, dengan fakta yang betul. Jangan macam ini saya pun terkejut pendapatan Negara, Negeri, berapa RM200 juta lebih. Ini program keusahawanan RM400 juta. Saya tak tahu lah, pusing ini silapkah, kalau salah tolong buat pembetulan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Pada Pulau Betong, saya akan *insya-Allah* akan meneliti kembali jawapan itu diberi oleh. Saya akan meneliti apa jawapan itu. Kejayaan Keusahawanan ini kalau nak kata dalam dua (2) para. Saya rasa itu adalah satu subjek yang diberi tetapi banyak kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang *insya-Allah* saya akan meneliti dan memberi jawapan yang sepenuhnya bertulis yang sepenuhnya kembali kepada Y.B. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Setuju tak, saya akan menjelaskan di Dewan yang mulia ini, bahawasanya program keusahawanan yang dibawa IMT-GT oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan PDC kalau usahawan-usahawan yang dibawa oleh PERDA dan sebagainya bukan Kerajaan Negeri semata-mata bersama dengan agensi yang lain so harus kredit diberikan kepada mereka juga dan bukan semata-mata Kerajaan Negeri saja.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yang Berhormat saya faham PERDA juga membawa usahawan-usahawan, FAMA juga membawa usahawan-usahawan, banyak lagi agensi-agensi yang berusaha memajukan usahawan di Negeri Pulau Pinang. Tapi apa yang saya menegaskan di sini adalah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri, so saya juga ingin membawa perhatian Yang Berhormat kepada awal tahun, lepas pilihan raya 2008 apabila ada suara-suara pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang meminta Kerajaan Pusat batalkan projek jambatan kedua tapi Y.B. Pulau Betong ataupun Telok Bahang yang bersama-sama berusaha untuk lobi supaya jambatan itu teruskan saya ingin mengucapkan terima kasih bagi pihak rakyat Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga turut memperkukuhkan hubungan dan mempergiatkan aktiviti perdagangan dua (2) hala yang satu lagi usaha yang kita sedang jalankan adalah menambah baik perkhidmatan aktif pihak swasta bagi aktiviti *Barter Trade* atau *Coastal Trade Network*. Y.B. Pulau Betong tadi telah

membangkitkan tentang usaha dengan Aceh. Usaha dengan Aceh ini dengan usaha Y.B. Penanti dan juga Y.B. Perai. Kita telah banyak berusaha untuk merapatkan hubungan dua (2) hala di antara Aceh dan Pulau Pinang. Kita juga telah mengadakan MOU, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengadakan MOU dengan Aceh untuk kita mempergiatkan usaha-usaha perdagangan terutama sekali, kita sedang berusaha agar kedua wilayah ini wilayah Aceh dan Pulau Pinang dapat berusaha untuk memajukan industri-industri yang ada di Aceh seperti industri gas.

Kedua adalah usaha kita merapatkan hubungan kapal supaya perkapalan daripada Aceh iaitu Pelabuhan Lhokseumawe dapat bersama dapat datang ke Pulau Pinang secara harian ataupun *frequent schedule*. So itu kita telah ada dua perjanjian malangnya saudara maaf, ADUN daripada Pulau Betong juga biasa ke sana banyak kali ke sana dan tahu keadaan... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tarik balik, saya pergi sekali, bukan banyak kali, saya pergi sekali hari itu, Penanti dengan Perai pun bersama pergi melawat pelabuhan. Sekali saya pergi bukan banyak kali. Anggap yang betul-betul di dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim) :

Maaf, anggapan saya, andaian saya Medan, Aceh, Songkhla, Hatyai. Ini adalah wilayah-wilayah yang kita melawat oleh sebab perniagaan dan juga oleh sebab hubungan bukan apa lain. Jangan Y.B. Pulau Betong ingat lain pula. Apa yang kita telah adakan ialah kita telah mengadakan perjanjian pertama dengan sebuah syarikat perkapalan yang ingin kita bawa syarikat itu supaya datang *on schedule shipment* untuk membawa barangan daripada Aceh. Barangan yang popular di Aceh ialah pisang yang mana banyak industri ladang-ladang pisang di sana untuk bawa ke sini dan daripada sini kita telah pun menyediakan barang-barang elektronik seperti *house whole* elektronik untuk dibawa masuk, tetapi malangnya masalah kapal kayu dan kapal besi ini. Di sana popular kapal kayu dan mereka hendak membawa kapal kayu masuk ke sini, tetapi pihak insurans dan pelbagai pihak di sini tidak dapat menerima dan akhirnya perjanjian itu tidak dapat diteruskan. Perjanjian kedua selepas dua (2) tahun lepas, saya rasa dua (2) tahun lepas mengadakan juga satu (1) lagi perjanjian dengan sebuah syarikat perkapalan tempatan dengan syarikat perkapalan di Aceh tetapi malangnya sehingga hari ini tidak dapat kita teruskan oleh sebab-sebab keadaan di sana dan keadaan di sini agak berlainan. Y.B. Pulau Betong dan lain-lain Yang Berhormat sedia maklum keadaan perbezaan antara dua sistem yang berlaku.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Minta penjelasan, terima kasih, kita hari ini dengar tentang malang, lepas satu benda malang yang jiran kita terdekat Thailand mereka adalah satu Negara yang memang *more advance* daripada pertanian hasil tani dia memang hebat memang banyak patut kita ada hubungan yang lebih rapat saya ada sikit-sikit hubungan itu dan dia orang *ready to work with us* jadi kena *explore* ini kawasan yang cukup maju dalam bidang pertanian.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih Y.B. Telok Bahang. Ini cadangan yang bernas yang kita akan terus mengambil kira dan *works on insya-Allah*. Satu kejayaan yang ketara yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri adalah memperkemarkan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti promosi dan pameran perdagangan melalui program Penang Trade Event. Walaupun pada waktu pemerintahan selama lima (5) tahun Kerajaan dahulu berusaha mempromosikan MICE namun tiada hasil yang ketara dapat ditunjukkan. Tetapi dengan hanya lima (5) tahun, Kerajaan Negeri tanpa menghabiskan kos peruntukan yang tinggi telah berupaya menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat pameran dan perdagangan yang tersohor selepas Kuala Lumpur di negara ini. Pelancaran Penang Trade Events ataupun acara-acara perdagangan bertaraf antarabangsa telah dilaksanakan buat kali kelima semenjak tahun 2009. Lebih 52 buah pameran telah diadakan sepanjang tahun 2012 yang menjadi *partner* kepada Penang Trade Events Partner sehinggakan semua pusat-pusat pameran di Pulau Pinang habis ditempah. Bermula dengan hanya 16 acara pada tahun 2009 hinggalah *insya-Allah* 55 acara bagi tahun 2013. Pada awal usaha ini iaitu awal 2009 Kerajaan Negeri mengenal pasti kelemahan industri ini iaitu ketiadaan *venue* peringkat antarabangsa dan telah memulakan usaha untuk mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak untuk mewujudkan kembali cadangan PICC atau Penang International Conventioan Centre. Namun Kerajaan Negeri....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Adakah Yang Berhormat akan menyentuh isu-isu keselamatan yang telah saya bangkitkan semasa perbahasan. Cadangan perbahasan mengenai kakitangan untuk menjaga keselamatan pegawai-pegawai EXCO dan Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya akan sentuhnya di akhir nanti *insya-Allah*. Kalau saya lupa boleh ingatkan balik. Namun Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk mengeluarkan tender bagi pembinaan Pusat Konvensyen Antarabangsa di Pulau Pinang. Penender yang berjaya telah mengutarakan cadangan projek yang dinamakan SPICE atau *Subterranean Penang International Convention and Exhibition Centre*. Ini merupakan satu mercu tanda kejayaan Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat MICE di rantau ini. Program ini telah mengangkat Pulau Pinang sebagai pemain utama untuk penganjuran acara-acara pameran perdagangan bertaraf antarabangsa dan menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat MICE, *Meeting, Incentive, Convention and Exhibition* di rantau ini.

PISA juga sedang dinaiktarafkan sebagai sebahagian daripada projek SPICE. Usaha untuk membangun dan mempromosikan *venue-venue* peringkat kedua dan ketiga (*2nd and 3rd level venues*) sedang rancak dijalankan. Pada tahun 2010 kita telah melancarkan buat pertama kali MICE International Conference buat pertama kali brosur pada tahun 2011 sempena MICE yang kedua. Kejayaan ini amat membanggakan kerana berjaya dalam jangka masa hanya lima tahun di mana Barisan Nasional gagal melakukan pada pemerintahan sudah memerintah 50 tahun.

Penubuhan Penang International Convention and Exhibition Bureau (PICEB) Kerajaan Negeri sedang dalam proses perancangan menubuhkan Penang International Convention and Exhibition Bureau (PICEB) iaitu biro untuk mempromosikan dan bertujuan menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat MICE antarabangsa. Konsep penubuhan PICEB ini berkonsepkan MICEB ataupun Sarawak Convention Bureau. PICEB dirancang akan diterajui oleh pihak swasta dan disokong oleh Kerajaan Negeri. Buat masa ini Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk yang dijangka pelancaran PICEB ini dapat dibuat pada awal tahun 2013 nanti.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Ini pasal pelancongan ini bila Yang Berhormat ambil alih pelancongan ini?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Y.B. Telok Bahang kita kena faham ini adalah dalam perdagangan iaitu pusat pameran dan aktiviti-aktiviti expo perdagangan. Pelancongan satu *part* nya iaitu insentif dan juga *travel*. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PDC akan terus melaksanakan di masa hadapan pelbagai program pembudayaan dan bimbingan usahawan dalam bentuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan premis perniagaan, program promosi dan pemasaran serta pemadanan perniagaan bagi membantu usahawan baru serta usahawan kecil dan sederhana memantap dan seterusnya mengembangkan perniagaan.

Memperkemaskan dan menyelaraskan aktiviti promosi perdagangan dan perniagaan sepanjang bulan Ramadan melalui Ramadan Suoq. Penang Ramadan Suoq merupakan satu konsep penjenamaan di mana program yang dilaksanakan dibuat serentak dengan menggunakan logo dan tema yang sama sempena bulan Ramadan di seluruh Pulau Pinang. Pelancaran pertama kali Penang Ramadan Suoq 2011 telah dijalankan oleh Tuan Yang Terutama Tun telah menyaksikan penyertaan 30 buah organisasi swasta. Manakala bagi Penang Ramadan Suoq 2012 yang bertemakan "Ramadhan Dihayati, Ekonomi Diberkati" telah dilaksanakan pada 15 Julai 2012 di mana jumlah penyertaan telah meningkat kepada 34.

Program ini merupakan satu lagi program bagi meningkatkan aktiviti perniagaan dan perdagangan dan juga amal kebajikan pada bulan Ramadan di Pulau Pinang. Menggunakan Penang Trade Event sebagai *benchmark* dijangkakan program ini akan menarik lebih ramai pihak swasta menyertainya dan juga baiknya Negara-negara Timur Tengah telah menunjukkan minat dalam produk ini. Memperkukuhkan dan menyediakan *platform* bagi semua perdagangan perniagaan tanpa kira kaum agama dan latar belakang telah dijalankan melalui Jawatankuasa MMK Perdagangan dan Jawatankuasa MMK Promosi.

Pembangunan industri halal. Pembangunan dan membangunkan dan mengaktifkan industri halal melalui penubuhan halal Penang. Dahulunya industri halal diterima dingin oleh Kerajaan Negeri yang lepas. Namun dalam waktu yang singkat dan terhad Kerajaan Negeri telah berupaya meneroka dan membangunkan industri yang sangat berpontensi ini dalam bentuk *hardware* dan *software* nya. Kita berjaya membangunkannya walaupun hanya diberi masa kurang daripada lima (5) tahun sehingga sekarang menjadi yang terunggul di Malaysia di rantau ini dan juga di dunia, *alhamdulillah*. Sektor halal kini merupakan *sunrise industry* yang berkembang pesat berikutan dengan peningkatan populasi orang Islam yang berjumlah 2.1 bilion iaitu 28.73% daripada populasi dunia. Kadar peningkatan populasi muslim sebanyak 1.84% nilai pasaran halal global pula dianggarkan berjumlah 2.3 trilion USD sumber daripada IHI Alliance dan ada juga sumber yang mengatakan sudah meningkat kepada USD 3 trilion. Dengan kepercayaan

yang telah diberikan oleh rakyat untuk mentadbir Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Pakatan Rakyat telah bangkit membawa satu pembaharuan dengan menubuhkan Halal Penang untuk mempelbagaikan ekonomi Pulau Pinang, khususnya mengambil peluang sama industri dan yang utama adalah sabagai fardhu kifayah orang Islam.

Sesungguhnya usaha Kerajaan Negeri untuk memartabatkan industri halal wajar dipuji. Memandangkan hanya dalam tempoh empat (4) tahun, pembinaan yang singkat, Kerajaan Negeri berjaya menamakan Pulau Pinang sebagai hub halal antarabangsa. Halal Penang yang dibangunkan sejak bulan Ogos, 2008 mempunyai visi yang mewujudkan Halal Ekosistem di Pulau Pinang, mencirikan pembangunan yang *comprehensive*. Kerajaan Negeri mempunyai visi bagi membangunkan Pulau Pinang sebagai Global Halal Centre berteraskan sepuluh (10) kluster yang merangkumi keseluruhan gaya hidup berteraskan konsep halal yang dinamakan Halal Ekosistem. Sepuluh (10) kluster ini adalah logistik, kewangan Islam, pembangunan dan penyelidikan, pelancongan dan hospitaliti, asas tani, sains kehidupan, industri pembangunan sumber tenaga manusia, promosi dan pemasaran dan pembangunan usahawan.

Perancangan dan pelaksanaan pembangunan agensi ini ditumpukan kepada tiga (3) aspek. Penjenamaan Pulau Pinang sebagai Hub Halal Antarabangsa, mewujudkan Taman Industri Halal Pulau Pinang dan mempertingkatkan status syarikat-syarikat halal di Pulau Pinang. Usaha promosi yang agresif untuk menarik pelaburan di Taman Industri Halal Pulau Pinang ataupun TPHPP bermula pada awal 2009. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan 100 ekar tanah di Penang Science Park, Bukit Minyak dan pada tahun 2011, Taman Industri Halal Pulau Pinang yang pertama ini telah mendapat pengiktirafan status HALMAS daripada HDC dan ia dinamakan HALMAS HDC Designated Park oleh Halal Industry Development Corporation dan membolehkan pelabur-pelabur menikmati insentif-insentif seperti pelepasan cukai dan berbagai insentif-insentif lain.

Taman Industri Halal Pulau Pinang yang terbahagi kepada 4 fasa, iaitu fasa A 15.52 ekar zon farmasuatikal, fasa B 28.47 ekar, fasa C 16.6 ekar, fasa D 40.5 ekar. Dari 100 ekar yang diperuntukkan ini, hanya 50.50 ekar sahaja fasa A, B, C yang siap dimasuki pelabur, yang mana 1.36 ekar tidak dapat dibangunkan oleh sebab-sebab teknikal. Manakala 40.5 ekar lagi masih belum siap dan menunggu proses pengambilan tanah.

Sehingga kini, Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti dalam ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam pembentangan belanjawan 2013, Taman Industri Halal telah menerima sepuluh (10) pelabur daripada sembilan

(9) buah syarikat tempatan dan antarabangsa dengan nilai pelaburan RM484 juta merangkumi 94.09 ekar tanah industri. Daripada sepuluh (10) pelaburan yang diterima, enam (6) buah syarikat sedang dalam proses pembinaan di Taman Industri Halal Pulau Pinang dengan peringkatnya 2% hinggalah yang ada 100%. Dua (2) buah syarikat sedang dalam proses *architect design*, satu (1) buah syarikat telah menandatangani jual beli pada 6 November, manakala satu (1) buah syarikat lagi ke arah proses akhir perjanjian jual beli.

Memandangkan keberkesanan inisiatif promosi agresif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi membangunkan halal, terdapat tiga belas (13) lagi permohonan dalam senarai menunggu bagi menempatkan kilang mereka di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang dengan keluasan yang diperlukan 39.77 ekar dengan nilai pelaburan yang dijangkakan RM115.29 juta dan Kerajaan Pulau Pinang juga telah membuat permohonan untuk 100 ekar lagi bagi Taman Industri Halal Pulau Pinang yang kedua. Saya ingin menyeru Yang Berhormat Pinang Tunggal janganlah memperkecil-kecilkan industri halal yang terdapat di Taman Perindustrian Halal, Penang Science Park. Industri halal tersebut berpotensi tinggi dan berteknologi tinggi.

Selain daripada itu, kerjasama antara Halal Penang dan Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang telah menganjurkan berbagai program. Dan kini status syarikat halal sudah meningkat sebanyak 605% dari tahun 2008 iaitu dari 55 buah syarikat sekarang 388 syarikat yang mempunyai status halal. Bagi mempertingkatkan penambahan jumlah syarikat yang berstatus halal pada tahun ini, Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam bergiat lebih proaktif bagi menggalakkan banyak lagi *outlet-outlet* antarabangsa memohon pensijilan halal. Di antaranya adalah Subway dan enam belas (16) buah francais buah *outlet Old Town White Coffee* dengan Subway sebelas (11) buah *outlet* dan enam belas (16) buah *outlet Old Town White Coffee*.

Sehingga Ogos 2011, tiada satu pun *outlet* nasi kandar yang memperolehi pensijilan halal. Namun dengan usaha gigih, agresif untuk menggalakkan pemilik dan pengusaha nasi kandar memperolehi sijil halal, syarikat pertama yang mendapat pensijilan halal pada bulan Jun 2012 adalah Nashmir Nasi Kandar dan diikuti rapat oleh Pelita Samudera Pertama (M) Sdn. Bhd. sebagai rangkaian yang kedua. Sekarang kita sudah dapat empat (4) lagi *outlet* nasi kandar yang telah berjaya mendapat pensijilan halal di Pulau Pinang dan di seluruh Malaysia, bermula dengan Pulau Pinang. Usaha selanjutnya adalah untuk industri-industri katering untuk memperolehi sijil halal. Ini selaras dengan penjenamaan Bahagian Pensijilan, Bahagian Pengurusan Halal iaitu di JAIPP. Kita nakkan kita agresif, persuasif dan kondusif kepada industri.

Bagi mempromosikan dan meningkatkan penjenamaan Pulau Pinang sebagai Hub Halal Antarabangsa, Halal Penang telah berjaya membina jaringan kerjasama dengan beberapa buah negara sejak penubuhannya, iaitu seperti Belgium, Pakistan, Mesir, Iran, New Zealand, Serbia, Kazakhstan, India, Arab Saudi, Kuwait, Wales, Jepun, Perancis, UK, China, Hong Kong. Selepas pengumuman Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2008 berhubung satu projek pengeluaran gelatin oleh sebuah syarikat pengeluaran tempatan, terdapat beberapa kekangan pembiayaan kewangan, Halal Penang telah berusaha untuk mendapat pelabur-pelabur yang berminat. Tetapi memandangkan usaha ini tidak ada perkembangan, Halal Penang memutuskan untuk menubuh sebuah syarikat pada tahun 2011 dan telah berjaya menarik pelaburan dari Iran dan juga pelabur tempatan untuk mengusaha gelatin halal yang berkapasiti 2,000 hingga 3,000 tan setahun.

Sepertimana dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri usaha membangunkan projek ini di zon farmaseutikal dengan 8.52 ekar berada di tahap penyediaan projek *paper* dan perancangan teknikal akhir. Projek kedua yang sedang diusahakan oleh Halal Penang ialah pengeluaran vaksin halal insulin di mana Pulau Pinang telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan sebuah syarikat New Zealand dan berada di tahap mencari pelabur yang berminat untuk meneruskan usaha ini. Tak malang. Kalau nak tanya soalan, bangun nak tanya soalan. Jangan bisik-bisik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya nak tanya. Cerita punya panjang tapi tak ada apa *success* dia. Tapi malanglah cerita dia.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Macam mana kalau nak kata tak ada *success* di mana daripada 55 buah syarikat (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Cerita berkenaan Hub Halal ni, penggal yang sudah pun bercakap hub halal, dengan ini juga yang sebelum itu pun hub halal yang inilah juga. Tapi malanglah, penggal yang ini pun cakap pasal ini juga.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ini yang tadi saya kata Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, inilah yang saya kata, Y.B. Sungai Dua bangkit buka mulut sahaja merepek. Tak tahu saya nak habaq. Kalau Yang Berhormat daripada Sungai Dua bercakap seperti Y.B. Pulau Betong ataupun Y.B. Telok Bahang, baru boleh keluar, baru boleh tanya soalan. Bilakah gelatin halal ini akan memulakan pengeluaran. Vaksin halal yang kita usahakan empat (4) tahun ini dah sampai tahap mana. Status mana. Ini buka mulut, buka mulut merepek.

Ahli Kawasan Sungai Duan (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Buka mulut selalu malang.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yang Berhormat saya nak teruskan kerana kerajaan Pakatan Rakyat bukan satu Kerajaan yang membohong. Kalau kita kata benda tu tak jadi, kita kata benda itu tak jadi. Kalau kita kata benda tu dalam proses, kita kata benda itu dalam proses. Kita bukan kata pukul gendang semua betul. Semua jadi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Haji Saad):

Saya tahu penjelasan Yang Berhormat Batu Maung itu betul. Saya nak tanya Yang Berhormat, setelah beberapa RFP dibuat, daripada awal lagi berapakah daripada RFP itu, yang buat *request proposal* itu yang telah berjaya dilaksanakan. Berapa.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Maksud Yang Berhormat RFP apa? MOU?

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Haji Saad):

Projek yang dipelawa melalui RFP (*Requested For Proposal*) dari awal 2008 sehingga hari ini berapakah telah dilaksanakan. Berapa?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Itu saya rasa Y.B. Pulau Betong silap tanya. Kena tanya kepada Y.B. Air Putih. Saya tak sangkut paut dengan RFP dan portfolio saya tak sangkut paut

dengan RFP. Kalau tanya Yang Berhormat Padang Kota pun ada juga RFP yang satu (1), dua (2) ada.

Salah satu kejayaan Pulau Pinang, bukan malang tahu. Halal Penang adalah menganjurkan pameran antarabangsa ataupun PIHEC (Penang International Halal Expo dan *Conference*). Tiga (3) kali berturut-turut dan insya-Allah pada tahun ini akan jadi tahun yang keempat yang akan diadakan pada 18 hingga 20hb. Januari 2013. Dan tahun sudah kita telah mendapat kejayaan yang besar sehingga mendapat pengunjung selama tiga (3) hari sebanyak 50 ribu pengunjung. dan juga kita telah mengadakan konsert bersama-sama dengan program ini iaitu konsert Simfoni Mahabbah dan penglibatan dalam PIHEC ini telah dinaikkan. Kita telah dapati Negara-negara seperti Iran, Indonesia, Taiwan, Belgium dan New Zealand mengambil bahagian dan juga kita telah mendapat delegasi perdagangan dari Indonesia, Thailand dan Iran untuk hadir bersama-sama dalam program ini.

Alhamdulillah kita juga, satu lagi yang sedang diusahakan, jangan dok kata malang, malang. Dalam empat (4) tahun Halal Penang kita sedang berusaha untuk mencapai tahap mendapat Sijil Pengurusan MS ISO 9001:2008 dan juga MS1900:2005, Sistem Berkualiti Berteraskan Syariah. Dan *Insyah-Allah* kita jangka pada 18hb. Januari 2013 ini kalau semuanya berjaya kita akan dianugerahkan pensijilan ini.

Pembangunan Kelas F, ada soalan yang menyatakan yang melihat apakah perkembangan. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah menyentuh mengenai pembangunan kontraktor Kelas F melalui Rang Undang-undang Belajawan Perbekalan 2013 yang telah dibentangkan 1hb. November yang lalu. Sentuhan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri merupakan manifstasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang senantiasa mengambil berat dan prihatin mengenai hal ehwal dan untung nasib kontraktor-kontraktor khususnya Kelas F di Pulau Pinang.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri akan terus mempergiatkan dasar-dasar dalam pembelaan dan melestarikan pembangunan kontraktor Kelas F di Negeri Pulau Pinang. Dasar Majlis Perundangan, kita telah menubuhkan satu Majlis Perundangan dan dasar Majlis Perundangan kontraktor Kelas F ini diterjemahkan melalui peruntukan dan pengagihan projek-projek secara telus dan mampan kepada kontraktor Kelas F berdasarkan rekod e-Perolehan, pemberian projek pada kontraktor Kelas F senantisa dipertingkatkan dari tahun ke tahun.

Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak

RM38.5 juta untuk projek-projek kontraktor kelas F di Negeri Pulau Pinang dan menyaksikan peningkatan sebanyak RM26.8 juta berbanding tahun 2009 iaitu sebanyak RM11.7 juta. Tahun 2011 juga telah mencatat peningkatan ketara, di mana sebanyak RM67.9 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk kerja-kerja melibatkan kontraktor kelas F sahaja. Sehingga Oktober 2012, peruntukan projek-projek kontraktor kelas F telah mencecahkan sebanyak RM65.3 juta dan akan terus dipertingkatkan bagi tahun 2013 *insya-Allah*. Malah sejak 2010, undian dan sebut harga untuk kontraktor kelas F telah dimulakan seawal bulan Januari berbanding dengan amalan tahun-tahun terdahulu di mana undian dan sebut harga hanya mula dilaksanakan pada bulan Mac atau April.

Usaha-usaha untuk memartabatkan dan membangunkan kontraktor-kontraktor kelas F oleh Kerajaan Negeri bukan hanya sahaja menumpu kepada lokasi peruntukan tahunan malah diterjemahkan dalam usaha membangun modal insan untuk menambah nilai kepada kualiti dan kaedah kerja kontraktor kelas F. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Majlis Rundingan Kontraktor Kelas F Negeri Pulau Pinang bagi menjayakan usaha murni. Majlis Rundingan Kontraktor Kelas F Negeri Pulau Pinang bagi menjayakan usaha murni ini. Majlis Rundingan Kontraktor Kelas F Negeri Pulau Pinang berperanan untuk menyediakan platform untuk membuka meja rundingan bagi membolehkan jabatan, agensi-agensi Kerajaan dan kontraktor kelas F duduk semeja untuk mengkaji dan menilai kelemahan dan kekuatan masing-masing secara dua hala. Kerajaan Negeri pula bertindak sebagai *medium* dalam memastikan rundingan ini memberi tambah nilai kepada kontraktor kelas F, jabatan kerajaan serta agensi-agensi Pulau Pinang. Selain daripada itu, majlis rundingan ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Y.B. Batu Maung seperti Y.B. Timbalan Speaker saya duk perhati daripada saya terpandang Y.B. Batu Maung, saya terpandang Y.B. Pulau Tikus. Saya tahu yang Y.B. Permatang Berangan ia sakit. Adalah yang dia juga sakit, tetapi Y.B. Pulau Tikus tak nampak dia dari mula dia sakit atau apa, satu (1). Soalan saya tentang kontraktor kelas F, Y.B. Batu Maung masih ingat lagi dalam sesi kedua Dewan dia telah menunjukkan bukti penyeneraian hitam kontraktor-kontraktor kelas F okey, saya tanya dalam soalan saya bilakah surat yang menyenaraihitamkan lebih kurang 46 kontraktor yang tepat jika perlu kelas F oleh ketua-ketua jabatan dan nyatakan cara jawatan itu dan sudahkah surat itu sudah ditarik balik. Siapakah kontraktor-kontraktor yang telah buat kerja atau projek Kerajaan Negeri dan nyatakan di sini jawapan ini. Cuma saya tahu bahawasanya kebanyakan mereka ini masih tak dapat jawab dan tak dapat projek satu pun nama-nama yang kita telah buktikan dalam

Dewan DUN dua sesi yang lalu kenapa berlaku macam itu.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Y.B. Pulau Betong, soalan pertama itu saya tak dapat jawab itu hanya dapat Y.B. Timbalan Speaker dan sebagainya dan jawapan kedua.... (gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Yang Berhormat, Ahli Y.B. Pulau Tikus telah meminta cuti daripada Y.B. Speaker, selama *a week* kerana dia pergi ke USA.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey terima kasih. Masalah yang dibangkitkan oleh Y.B. Pulau Betong mengenai kontraktor kelas F yang kononnya disenaraikan hitamkan. Saya lagi ingin menegaskan lagi sekali iaitu tidak ada apa-apa penyenaian hitam kontraktor-kontraktor di Pulau Pinang kalau ada pun adalah hanya kontraktor-kontraktor yang berprestasi rendah yang telah apa ni tidak dapat menjalankan projek-projek Kerajaan yang terbengkalai dan sebagainya okey...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Y.B. Batu Maung, saya ingat soalan daripada Y.B. Pulau Betong bahawa terdapat lebih kurang 46 senarai kontraktor-kontraktor yang disenaraihitamkan, tapi Yang Berhormat kata tak ada tak ada senarai hitamkan okey, tapi Yang Berhormat kata mungkin kerana mereka ini prestasi tapi mereka tak pernah dapat kerja pun macam mana nak diukur prestasi mereka ini dan lagi satu betulkah mereka ini tak disenaraihitamkan kerana ada surat yang keluar dan tunjuk bukti dulu kata memang disenaraihitamkan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey sepertimana saya kata tadi saya pun tak tahu nak guna bahasa apa kepada Y.B. Sungai Dua. Kalau mereka kontraktor-kontraktor macam mana tak boleh ada prestasi, saya pun tak faham Y.B. Sungai Dua ini sebelum jadi ADUN atau sekarang ini pun mesti ada apa syarikat-syarikat mestilah buat, kalau kita ada borang nak masuk tender mestilah ada bekas-bekas pengalaman dan sebagainya. So JKR ini yang Y.B. Sungai Dua, dengar ini tanya soalan kena dengarlah baru boleh dapat tahu, Y.B. Sungai Dua bila tanya soalan JKR kah, MPPP kah MPSP kah, bukan 2008 baru ditubuhkan Yang Berhormat, mereka sudah ada di sini sejak hari merdeka, so kalau

mereka dah ada di sini dan kalau kontraktor buat kerja-kerja dia ada tertinggal macam di Mahkamah Syariah yang baru siap dah bocor, mereka semua inilah yang seperti jabatan-jabatan yang berkenaan yang mempunyai rekod, *trade record* so apabila mereka masuk adalah senarai hitam yang menyenaraikan mereka ini kerana berprestasi yang rendah, tetapi yang setahu saya selain daripada itu tidak ada lain-lain senarai hitam, ini yang maksud saya dan kalau ada yang lain-lain Y.B. Sungai Dua ada syarikat-syarikat yang ingin penjelasan kenapa mereka tak dapat kerja, bolehlah jumpa apa pengarah-pengarah ataupun Ahli-ahli EXCO dan kita boleh juga buat penyiasatan melihat apakah masalah...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Cuma saya nak dapatkan penjelasan betulkah tak ada senarai hitam ini. Itu saja...(gangguan). Ya atau tidak...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya dah kata pada persidangan sudah pun saya dah kata. Senarai hitam ini kalau nak mengatakan prestasi mereka mungkin ada...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Dalam surat yang dikeluarkan bukan kerana prestasi, surat yang dikeluarkan kerana mereka ini disenaraikan hitam....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Pasal apa mereka ini disenarai hitam hanya...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Kerana mereka penyokong UMNO, ada tulis di situ...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ada tulis di situ ke..ada tulis dalam surat itu kata penyokong UMNO...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Surat itu sudah dibuktikan dulu, surat itu telah dibuktikan dulu oleh Y.B.

Pulau Betong....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Y.B. Sungai Dua, kalau ada dalam surat yang mengatakan mereka itu kerana Ahli UMNO mereka disenaraihitamkan kononnya. Saya minta Y.B. Pulau Betong dan Y.B. Sungai Dua hantar surat kepada Kerajaan Negeri buat surat *official complaint*, kita boleh tengok siapa keluar, tak akan pula nak GERAKAN tak boleh boleh buat bisnes UMNO. ini bukan dasar KERajaan Pakatan Rakyat, tanah pun boleh jual kepada Barisan Nasional, ini tidak menjadi satu dasar. ya kita ada *offer* pasal apa tak bayar duit ada *offer*... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat Batu Maung penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Mana tak bayar duit, duit dah dibayar....(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Sungai Dua, duduk dulu....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat Batu Maung saya hendak minta penjelasan sikit.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Hello...Y.B. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Hendak perbetulkan keadaan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Pulau Betong, sila duduk dulu. Kita mengalu-alukan lawatan delegasi dari Ho Chi Minh National Academy of Politic and Public Administration ke

Dewan ini. Sila teruskan Batu Maung.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak perbetulkan sikit Y.B. Batu Maung, saya merujuk kepada surat yang kita dengan ini pada sesi yang lalu, saya nak merujuk kepada surat itu *insya-Allah* kalau dapat saya akan tunjuk surat itu balik dan saya nak tanya sebab saya mendapat rungutan kerana nama yang disenaraikan di situ tidak pernah mendapat kerja daripada Kerajaan Negeri. Itu yang saya nak tanya itu....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya mengalu-alukan Y.B. Pulau Betong, jangan sahaja bercakap kosong seperti Y.B. Sungai Dua, hantar surat kepada Y.A.B. Ketua Menteri buat satu laporan bertulis tentang surat ini yang dikeluarkan. Saya juga ingin juga mengucapkan selamat datang kepada pemerhati-pemerhati kita daripada antarabangsa.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Minta laluan sikit, wah! La ini hebat dari Timbalan Ketua Menteri nampak, Ahli daripada Y.B. Batu Maung bercakap, sebenarnya saya pun tak fahamlah, kita tanya betul tak betul, dia pun jawab tak betul, pasal benda itu dah diberi dua (2) penggal lalu..(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Inilah saya dok kata....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Ini tak habis lagi duduklah dulu, biar saya bercakap, jangan gopoh, perlahan-lahan. Ahli Y.B. Pulau Betong dah cakap dah dia dah kemukakan surat berkenaan dua (2) penggal yang lalu dua (2) sesi yang lalu, makna surat itu dah ada Yang Berhormat, nak minta kat dia, dia nak kena balik cari pula, patutnya surat itu dah ada dalam simpanan Yang Berhormat, memang semasa dia mengemukakan memang tulis yang disenaraihitamkan. Cuma bila saya tanya. Ada tak ada? Jawab tak ada sudahlah...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Sudah habis ke? Saya tak fahamlah, saya kata di sini Ahli-ahli Yang

Berhormat berapa banyak, saya berapa kali dah jawab soalan yang sama, kalau saya kata memerlukan fakta dia apa ni Y.B. Sungai Dua marah. Ini bukan fakta tapi tak reti bahasa, tak reti bahasa langsung. Saya dah kata duduk dulu....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Y.B. Timbalan Speaker, saya minta dia tarik balik perkataan tak reti bahasa..(gangguan), tarik balik perkataan tak reti bahasa...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya tak mau tarik balik. Saya suka..(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Y.B. Timbalan Speaker, saya menggunakan Peraturan 46(3) tak reti bahasa minta Y.B. Batu Maung tarik balik....(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Dia tak faham tak apa Y.B. Sungai Dua sila duduk, okey, teruskan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kalau tak mahu guna tak reti bahasa, tak faham bahasa....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya hendak dia tarik balik tak faham bahasa.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya tak mahu tarik balik....(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Batu Maung, sila teruskan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya tak mahu tarik balik, sebab...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya orang Melayu, saya tahu Bahasa Malaysia, saya reti Bahasa Melayu...(gangguan), jadi Ahli Y.B. Batu Maung saya tak tahu dia orang apa.....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya tahu Bahasa Melayu, kalau tak tahu bahasa, saya dah berapa kali tidak ada senarai hitam, kalau ada pun adalah tentang apa ini prestasi kontraktor, okey dengar itu jawapan saya bukan kali pertama, dua tiga kali saya dah jawab, sekejap tadi okey saya nak teruskan. Usaha-usaha ini memartabatkan pembangunan kontraktor kelas F bagi Negeri hanya menumpukan okey dah selesai yang itu.

Selain daripada itu, majlis rundingan sentiasa mengkaji dan mencari jalan untuk meningkatkan mutu kerja, kualiti dan juga prestasi kontraktor kelas F. Di antara usaha yang telah dilakukan ialah dengan mengadakan bengkel-bengkel latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kontraktor kelas F dalam kerja-kerja konservasi warisan....(gangguan)..

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Peraturan Y.B. Batu Maung membaca...(gangguan, ketawa).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Bengkel ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari kalangan kontraktor kelas F khususnya serta memberi perspektif dan skop bidang kerja baru untuk diterokai. Pulau Pinang adalah, ini saya tak baca adalah sebuah apa bandar George Town telah diiktirafkan sebagai *Heritage*

Side dan kita telah cuba membawa kontraktor-kontraktor kelas F supaya mahir dalam konservasi Penjelasan secara langsung telah menjawab kepada saranan Y.B. Permatang Pasir supaya Kerajaan Negeri memberi peluang perniagaan dan latihan kepada usahawan kelas F. Pencapaian kontraktor kelas F tahun 2009, terdapat 239 kerja yang berjumlah RM11.06 juta, 2010 naik kepada 601 kerja dengan jumlah RM36.17 juta, 2011 meningkat lagi kepada 664 kerja dan *value* nya dua (2) kali ganda naik sungguhpun kerjanya hanya naik 50 lebih kerja tetapi RM62.82 juta dan 2012 sehingga bulan Oktober kita telah mendapat 623 kerja dengan jumlah RM60.46 juta.

Selain daripada itu, usaha penambahbaikan peningkatan peluang kontraktor kelas F dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerja-

kerja ini lazimnya bermula bulan Mac dan tamat bulan Oktober, tetapi pendekatan kita adalah memulakan kerja seawal bulan Januari dan tamat bulan November/Disember. Ini dilakukan secara *forward commitment* dan di mana penyediaan dokumen Y.B. Sungai Dua dengar, penyediaan dokumen dan pengiklanan bagi memperolehi kerja dimulakan pada hujung tahun sebelum lagi *that's mean budget approve* saja kita mula proses penyediaan dokumen dan tender supaya kerja-kerja ini dapat di *offer* atau diberi kepada kontraktor awal Januari *insya-Allah*.

Mengenai Hal Ehwal Pengguna, melalui ucapan Bajet yang telah disampaikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri telah menyentuh beberapa perkara seperti mengurangkan beg plastik, pemantauan sisa pepejal, inisiatif program bebas asap rokok dan sebagainya, ini adalah sebahagian daripada kepenggunaan. Kerajaan Negeri tetap proaktif untuk memantau kenaikan harga barangan sepertimana BN, BN harga naik, barang naik pendidikan dan menyediakan rakyat Negeri Pulau Pinang mengenai kepentingan dan kuasa pengguna, sebagai sebuah Kerajaan yang mengamalkan dasar pentadbiran Cekap, Akauntabiliti dan Telus.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan rakyat yang juga merupakan pengguna sebagai utamanya. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna telah mengambil langkah-langkah wajar untuk menyusun program-program kepenggunaan untuk dilaksanakan dan selaras dengan hasrat Bajet 2012 yang telah dibentangkan. Bagi usaha ini, Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan Kumpulan Pemantau Pengguna ini adalah satu perkara baru yang dijalankan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ataupun *Consumer Watch* pada 4hb. Julai 2008, lepas dua tiga bulan kita telah terus tubuhkan *Consumer Watch* ini. Program ini bertujuan untuk memberi pendidikan dan kesedaran tentang hak pengguna sebagai teras utama untuk menghasilkan pengguna yang bijak serta mewujudkan modal pengguna yang baik ke semua peringkat masyarakat dan

ini ditubuhkan untuk setiap kawasan Dewan Undangan Negeri. Setiap kumpulan akan terdiri daripada sekurang-kurangnya enam (6) hingga lima belas (15) orang dan ini adalah menjadi mata dan telinga Kerajaan bagi memantau isu-isu kepenggunaan.

Y.B. Sungai Bakap, telah bertanya tentang sejauh manakah pasukan pemantau pengguna berjaya dalam kempen kebertanggungjawaban untuk mendidik masyarakat dan peniaga contohnya menjaga kebersihan tempat untuk berniaga, suka saya ingin memaklumkan bahawa kumpulan pemantau pengguna sebagai mata dan telinga dalam hal ehwal kepenggunaan sedang giat dilaksanakan tetapi saya ingin melaporkan tahap kejayaan kurang memuaskan menadangkan kumpulan ini hanya terdiri daripada sukarelawan-

sukarelawan, di antara program-program yang dijalankan adalah Kempen Kesedaran Pengurangan Pembaziran Makanan, Forum Menangani Harga Barangan Utama, *Roadshow* Kesedaran Hak pengguna, Pemantauan Harga dan Kualiti Barangan di Pasaran dan Karnival Pengguna, berkenaan dengan MMK Agama.

Dalam aspek Agama sepanjang tempoh lima tahun ini, pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah menerima pelbagai perubahan, sama ada daripada aspek pembangunan fizikal, mahupun pembangunan modal insan. walaupun mungkin terdapat isu dan masalah tertentu yang agak sukar untuk dihapuskan sepenuhnya, penekanan yang diberikan terhadap pengurusan masjid dan surau, Pembangunan Pendidikan Islam, Pengukuhan Mekanisme Dakwah, Pemantapan Pengurusan Halal dan Pemantapan Institusi Keluarga telah berjaya menampakkan kesan positif, *alhamdulillah*, perkembangan ini adalah selaras dengan pertambahan peruntukan bagi Pembangunan Hal Ehwal Islam di Pulau Pinang sama ada peruntukan pembangunan mahupun peruntukan mengurus dan pada amnya senantiasa menerima suntikan peruntukan yang meningkat dari tahun ke tahun.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Y.B. Batu Maung, dalam soalan saya yang berkaitan dengan portfolio Agama Islam ini saya bertanya berapakah kes murtad yang direkodkan mengikut tahun sejak tahun 2008 dan saya dimaklumkan ada 30 kes murtad iaitu tahun 2008 sehingga 2012 ada 30 kes murtad. Saya hendak tahu apakah daripada jumlah ini yang telah pun pulang ke agama asal dan yang keduanya apakah yang sepatutnya dibuat, jawapan yang diberikan tindakan yang diambil untuk menanganinya isu murtad ini selepas mereka dah nak murtad, tetapi apakah yang dibuat sebelum benda itu berlaku lagi, pemantauan, pusat-pusat yang menjalankan aktiviti-aktiviti seperti ini, dalam Dewan jawapan yang diberikan ialah Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan bersama NGO membantu, saya hendak tahu berapa kalikah Y.B. Batu Maung telah berjumpa dengan NGO-NGO untuk berbincang dalam isu-isu kes murtad ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Y.B. Pulau Betong seperti di antara soalan-soalan itu akan dijawab dalam penggulungan saya nanti, tetapi tentang fakta-fakta berapa banyakkah telah kembali kepada agama asal mereka ataupun masih dapat dipulihkan sebagainya, saya akan beri secara bertulis tentang angka-angkanya oleh sebab prosesnya itu panjang, ada yang dalam proses pemulihan, ada yang dalam proses mahkamah dan sebagainya, *insya-Allah*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan, tadi Yang Berhormat sebut tentang peruntukan untuk Pembangunan Institusi-institusi Agama Islam ini memanglah, mengikut peruntukan memang banyaklah, tiap-tiap tahun bertambah, bertambah tahun 2011 ada RM64 juta, kemudian meningkat, meningkat tetapi persoalannya perbelanjaan nampaknya amat kurang sikit, kita ambil contoh 2010 peruntukan dalam RM40 juta lebih tetapi perbelanjaan *zero* tengok *Audit reports* saya ada laporan Audit 2010. Saya boleh baca di sini, saya bukannya, ini fakta Pejabat Ketua Menteri, Setiausaha Kerajaan hanya membelanjakan RM54 juta kerana terdapat sebanyak dua puluh tiga (23) projek tidak dapat disiapkan atau ditangguhkan, terdapat enam (6) projek pembesaran masjid dan Sekolah Agama, tiga projek tapak perkuburan Islam, tiga (3) projek pembinaan Mahkamah Syariah tidak buat. Jadi benda-benda macam ini rakyat keliru, hebatlah, peruntukan hebatlah yang diberi tetapi perbelanjaan kosong 2010, heboh merata-rata besar

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Habis, habis Yang Berhormat saya kecewa Yang Berhormat Telok Bahang tadi saya kata Yang Berhormat biasa jadi ADUN, biasa jadi EXCO dua penggal, biasa jadi Timbalan Ketua Menteri, biasa jadi Setiausaha Parlimen, ini projek-projek yang bersambungan ini tidak bolehlah kita kata macam itu, saya boleh membuktikan yang pencapaian kita adalah 90% ke atas pencapaian perbelanjaan, kalau kata projek-projek sambungan saya boleh tunjukkan beberapa banyak masjid kita ada empat belas (14) masjid.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Yang Berhormat semua ini saya tahu, saya faham tidak payah cerita banyak-banyak, saya faham, saya duduk di sana lama saya hendak tengok angka ini, angka yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara, tidak banyak, kemudiannya soalan saya, ini orang kampung saya, saya tanyalah. Yang Berhormat yang jawab sendiri, saya hendak bertanya nyatakan Masjid dan Sekolah-sekolah Agama dibina baru oleh Kerajaan Negeri mulai Mac 2008 sehingga sekarang, ikut daerah, semua daerah adalah, saya tidak tahulah daerah lain, tengok Masjid Daerah Barat Daya (DBD) ini dua (2) masjid baru dibina, masjid mana yang bina baru tidak ada, surau, tahulah mungkin kecil, saya tidak perasan, Sekolah Agama enam (6) buah dibina baru sekolah mana jadi kena cakap kena rasa, masjid mana dia buat, Masjid Telok Kumbar tanah dia ambil belum bina lagi

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Hendak tanya juga, nanti mudahlah Y.B. Batu Maung jawab, saya cuma hendak bertanya yang pertama Tanah Perkuburan Masjid Seri Ampangan, yang kedua Tanah Perkuburan Berpusat.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Tadi Yang Berhormat, beri saya habis dahulu nanti-nanti kemudian-kemudian, Sungai Dua saya tidak mahu masa Dewan okey. Jawab persoalan Telok Bahang, kalau Telok Bahang faham tentang apa yang proses-prosesnya, saya terkejutlah apabila Y.B. Telok Bahang bangkitkan isu seperti itu, *general statement* kalau projek-projek yang sedang berjalan kalau *Audit report* dia bubuh satu saja *okay*, dia kata RM40 juta kalau prestasinya 35% dia masuklah 35%, dia tidak cerita pada pendapat saya, dia tidak akan cerita, ini projek-projek sedang dijalankan so, saya sebagai EXCO Agama saya *monitor* bukan peringkat pegawai, tetapi peringkat saya sendiri, saya *monitor setiap* projek yang sedang dijalankan dan juga *monitor* prestasi peruntukan setiap projek, saya *monitor detail* kerana Y.A.B. Ketua Menteri sebagai CEO dan juga Akauntan dia *go line auditing*, kami semua terpaksa buat *line auditing accounting* iaitu setiap projek kita *monitor*, tentang projek-projek mana yang dua (2) buah masjid dan enam (6) buah sekolah Agama Daerah, yang saya boleh ingat dua (2), yang lagi empat (4) saya akan bagi secara bertulis, dua (2) Masjid, satu (1) di sebelah Masjid di Batu Maung, dan satu (1) lagi di Masjid Jalan Baru hadapan masjid, saya akan beri so, yang saya ingat dua (2) dan yang lagi empat (4) saya akan beri senarai...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Masjid yang mana tak tahu, tetapi yang penting macam mana Yang Berhormat hendak terangkan kepada rakyat yang Laporan Audit ini, hari ini rakyat sudah pandai dia baca, Pejabat Ketua Menteri projek-projek yang saya sebut tadilah, enam (6) projek pembesaran masjid dan apa semua ini, rakyat akan....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey, saya akan beri secara terperinci kepada Y.B. Telok Bahang dan melalui *press* okey, secara terperinci manakah masjid-masjid yang dikatakan kita bina, mana Sekolah Agama Rakyat yang kita bina, kerana perkara-perkara yang diberi jawapan di dalam Dewan perkara-perkara ini memang ada tidak mungkin, misalannya macam tadi ada satu kesilapan *typing error*, kepada Y.B. Pulau Betong, saya baru dapat nota daripada Bahagian DUN yang mengatakan program keusahawanan yang telah dilaksanakan adalah

sebanyak RM476,071 dan bukan juta tersilap *typing error*, dan pihak DUN memohon maaf kesilapan itu dan mereka akan menukarkan jawapan itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Maaf diterima.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Sikit lagi, yang saya tahu, *I making a general statement*, iaitu setakat ini 2008 sehingga sekarang Kerajaan Negeri tidak pernah membina sebuah pun masjid baru yang ada cuma bantu sikit-sikitlah, hendak buat pejalan kaki untuk OKU di masjid baru di Bertam macam itu, tidak ada saya tidak tahu Yang Berhormat tunjukkan yang mana satu masjid baru yang dibuat.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Y.B. Telok Bahang, kalau Y.B Telok Bahang baru masuk tahun yang pertama tidak apalah, ataupun kalau macam Y.B. Sungai Dua tidak apalah... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Ini kawasan Balik Pulau.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya tahu Yang Berhormat, masjid-masjid yang dibinakan di Pulau Pinang kebanyakan adalah peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, ada juga peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan juga kutipan daripada rakyat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Itulah yang hendak beritahu ini jangan kata Kerajaan Negeri membina masjid baru, membantu untuk menyiapkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey, membantu membina masjid, ada masjid yang kita bina, macam Masjid Batu Maung yang akan bermula pada tahun yang akan datang, yang telah dijanjikan oleh dua (2) Perdana Menteri, janji tidak dapat ditepati, bukan

capati, ditepati, dua (2) Perdana Menteri sehingga datang kepada kerajaan sekarang kita terus pergi jumpa dan tanya bolehkah bagi, tidak boleh okey. Sekarang Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2 juta dan *balance* nya iaitu RM2 juta komitmen daripada Kariah masjid akan *share* bersama-sama Kerajaan Negeri, saya ini menyatakan di sini iaitu pembinaan masjid dan Sekolah Agama Rakyat memang kita bina sepenuhnya tetapi masjid adalah bersama Kerajaan Pusat dan juga Kariah

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, Hal Ehwal Agama, kalau ikut bajet menurun, peruntukan untuk Hal Ehwal Agama Islam ini, tahun 2011 peruntukan yang disediakan hanya RM7.05 juta, bagi tahun 2012 peruntukan yang disediakan RM7.085, makna penurunan bukan kata meningkat tetapi Yang Berhormat dok cerita di luar meningkat.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Inilah saya nak habaq bagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Ini, ini dicatitkan dalam peruntukan, perbelanjaan, peruntukan jadi kenapa nak menafikan memang peruntukan ada.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

So, bila kita terima surat-surat apa ni surat-surat layang ataupun *template-template* di masjid-masjid tentang *figure* ni baru saya tau daripada Sungai Dua yang keluarkan *figure* ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) :

Saya berdasarkan penyata ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kita ini orang Islam...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya ingat tarik balik tuduhan kepada saya, tarik balik...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kita ini orang Islam, kita jangan putar belitkan fakta.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tuduhan tarik balik, tuduhan kata saya buat surat layang, tarik balik... (gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya kata boleh jadi datangnya...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tarik balik, itu tuduhan...

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ok, saya tarik balik, saya tarik balik. Ini adalah *half fact* ok kalau kita nak ambil buku apa ini belanjawan satu (1) sampai sepuluh (10), kita ambil satu (1) sampai dua (2) apa ini kita cakap tak boleh la, tengok sampai habis, nanti sekejap lagi, saya habis, nanti saya akan cerita berapa banyak peruntukan, apa yang telah dibelanjakan, untuk apa. Jangan kita kata kalau

apa untuk pergi ke sekolah kena belanja sepuluh (10) *item* kita ambil dua (2) item. Habis dah itu yang dibelanjakan silap la itu Yang Berhormat. Silakan. Saya tak kata tapi jangan Yang Berhormat ambil hanya fakta yang atas, dan tak ambil sampai habis.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya nak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat ni dah berapa tahun, dah berapa tahun, dah berapa, dah berapa belanjawan....(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sungai Dua beri peluang kepada Batu Maung untuk memberi

penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya nak tanya Yang Berhormat apa ni Sungai Dua, dah berapa tahun Yang Berhormat duduk sebagai ADUN?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Pasai dua (2) *term* tahun la yang saya tau macam mana nak tanya.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Sebab bila kita tengok yang ni, kita jangan tengok satu (1), kita kena tengok apa ni bahagian apa ni apa mengurus, belanjawan mengurus berapa, pembangunan berapa? Semua tu kita kena tengok jangan kita ambil satu (1)....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Mengurus memang la meningkat, tiap-tiap kakitangan bertambah, tapi soal pembangunan tak bertambah.....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Tak apa nanti saya nanti saya tunjuk, nanti saya tunjuk. Pembangunan pun kita kena tahu apa keperluan dia. Kalau keperluan dia pada tahun itu rendah, rendah lah Yang Berhormat, okey tak apa. Ya silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Batu Maung, ya Batu Maung saya nak tanya Batu Maung dalam teks ucapan Yang Berhormat Ketua Menteri, menyatakan "*Amar Makruf Nahi Mungkar*" dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat Batu Maung juga memainkan peranan, sebab apabila kita tengok dalam bajet iaitu duti hiburan pada 2008 ialah 7,777,240.98 meningkat kepada 11, 277,876.46 juta kemudian lesen kedai minum arak kedai minuman keras pulak daripada 2008, 569,624 meningkat 956,195, lesen panggung wayang daripada 94,260, 2001 meningkat kepada 951,629, lesen main *billiard* pulak daripada 60,116 kepada 118,420. Jadi saya nak Batu Maung, sebab menyebut tentang "*Amar Makruf Nahi Mungkar*" jangan kait pulak nanti kata yang ini duti-duti yang diambil oleh

pihak Kerajaan Persekutuan dan sebagainya. Jadi saya nak kata sebab hal demikian, jadi Batu Maung kena mainkan peranan juga, jangan dibiarkan kemungkaran seperti ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sebab ada penceramah juga menyatakan bahawa kalau kita bersubahat ini juga, kita juga bersubahat dengan pekerja-pekerja syaitan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih. Timbalan Speaker saya rasa saya nak jawab sekarang. Jangan la kita...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya mintak, saya mintak Seberang Jaya menjelaskan apa yang dimaksudkan tadi, saya mintak Seberang Jaya jelaskan apa yang dimaksudkan tadi. Ada ini adalah.....(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Biar dia, ...(gangguan)... Ahli Seberang Jaya tidak menuduh siapa.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Apa perjelaskan...(gangguan), apa yang dimaksudkan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sila teruskan penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yang Berhormat Seberang Jaya, Yang Berhormat Seberang Jaya, jangan lah kita nak mempolitikkan Dewan ini, masa Dewan jangan nak berpolitik. Kita nak politik kita keluar kita pi ceramah kita berpolitik di luar. "*Amar Makruf Nahi Mungkar*" Kerajaan Pakatan Rakyat adalah untuk kita apa menganjurkan benda-benda yang baik...(gangguan)...dengar, dengar...

(gangguan) saya tak benarkan Yang Berhormat duduk, duduk..

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

laitu benda yang tak baik, maknanya ini benda yang tak baik... (gangguan), jangan buat benda-benda yang mungkar, jangan buat benda-benda yang mungkar, insaf...(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Seberang Jaya, Seberang Jaya...(gangguan), sini bukan....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya nak tanya kepada Yang Berhormat Seberang Jaya, rambut dah putih jangan lah buat macam ini kat saya, bagi saya cakap, saya berambut putih...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya nak memperingatkan juga benda-benda yang mungkar. Kalau rambut itu akan putih jugak.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya nak tanya Yang Berhormat, saya nak tanya Yang terhormat... (gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Seberang Jaya jangan terus berdiri dan berucap, tolong mintak laluan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Haaa!, saya sedang memberi jawapan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Teruskan, Batu Maung sila teruskan penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya nak bagi jawapan kepada jawapan saya, yang nak apa kacau

ucapan saya pasai apa, jawapan saya. Saya nak bagi tahu “*Amar Makruf Nahi Mungkar*”, kita kita menegakkan yang benar, kita cuba membasmi kemiskinan, kita membasmi rasuah, salah guna kuasa dan juga kita mahu meningkatkan umat Islam supaya kita mempunyai mendekatkan diri kita dengan Al-Quran, mendekatkan diri kita dengan apa sunnah Nabi dan seterusnya apabila kita rapat dengan Al-Quran, Al-sunnah kita akan jauhi perkara-perkara yang mungkar, Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Kita kata berhubung kait “*Makruf Nahi Mungkar*” ...(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Seberang Jaya minta laluan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Mohon mintak laluan. Nahi mungkar, maknanya kemungkaran itu Nahi, Nahi.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey Yang Berhormat Timbalan Speaker.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Okey, saya mohon dapat mintak penjelasan boleh, Batu Maung?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Tak bagi, tak boleh, sudah.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Batu Maung?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Dia tak bagi...(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Dia tak bagi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Dia tak bagi tak boleh buat apa lah, dia tak bagi.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) :

Timbalan Speaker mintak halau.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Dia tak bagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Pasai apa nak halau?

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Rayer Nethaji a/l Rajaji):

Batu Maung, saya.....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya bagi pada Pantai Jerjak.

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih Batu Maung, saya nak mintak juga kalau boleh peruntukan untuk sungai, Masjid Sungai Nibong yang akan dibinakan pembinaan semula.....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey, ada.....(gangguan)

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Ada? Okey.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey, ada dalam saya punya jawapan. Sila Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Rayer Nethaji a/l Rajaji):

Yang Berhormat Batu Maung, merujuk kepada "*Amar Makruf Nahi Mungkar*" ini, adakah Yang Berhormat boleh memberi ulasan tentang tuduhan bahawa wang sejumlah lebih kurang 207 *bilion*, 207 *bilion* yang telah diberikan kepada Kerajaan Barisan Nasional, kononnya untuk dibayar kepada pekerja-pekerja yang telah menjadi buruh landasan di mana satu sidang akhbar telah dibuat, di mana dokumen-dokumen telah dikemukakan oleh Ahli Parlimen Taiping kelmarin tentang penyelewengan wang. Bercakap tentang "*Amar Makruf Nahi Mungkar*." Saya ingin bertanya perkara ini nanti tapi memandangkan subjek ini telah dibawa, mengenai penyelewengan dan sebagainya bolehkah Yang Berhormat memberi ulasan. Wang itu, sepatutnya dibayar oleh Kerajaan Barisan Nasional, ada pengesahan daripada Bank Negara bahawa wang itu telah diterima. Sepatutnya dibayar kepada lebih kurang 300 warganegara Malaysia yang kononnya menjadi mangsa ketika dipaksa bekerja dalam landasan, projek landasan ini. Dan sehingga sekarang wang itu difahamkan telah gelap tidak ada sebarang bayaran dibuat. Mungkin Yang Berhormat boleh memberi penjelasan tentang perkara ini.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Sikit ja, nak perbetul. Dato' Timbalan Speaker, kita mintaklah orang yang betul-betul mahir dalam agama ini untuk tafsir dan terjemahkan makna "*Amar Makruf Nahi Mungkar*," nanti silap bahaya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey, terima kasih, terima kasih atas peringatan itu. (gangguan), jawapan tentang jawapan tentang apa ini persoalan apa ini Pantai Jerejak, saya ada dalam apa ini ucapan penggulungan saya. Dan tentang usaha apa ni perkara yang dibangkitkan oleh Seri Delima, Yang Berhormat Timbalan Speaker kita sedia maklum, kita sedia maklum saya rasa apa ini saya rasa kita berani, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berani di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, kita usaha untuk "*Amar Makruf Nahi Mungkar*", tetapi Kerajaan Barisan Nasional yang kononnya begitu, begini dan sebagainya bukan saja tak berani mengutarakan satu prinsip komitmen "*Amar Makruf Nahi Mungkar*" tetapi melakukan kemungkaran sepertimana yang telah dibangkitkan oleh apa ini Seri Delima. Saya nak tanya satu lagi,

Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat apa ini, pendapatan Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat pendapatan RM9.3 *billion* hasil daripada cukai judi, so “*Amar Makruf Nahi Mungkar*” ? Macam mana kalau, kalau apa kalau apa nak tanya saya, kalau nak tanya saya, pasai, pasai itu.

Okey, Yang Berhormat saya nak teruskan. Sepanjang tempoh 2008 saya nak tanya satu lagi...apa apa ni apa *recording* yang sedang yang sedang dilakukan, oleh apa ni Seberang Jaya tu? Adakah Dewan membenarkan?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Batu Maung ini saya punya *charger*, saya dok ambil *note*, Jadi *charger* ini dipanggil *power bank* untuk *charge* bateri. Terima kasih lah bagi satu pengetahuan baru kepada Batu Maung lah.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey, terima kasih. Sepanjang tahun 2008 sehingga 2012 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak, saya nak tanya Telok Bahang, tolong dengar secara terperinci, telah memperuntukkan 34.33 juta di bawah bajet pembangunan P1, 13, P.13, di mana sejumlah 31.34 juta iaitu 91.33 % Yang Berhormat.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Tahun bila ini?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Daripada 2008 hingga 2012, okey telah dibelanjakan untuk pelbagai projek pembangunan masjid, surau, Sekolah Agama Rakyat. Angka terperinci seperti ini, dengar Yang Berhormat Sungai Dua, 2008 bajet yang di yang dibentangkan oleh Barisan Nasional pada 2007 memperuntukkan RM5 juta, RM5 juta dan apabila kita mengambil alih pada 2008 prestasi pembangunan pada RM5 juta itu kita telah membelanjakan 98.58%, 2009 RM8 juta prestasinya 83.57%, sebabnya ada projek-projek yang terbengkalai terpaksa diteruskan tahun akan tahun tahun yang akan datang. Pada tahun 2010 peruntukannya turun sikit iaitu RM7.199 juta dan prestasinya 65.83%, 2011 peruntukannya RM7.05 juta prestasinya 65.86% 2012 peruntukannya RM7.08 juta prestasinya sehingga ini 85.9 % dan jumlahnya RM34.3 juta dan prestasinya 91.33% Yang Berhormat. Dan saya ingin menegaskan di sini..... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Yang Berhormat, penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Tak saya nak perhabiskan *point*, iaitu bila kalau kita tengok prestasinya kita kena faham kita punya belanjawan ni tidak hanya kepada satu topik satu (1), satu (1) tajuk sahaja tetapi dia ini pelbagai tajuk seperti pembangunan, seperti mengurus, seperti Mahkamah Syariah, seperti apa ni Jabatan Mufti dan juga pengambilan dana. Dalam usaha memantapkan pengurusan masjid dan surau Kerajaan Negeri telah mensasarkan untuk memantapkan pentadbiran kariah dan masjid atau institusi masjid dapat diimarahkan sebagai Pusat Pembangunan Ummah. Untuk tujuan ini, tujuh (7) buah masjid telah pun dipilih menjadi Masjid Madani ataupun masjid contoh berdasarkan kriteria tertentu seperti pengurusan, pentadbiran kewangan, pelbagai program dan juga berbagai peringkat masyarakat mengamalkan konsep mesra jemaah dan mempunyai kemudahan fizikal. Tujuh (7) buah masjid tersebut ialah Masjid Negeri, empat (4) buah Masjid Daerah dan juga Masjid Bertam dan juga Sungai Ara. Pelancaran Masjid Madani ini telah diadakan pada tahun 2011 iaitu sempena Majlis Perayaan Ma'al Hijrah.

Usaha ini dimulakan dengan rombongan rasmi Majlis Agama Islam yang apa ni rombongan rasmi ke Majlis Agama Islam Singapura pada tahun 2009 yang diketuai oleh Timbalan Ketua Menteri dan Lawatan Pegawai-pegawai JAIPP yang diketuai oleh Pengarah pada 2010 untuk kita melihat contoh-contoh masjid dan contoh-contoh institusi-institusi masjid di Singapura yang berjaya.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Terima kasih Batu Maung. Berkait dengan masjid kebetulan saya difahamkan bahawa pihak Jabatan Agama Majlis Agama Islam telah pun mengarahkan supaya masjid-masjid mengadakan pilihan raya masjid? Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Itu akan saya sentuh nanti, saya akan teruskan, *Ihya Ramadan* mulai 2009 Kerajaan Negeri telah memberikan sumbangan *Ihya Ramadan* yang tidak pernah diberikan oleh Kerajaan yang lepas kepada masjid-masjid seluruh Pulau Pinang berjumlah hampir RM1 juta iaitu daripada tahun 2009

hingga 2012 sebagai persiapan menyambut Ramadhan. Sumbangan ini tidak pernah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Kerajaan Negeri telah berusaha agar setiap masjid dan kariah disumbangkan RM1,000.00, Masjid Daerah RM3,000.00 dan Masjid Negeri RM5,000.00 yang melibatkan RM213,000.00 setiap tahun. Ini adalah kesinambungan Program Berbuka Puasa bersama anak-anak kariah yang telah dimula dan diteruskan oleh Y.A.B. Ketua Menteri mulai tahun 2008, amalan yang tidak pernah dilakukan oleh Ketua Menteri terdahulu.

Sambutan bulan-bulan Al-Quran, bagi mengimarahkan masjid-masjid terutama sekali dalam bulan Ramadan dengan aktiviti-aktiviti ibadat, buat pertama kali dalam usaha memperkukuhkan mekanisme dakwah di Negeri ini, Sambutan bulan-bulan Al-Quran telah diadakan buat julung kali pada tahun 2010. Sambutan bulan-bulan Al-Quran diadakan sepanjang bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan dan berakhir pada bulan Ramadan setiap tahun. Usaha ini adalah untuk mendekatkan umat Islam dengan Al-Quran dan As-Sunnah agar usaha membentuk generasi Al-Quran dan dapat mencerminkan Y.B. Seberang Jaya, dengar ya, dapat mencerminkan Al-Quran dan keindahan Islam kepada umat Islam di Pulau Pinang, *insya-Allah* supaya dapat menghindarkan dari perkara-perkara kemungkar. Antara program yang amat mendapat sambutan orang ramai dan rakyat Pulau Pinang beragama Islam adalah Program Celik Al-Quran, Kelas Bahasa Al-Quran, Bacaan Kitab, Tahsin Al-Quran, Seminar Al-Quran, Forum Diskusi Interaktif Al-Quran, Program Masyarakat dan Ekspolorasi Al-Quran yang dijalankan di masjid-masjid kariah dan Kursus Hafazan serta Talaqi. Program-program di atas dipanjangkan juga ke seluruh tahun sebagai program-program tetap.

Program Forum Perdana Hal Ehwal Islam di seluruh Negeri Pulau Pinang, sejak tahun 2009, sejak mengambil alih portfolio Agama, Kerajaan Negeri telah menganjurkan lebih 50 Forum Perdana Hal Ehwal Islam di peringkat daerah dengan kerjasama masyarakat tempatan yang membariskan cendekiawan dan ulama Islam. Bagi menambahbaikkan program ini juga telah mendapat input daripada Majlis Syura. Bagi mewujudkan Majlis Syura Kerajaan Negeri selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan prinsip pentadbiran Khalifah Umar Abdul Aziz sebagai contoh ikutan, maka penubuhan Majlis Syura Negeri Pulau Pinang buat julung-julung kali diadakan pada tahun 2010 sebagai sebahagian daripada usaha untuk merealisasikan hasrat supaya kita menjadi sebuah Negeri Islam yang baik. Majlis Syura Kerajaan Negeri berfungsi sebagai satu badan penasihat dan pencetus idea untuk menambahbaikkan institusi-institusi Islam di Pulau Pinang. Keanggotaannya seramai 35 orang terdiri daripada personaliti-personaliti yang mempunyai pelbagai latar belakang dan kepakaran ilmu tanpa mengira kedudukan, pangkat dan fahaman politik. Ahli Majlis Syura ini diwakili oleh badan-badan Kerajaan, badan-badan NGO yang berminat untuk memberi

pandangan dan menambahbaik pentadbiran agama Islam di Pulau Pinang.

Dalam bidang pembangunan pendidikan Islam pula, terdapat beberapa kejayaan dan pembaharuan yang dapat dibanggakan yang dimulakan sejak tahun 2008. Antaranya adalah pengiktirafan kepada huffaz melalui Majlis Ijtimak Huffaz, bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat, peningkatan jumlah bantuan *ex-gratia* kepada Guru-guru KAFA. Bantuan-bantuan kepada sekolah-sekolah Agama Rakyat terutama membina sekolah makmal sains tulen yang dahulunya tidak ada di sekolah-sekolah agama rakyat. Kerajaan Negeri juga amat prihatin terhadap kebajikan Guru-guru KAFA, Penyelia KAFA, Guru Agama serta Maahad Tahfiz dengan turut memberi sumbangan kepada mereka sepertimana setiap kali warga perkhidmatan awam Negeri ini menerima sumbangan. Pada tahun 2013, perancangan telah dibuat bagi mempertingkat dan membudayakan ilmu Agama di peringkat tinggi di kalangan umat Islam...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Yang Berhormat, saya hendak tambah sedikit. Kita ada hampir 2,000 guru KAFA di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Pusat bagi elaun RM800.00 atas sedikit dari paras kemiskinan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk tambah sedikit atau *top-up* kepada elaun bulanan, bukan hanya beri setahun sekali tetapi ada tambahan bulanan sebagai *top-up* sedikit.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):

Insyah-Allah, tentang guru-guru KAFA ini kita sangat prihatin atas kebajikan mereka dan ini adalah *the front liner*, "*Amar Makruf Nahi Mungkar*," sebagai *front liner* kepada usaha kita untuk kita melihat anak-anak kita mendapat pengajian asas Agama. Kita perihatin dan akan sentiasa memberi pandangan khusus terutama sekali *scheme of service*. Malangnya tidak ada *scheme of service* kepada guru-guru KAFA seperti cuti mereka, cuti bersalin, cuti sakit, pergi ke klinik tidak ada bantuan. Ini sedang dalam perhatian Kerajaan Negeri supaya *scheme of service* Guru-guru KAFA ini dapat kita fikir dan rancang dan implementasikan, *insyah-Allah*.

Pada tahun 2013, perancangan telah dibuat bagi mempertingkat dan membudayakan Ilmu Agama ke peringkat tinggi melalui program Pengajian Islam Tinggi di Kolej Islam Tinggi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB) bagi membuka peluang kepada pelajar-pelajar Pulau Pinang melanjutkan pelajaran di IPT termasuklah di luar negara untuk mewujudkan pendidikan Islam sepanjang hayat. Kerajaan Negeri juga berjaya merancang dan menggerakkan pendidikan Islam bermula dari peringkat TADIKA ke peringkat

Universiti, *insya-Allah*, melalui satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh saya pada tahun 2010. Di antara perancangan yang sedang diusahakan adalah usaha untuk menaik taraf KITAB ke kolej dan universiti dan seterusnya ke universiti penuh dan membawa masuk universiti-universiti terkemuka Islam terutamanya universiti dari Arab Saudi.

Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk memantapkan institusi kekeluargaan Islam sepertimana soalan-soalan mengenai murtad dan sebagainya, agar kadar penceraian di kalangan pasangan beragama Islam dapat dikurangkan lagi. Pada ketika ini kadar penceraian adalah 3% iaitu 2% lebih baik berbanding dengan sasaran 5%. Untuk tujuan itu, pelbagai pengisian telah dirancang seperti Kursus Pasca Perkahwinan, Program Keluarga Bahagia Komuniti, Kaunseling Remaja, Bengkel Pengukuhan Keluarga serta beberapa program lagi. Dalam memertabatkan Agama Islam, kemudahan ICT juga perlu digunakan dan mulai 1 Mac 2010, Sistem e-Munakahat telah dilancarkan agar urusan pendaftaran Nikah, Cerai dan Rujuk tidak perlu lagi dilaksanakan secara manual. Justeru perkhidmatan dapat disampaikan kepada pelanggan dengan lebih cepat dan sistematik. Sistem ini seterusnya dikembangkan lagi dengan pertambahan Modul Kaunseling pada tahun 2011 dan Modul Pra-Perkahwinan pada tahun 2012. Dengan adanya sistem e-Munakahat ini para pelanggan boleh mengemukakan permohonan untuk berkahwin, permohonan daftar penceraian dan semakan carian sijil nikah, cerai serta rujuk secara *online*. Ini telah memudahkan para pelanggan jika mereka berada di luar negara. Selain itu, melalui sistem ini juga pasangan dapat memiliki kad nikah bersaiz My-kad yang lebih mudah dibawa dan praktikal.

Kompleks Baru tujuh (7) Tingkat Ibu Pejabat Mahkamah Syariah, komitmen Kerajaan Negeri untuk melihat syiar Islam terus berkembang tidak pernah padam dan justeru itu Kerajaan Negeri telah meluluskan tanah seluas 3.5 ekar bernilai RM36.5 juta untuk pembinaan kompleks baru tujuh (7) tingkat Ibu Pejabat Mahkamah Syariah di Jalan Batu Gantung, Jalan Scotland. Kompleks tersebut akan menjadi penanda aras terbaik dari segi prasarana dan pengurusan Mahkamah Syariah, sekali gus mengangkat martabat umat Islam di Negeri ini. Merujuk kepada dakwaan kononnya tanah ini diluluskan oleh Kerajaan yang lepas, ini merupakan satu dakyah pembohongan Barisan Nasional oleh sebab idea menempatkan Mahkamah Syariah di sini adalah hasil usaha Kerajaan Negeri sekarang. Mahkamah Rendah Syariah yang ada masih lagi wujud di Jalan Batu Gantung dan tanah ini adalah tanah yang lain.

Menyelesaikan masalah kesesakan tanah kubur Islam Jelutong. Sebaik menerajui Kerajaan, antara masalah yang dihadapi oleh Kerajaan adalah menyelesaikan masalah yang membelenggu umat Islam sejak 13 tahun, iaitu masalah kesesakan tanah perkuburan. Namun, hasil komitmen Kerajaan

Negeri dengan sokongan Ketua Menteri dengan semua pihak, masalah tersebut dapat diselesaikan dengan baik. Kerajaan Negeri telah berjaya mengambil alih tanah seluas 3.2 ekar di Jelutong, Daerah Timur Laut yang membabitkan perbelanjaan sebanyak RM20 juta. Sementara kos untuk pembinaan semula rumah rakyat untuk penempatan semula sebanyak RM60 juta. Tanah perkuburan sedia ada hanya seluas 1.60 ekar, tambahan oleh Kerajaan Negeri sebanyak 1.55 ekar dan keseluruhannya berjumlah seluas 3.156 ekar.

Prestasi Pungutan, Agihan Zakat dan Fitrah, *Alhamdulillah*, pungutan zakat dan fitrah telah menunjukkan prestasi yang baik sejak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih. Pada tahun 2012 jumlah zakat yang telah dipungut sehingga 30 September adalah sebanyak RM42,266,663.46 berbanding dengan RM39,735,664.58 bagi tempoh yang sama tahun lepas. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM2,530,999 atau 6.37%. Pada tahun 2009, kutipan RM44.059 juta, pembayarannya 47,000 lebih, tahun 2010 kutipannya RM49.240 juta, pembayarannya 49,000 lebih, tahun 2011 kutipannya RM59.215 juta pembayarannya 52,000 lebih dan 2012 kutipannya 42.266 juta dan pembayarannya 51,000 lebih orang. Jumlah kutipan setakat ini RM193,782.005.34. Pada masa yang sama zakat Pulau Pinang juga telah mengagihkan sejumlah RM46,768,007.77 pada tahun 2012 iaitu lebih daripada apa yang dipungut dalam melaksanakan program-program bantuan dari sumber zakar seperti yang telah dirancang.

Y.B. Timbalan Speaker, bagi menjawab persoalan ADUN Sungai Acheh mengenai pemilihan Jawatankuasa Kariah dan juga soalan oleh Y.B. Pulau Betong tadi. Ingin saya perjelaskan di sini bahawa Majlis Agama Islam dan Pentadbiran Agama Negeri tidak pernah menamakan proses pemilihan Jawatankuasa Kariah sebagai Pilihan Raya Jawatankuasa Kariah, ini cuba diputarbelitkan, sebagaimana yang dipolitikkan oleh pihak UMNO. Sebaliknya pihak MAIPP telah memutuskan pemilihan Jawatankuasa Kariah Masjid tahun 2013-2015 melalui Mesyuarat Agung. Pemilihan jawatankuasa ini digariskan melalui Tatacara Pemilihan Jawatankuasa Kariah Masjid yang telah pun diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 20 September 2012. Saya cuma ingin memberi sinopsis sedikit kepada apa yang berlaku sebelum ini.

Majlis Agama Islam Pulau Pinang telah merangka Tatacara Pemilihan Jawatankuasa Kariah Masjid pada awal tahun 2011 untuk dilaksanakan pemilihan, tetapi malangnya UMNO telah mempolitikkan isu ini sehingga pihak Istana telah mengarahkan supaya pemilihan ini ditangguhkan dan dilanjutkan tempoh jawatankuasa yang sedia ada setahun lagi. Pihak Istana telah meminta supaya satu jawatankuasa bebas ditubuhkan dan jawatankuasa ini perlu mendapat perkenan Tuanku. Setelah ditubuhkan jawatankuasa bebas ini dan telah mendapat perkenan Tuanku, Jawatankuasa ini telah merangka tata

cara pemilihan dan telah dipersembahkan kepada Tuanku untuk diperkenankan dan telah diperkenankan pada 20 September 2012. Pemilihan jawatankuasa baru yang telah diputuskan oleh MAIPP akan bermula pada Januari 2013 dan berakhir pada April 2013.

Untuk makluman, proses pemilihan telah pun berjalan di mana taklimat kepada Pengerusi-pengerusi Kariah telah daripada 13 hingga 15 Oktober 2012. Proses pendaftaran Ahli Kariah sedang berjalan dan kita telah mengarahkan supaya ianya dijalankan sehingga 31 Disember 2012. Persempadanan Kariah yang dipersetujui juga telah dilaksanakan, surat edaran mengenai pemilihan Jawatankuasa Kariah, tempoh 2013 hingga 2015 juga telah diedarkan kepada semua masjid.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Penjelasan. Terima kasih Y.B. Batu Maung. Saya timbulkan persoalan ini, yang pertama sekali saya difahamkan Pengerusi Kariah telah dipanggil untuk taklimat tentang sempadan sekali, kemudian tata mesyuarat sekali dan selepas itu dikeluarkan satu surat mengatakan Mesyuarat Agong tidak perlu diadakan lagi tetapi pastikan daftar pemilih, daftar pemilih, daftar pengundi dan persempadanan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Daftar anak kariah.

Ahli Kawasan Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Anak kariah, sama daftar pemilihlah. Tak ikut dan persempadanan kariah. Kemudian tiba-tiba mengejut pula satu surat timbul, Mesyuarat Agong boleh buat lanjut sehingga 30 April. Awalnya...(gangguan), nanti dulu saya tak habis lagi, gopoh sungguh EXCO Agama ini. Jadi anak-anak kariah rasa pelik, mula mereka diberi arahan kira punya pulun ini, buat persempadanan, daftar anak kariah, persiapan itu dan persiapan inilah. Maksudnya itu peringkat awal Mesyuarat Agong hendak dibuat awal. Lepas itu tiba-tiba dapat satu surat, cepat itu, surat itu berturut-turut sehari, dua dapat surat kena tangguh, boleh buat, bukan tangguh, boleh buat sehingga 30 April. Jadi anak-anak kariah pun banyak juga yang berpolitik. Ini pasal lepas pilihan raya, tak apa bagus. Itu persoalannya, jadi anak kariah bertanya kenapa benda ini berlaku.

Yang kedua ada disebut tentang, cara pemilihan pengerusi dan jawatankuasa, saya ambil contoh, bila ada pertandingan dan pemilihan jawatan Pengerusi dulu, tiba-tiba ada tiga (3) calon bertanding dan sudah pastilah dalam tiga (3) calon itu dia mesti ada yang nombor satu (1), ada

nombor dua (2), ada nombor tiga (3) contoh. Jadi diminta ketiga-tiga nama ini dikemukakan kepada yang memantau, barang kali PTA, Pegawai Tadbir Agama Daerah, maknanya dia tidak boleh lapor kepada PTA ini, satu sahaja yang menjadi Pengerusi Kariah, dia kena hantar tiga (3).

Jadi ini meragukan anak kariah, kalau betul demokrasi, makna sudah pilih satu (1), pasal apa hendak kena hantar tiga (3), kerana mereka ragu, ada kemungkinan anak buah kata mungkin yang nombor satu (1) UMNO. Ini anak buah kata mungkin yang nombor satu (1) itu UMNO, yang nombor dua (2) itu sebaliknya Pakatan Rakyat kah, PAS kah dan sebagainya. Tapi bila mai kepada PTA ini andaian mereka. Jadi oleh kerana yang nombor satu (1) itu adalah UMNO, maka yang layak nombor dua (2), jadi menggunakan alasan, mungkin pilihan yang nombor satu (1) itu akhlak tidak bagus, macam-macam, umur lebih dan sebagainya dan ini berlaku Y.B. Dato' Timbalan.

Pada peringkat awal dahulu bila hendak buat, saya ambil contoh Masjid Sungai Kecil, kerana Pengerusinya itu orang UMNO. Oleh kerana ada dua (2) calon, maka UMNO itu ditolak tak layak untuk menyertai pertandingan, jadi oleh kerana yang nombor dua (2) itu datang dari PAS dan PKR dia layak, ada lagi di Sungai Chenaam ada dua (2) masjid.

Jadi saya minta penjelasan yang seikhlasnya sebagai Pengerusi EXCO Agama, dia EXCO Agama tidak boleh tipu tahu, Agama Islam tadi dah sebut "*Amar, Makruf, Nahi Mungkar.*" Kalau tak jelas jemput Sungai Bakap untuk cerita apa sebenar pengertian "*Amar, Maarof, Nahi Mungkar.*" Jadi sibuk hendak guna yang itu, sedar kita berdosa kita dari segi Agama, terima kasih Y.B. Timbalan Speaker.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Terima kasih Batu Maung, hal pemilihan di peringkat kariah ini saya bimbang, bimbang sungguh reaksi pertama dahulu sudah nampak kelam kabut, nombor satu (1) kepada 60 tahun ke atas tidak dibenarkan, memang tidak dibolehkan, 60 tahun ke atas tidak boleh, lebih daripada 60 tahun, jadi tidak boleh bertanding, sebenarnya orang inilah yang 60 tahun ke atas pencen yang *dedicated* untuk berkhidmat dengan masyarakat, orang inilah, yang ada agama dia kuat, pegangan dia kuat, jadi orang ini tidak boleh bertanding dan banyak masjid yang menjadi masalah, orang yang yang tinggal, apa hendak buat, buatlah dan ada pula masjid yang langsung tidak mahu, kami tidak mahu bertanding langsung, tak mahu, borang tak mahu isi, apa pun tidak mahu. Ada yang buat macam itu, ada kawasan ada masjid, yang tidak pernah pergi masjid pun ada, nak bertanding pengerusi kariah, ada juga. Jadi benda-benda

menimbulkan keluh kesah dalam masyarakat dan saya amat bimbang masyarakat Islam di kampung berpecah lagi. Jadi saya hendak tahu sama ada kajian dibuat terperinci dulu, kesan-kesan dia kalau kita mengadakan pilihan ini, apa cacatnya cara dahulu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Telok Bahang. Sat, sat, sikit saja. Juga ada rungutan sebahagian ADUN bahawa mereka tidak dibayar gaji untuk hendak pergi buat pendaftaran kariah ini. Kita kena kaji, tidak ada elaun sebegini, mengapa kita hendak tambahkan beban mereka lagi, maksud saya perkara sebegini yang sepatutnya, pendapat saya di dalam Dewan yang mulia ini supaya pemilihan Pengerusi Kariah ini diberhentikan dan mengikut *stail* lama apa yang bersesuaian dengan masjid-masjid.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey, saya jawab tiga-tiga soalan tadi, satu (1) ialah kita kena faham konsep Kerajaan Pakatan Rakyat, kalau kita berpegang macam UMNO, konsep UMNO dahulu, saya pun dalam UMNO dulu juga, senang sahaja, ketua bahagian akan menamakan pengerusi-pengerusi kariah di kawasan itu, saya tahu di Bahagian Tanjung apa jadi dan juga bahagian-bahagian lain sebab itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itu Batu Maung yang buat, bukan orang lain. Batu Maung yang buat macam itu

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Siapa kata?

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya kata.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Buat macam mana?

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ketua-ketua Bahagian pilih semasa UMNO dulu, kita tidak buat macam itu.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Janganlah cerita saya ini bukan satu (1), dua (2) tahun dalam UMNO. Saya tahu apa cerita. jadi, kalau hendak jadi Pengerusi Kariah PAS jauh sekali, Ustaz Maktar jauh sekali, kami kena ada orang-orang Ketua Bahagian atau ada orang jadi orang UMNO. Jadi sebab itu..(gangguan), sat, sat. Bila Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih, di antara perkara yang hendak kita lakukan ialah kita hendak serahkan kepada ahli-ahli kariah menentukan siapa dia Pengerusi, siapa dia Setiausaha, ada tak bagi di kawasan-kawasan di mana Pengerusi dia duduk bersama, sabit Pengerusi dia tidak biasa mai masjid, Setiausaha tidak biasa mai masjid, sebab itu kita hendakkan kariah mendemokrasikan pemilihan macam dulu sebelum Timbalan Ketua Menteri bekas Timbalan Ketua Menteri dulu Syed Omar pegang, masa itu kita tahu angkat tangan dulu di masjid, betul tak pemilihan Jawatankuasa Kariah 20 tahun dulu adalah oleh anak kariah, kenapa kita tidak boleh balik ke asal, bagi kuasa kita, bagi kami Pakatan Rakyat ahli-ahli kami juga marah, pasal apa tidak mahu buat, macam UMNO buat, lantik sajalah orang-orang kita, jadi kita kata tidak bolehlah, kalau depa dah silap, depa dah buat perkara-perkara yang tidak baik, kita jangan buat perkara-perkara yang tak baik, satu (1).

Nombor dua (2) persoalan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sungai Acheh, kita ini sebuah parti ataupun sebuah Kerajaan di bawah Parti Pakatan Rakyat DAP , PAS, kita hendak bagi satu proses pendengaran kepada ahli-ahli, kepada *stake holders*. Apabila kita mengadakan, satu perjumpaan di antara 13 hingga 15 Oktober. Apabila kita buat seluruh Negeri Pulau Pinang mendengar, mendengar taklimat, memberi *feedback* daripada Pengerusi-pengerusi Kariah dan sebagainya. Ada keluhan-keluhan yang mengatakan mereka hendakkan masa yang lebih sikit, jadi ada masa kita pergi untuk mendapatkan pendaftaran ahli-ahli kariah dan sebagainya. Tidak mahu gopoh-gopoh, kita mula-mula, kita beranggapan perkenan Tuanku akan balik bulan Jun, apabila kalau perkenan Tuanku, balik bulan Jun senanglah kita ada masa. Tapi 20hb. September baru diperkenan

oleh Tuanku dan kita mempunyai masa yang suntuk.

Oleh sebab itu setelah mendapat *feedback* daripada taklimat-taklimat ini. Majlis Agama Islam yang bermesyuarat pada 30hb. Oktober telah memutuskan kita memanjangkan proses pendaftaran antara anak-anak kariah ini agar memberi peluang, kita tidak mahu sat ni ada masjid UMNO dia cepat-cepat pi daftar, dia tidak bagi orang lain, sat ni ada PAS kah, saya adil, ada masjid yang dikuasai oleh PAS, cepat-cepat dia daftar-daftar dia tutup habis. Tiga (3) hari, ada masjid di kawasan saya, dalam solat Jumaat dia *announce* tiga (3) hari saja untuk daftar, mana boleh tiga (3) hari hendak daftar. Saya tak mahu sebut mana masjid mana. Jadi ini boleh dielakkan, kita beri peluang, kita panjangkan masa sehingga bulan April agar satu lagi justifikasinya. Kalau kita buat pemilihan bulan November, Disember, mai bulan Januari, Februari kena buat Mesyuarat Agong pula. Betul tak ADUN Sungai Acheh, kalau hendak panggil Mud sat lagi marah pula. Jadi Sungai Acheh faham selepas bulan Disember, masuk bulan Januari, Februari, kena buat satu lagi Mesyuarat Agong. Apa kata kita satukan pemilihan Mesyuarat Agong sekali. Itu persoalan tentang apa diubahkan masa.

Jawab persoalan Telok Bahang, Telok Bahang dahulu dia Yang DiPertua Majlis, Y.B. Timbalan Speaker. Yang DiPertua Majlis dia faham, enakmenlah yang mengatakan 65 tahun, tetapi kalau ada pemimpin-pemimpin Pengerusi-pengerusi Kariah kuat, pengerusi-pengerusi kariah yang kuat, yang boleh buat tugas lagi, yang boleh menjalankan tugas lagi, boleh diberikan pengecualian oleh Majlis Agama, kita juga tidak mahu mengetepikan orang-orang yang kuat, masih sihat dan sudah pencen boleh bagi masa sepenuhnya. Oleh yang demikian...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Yang Berhormat kena bagi tahu kariah ini, kena bagi tahu.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Dalam tata caranya juga ada. Persoalan yang satu lagi tentang calon-calon dan sebagainya ini adalah satu cara bukan hari ini caranya. Pengisytiharan Penubuhan Jawatankuasa Kariah nama-nama Pengerusi Jawatankuasa Kariah adalah kuasa mutlak Majlis Agama Islam. Apabila pemilihan dibuat dihantar kepada Pegawai Agama Daerah. Pegawai Agama Daerah akan proses dan bentang dalam Majlis Agama Islam. Kita juga tidak mahu ada yang berlaku masalah-masalah di peringkat kariah supaya Majlis

Agama Islam selaku Majlis yang telah diberi perkenan Tuanku mengawasi Pentadbiran Agama Islam di peringkat masjid dan di Negeri Pulau Pinang dapat menjadi *body* yang tertinggi untuk membentangkan senarai akhir untuk Tuanku Agong untuk diperkenankan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Penjelasan sikit, sudahkah Majlis Agama Islam menentukan sempadan-sempadan kariah ini kerana ada masjid-masjid yang menjadi masalah perebutan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Sudah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Dah tentu ada garis panduan kariah.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Sudah, sudah ada dan kalau ada saki baki yang ada penindihan pihak Jawatankuasa Pemilihan yang bebas, yang diperkenan oleh Tuanku Agong, jangan persoalkan kerana ada pemimpin di luar sana yang tidak duduk dalam Dewan ini yang kononnya menjadi Pengerusi beberapa perhubungan UMNO Negeri mempersoalkan perkenan Tuanku pada tata cara ini. Saya ingin mengatakan kalau dulu kata kami kononnya tak hormat Istana, tanya diri sendiri hormat tak hormat Istana. Saya hendak bagi tahu perkara-perkara begini boleh kita selesaikan kalau ada masjid-masjid yang ada sedikit-sedikit penindihan. *Insyah-Allah*. Jadi saya hendak teruskan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Sedikit penjelasan Y.B. Batu Maung, kesusahan Y.B. Batu Maung menghadapi adakah kita tidak ada TV1, TV2, TV3 untuk memberi penjelasan dan gambaran perkara yang sebenar-benarnya. Setuju tak Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Betul, itu betul. Itu saya setuju. Kita hendak teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Penjelasan, sikit saja, sikit. Saya ingat tidak payah pakai TV1, TV2, TV3, Buletin Mutiara merata kedai dok ada, dah habis duit rakyat berjuta dah, cerita dalam tu, okey, ada soalan lagi, yang itu mukadimah sebab dia sebut TV. Begini Batu maung, tadi Batu Maung perakui bahawa setelah nama-nama itu dipilih, maka nama-nama itu hendaklah dihantar kepada jabatan atau Majlis Pegawai Tadbir Agama, *confirm* ya, tetapi kenapa kalau saya ambil contoh tadi Pengerusi itu bertanding tiga (3) orang, 1, 2, 3 hendak kena hantar tiga-tiga, hantarlah yang menang saja. Itu yang depa dok kata pasal apa? Satu. Yang kedua saya ulang balik di masjid Sungai Kecil di Sungai Chenaam hari itu kerana kawan saya itu juga dicalonkan, dia di Ketua UMNO Cawangan. Ha, ya No. 2 pun dicalonkan kerana dia orang kuat Ustaz Maktar. Contoh: saya pinjam orang Maktar, bukan orang kuat betul, nak contoh, pasal dia Ustaz saya. Eh, yang Jawi tak tau apa, tok sah lah Jawi. *You* punya belajar pun tak fasih, pasal tak habis, lagi kamus yang *you* guna pun kamus yang tak bertamadun.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Okey, sila teruskan penjelasan jawapan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Nanti sat. Saya tak habis lagi. Demi masa Wal-As. So mintaklah tolong jawab, kenapa benda ini berlaku kalau betul-betul nak demokrasi, ikhlaskan dalam agama jangan dok putar alam. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Soalan pertama Y.B. Sungai Aceh, itu adalah satu andaian dan cakap-cakap kedai kopi. Okey. Proses yang mula tidak ada surat yang mengeluarkan yang tidak membenarkan calon pertama tadi bertanding. Apa yang saya faham proses pertama pada tahun lepas, kita telah terkandas sebelum proses apa, proses pencalonan ini. Selepas proses pencalonan ini, pihak-pihak UMNO, badan perhubungan UMNO dan sebagainya takut, takut kehilangan kuasa di masjid. Bagi kami adalah Kariah yang menentukan, bagi kami adalah Jemaah yang menentukan, bukan UMNO yang menentukan. Sebab itu kami terkandas dan proses pencalonannya belum sampai ke tahap di mana kita telah tidak memberi peluang kepada sesiapa untuk bertanding. Itu soalan pertama. Ini kalau ada.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Tak apa Y.B. Dato' Speaker, kalau saya ada bukti saya jumpa. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kedua, yang kedua ialah tentang oh nama itu, proses ini proses. Jangan kkuatir *insya-Allah* kami akan kalau Pengerusi Kariah yang katanya ketua UMNO Cawangan itu adalah bukan sahaja Ketua Cawangan tapi dia juga pemimpin masyarakat. Dia dapat undi dalam 100 orang mai, dia dapat 80 undi. Yang kedua, yang dikatkan Ustaz Maktar punya orang kuat dapat 10 undi. Tak kan lah kita 80 undi itu sebagai Ketua Cawangan UMNO, kita nak *deny* dia punya populariti ataupun *deny* dia punya kewibawaan sebagai pemimpin. *Insya-Allah* saya dapat memberi satu apa ini, ah.. kata di sini iaitu *insya-Allah* selagi saya EXCO Agama saya akan memastikan yang kita tidak membelakangkan kehendak kariah. Tetapi kalau calon itu mempunyai rekod sepertimana ada dalam Enakmen iaitu masalah *bankruptcy*, masalah rekod jenayah, masalah itu, masalah ini, kita terpaksa melihat perkara-perkara ini. Dan *insya-Allah* saya akan berbincang dengan YDP dan Timbalan YDP agar apa-apa keputusan yang dibuat mempunyai alasan, ah alasan yang kukuh. Kalaulah yang nombor satu (1) tadi terpaksa ditolak, dia mesti mempunyai alasan yang kukuh. Tetapi kalau umur punya pasal, *insya-Allah*. Kita nakkan orang tua-tua terus menjadi pemimpin. Kita juga telah usaha untuk memikirkan agar peraturan dapat dilonggarkan. Agar Imam juga, kalau anda di kalangan masjid ada berada dalam peraturan yang kata Imam, kita akan cuba melonggarkan. Apa ini Y.B. Sungai Bakap, kita akan cuba melihat nak melonggarkan agar Imam juga yang mempunyai kepimpinan yang kuat dan kawasan itu tidak ada kepimpinan yang kuat membenarkan Imam itu juga menjadi Pengerusi Kariah *insya-Allah*. So saya nak teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, sikit lagi. Ni orang kampung dok dengar ni. Kalau sebut tadi yang kata maksud contoh bagi tiga (3) nama itu, Jadi kerana hak Nombor satu (1) tadi dia muflis atau dia punya akhlak tak bagus dan sebagainya, akan naiklah yang nombor dua (2), betul lah, kalau nombor dua (2) pun tak elok nombor tiga (3), tetapi bagaimana kalau di sebuah masjid itu hanya satu (1) calon sahaja pengerusi, contohnya Dato' Jasmin jadi Pengerusi Masjid Sungai Dua, okey. Tiba-tiba, bila dia semak-semak dia muflis, jadi macam mana pulak. Contoh saya pinjam ni, pasal kawan baik. Pasal dulu pun Y.B. Batu Maung dan Sungai Dua ini, dia satu *partner* dalam berniaga. Dia sebut tadi....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Bila pula itu, bila, bila ada *partner* berniaga, saya tak ada *partner* pun. Saya nak teruskan soalan yang apa ini, daripada Sungai Acheh juga tentang mengenai bangkitnya prestasi MMK Agama Islam yang tidak cekap kerana berlakunya kekeliruan pelantikan. Tidak, tidak ada kekeliruan langsung. Tidak ada kekeliruan langsung kerana Enakmen telah pun menentukan apa ini, pelantikan YDP. Kalau dulu saya EXCO Agama, Ahli Majlis. YDP apa ini, Permatang Pasir Timbalan YDP, kami bekerja sebagai satu pasukan. Awal tahun ini, saya diamanahkan menjadi YDP, Permatang Pasir Timbalan YDP, jalan macam elok. Mai bulan Jun kita tukar, apa Permatang Pasir jadi YDP, saya EXCO Agama, macam biasa. Ini menunjukkan daripada tahun 2009 sehinggalah hari ini, pentadbiran Majlis Agama Islam di Pulau Pinang tidak ada apa-apa perubahan, kucar-kacir dengan masalah pelantikan ini. Dan juga persoalan yang ketiga oleh Y.B. Sungai Acheh mengenai.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Kalau seorang sahaja apa pula tindakan badan itu?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kita ada Jawatankuasa Pemilihan, Jawatankuasa Pemilihan ini akan melihat keadaannya kerana kita tidak boleh mengatasi Enakmen. Ada perkara yang boleh kita mengatasi Enakmen iaitu macam 65 tahun tadi, perkara mufliis dan sebagainya susah, kita ada Penasihat Undang-undang, kita ada Jawatankuasa Pemilihan, kita ada Majlis Agama yang akan menentukan nasib satu (1) calon itu kerana dia mufliis. Saya tak mahu *pre-judge* perkara ini. Perkara ini kita serahkan, dia ada tiga (3) badan yang akan menentukan. Jawab persoalan Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Yang Berhormat, sekiranya didapati betul dia mufliis, okey lah tak apa lah. So, macam mana jawatan Pengerusi itu, adakah kena ada pelantikan semula..

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Tak ada. Itu kita serah kepada Jawatankuasa Pemilihan. Saya tak mahu, saya tak mau, ini perkara itu perkara yang *very small*. Satu perkara daripada 200 masjid.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Walaupun kecil, Batu Maung, isu yang besar. Saya nak balik jelas kepada orang kampung ini. Dia kata Dato' Mahmud pergi mesyuarat tanya ada tak bab ini. Saya nak cerita ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kita akan serahkan kepada Jawatankuasa Pemilihan dan Majlis Agama Islam untuk menentukan keadaan Kariah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Jadi ini belum buat keputusan apa lagi lah.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

No bukan. Dia ikut kes *by* kes.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Ini saya bagi kes inilah. Contoh kes.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kalau kes itu timbul.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Saya bagi contoh kes.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Contoh itu contoh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Contoh pun, mungkin berlaku.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Okey. Kalau mungkin berlaku, kita akan melihat pada masa itu.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Makna kata tak buat keputusan lagilah.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Apa yang nak diputuskan. Kalau benda tak ada.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Bukan. Saya ambil contoh. Soalan saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya rasa perkara ini boleh kita bincang di luar.....(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, seorang yang jaga agama boleh sanggup tak ada apa kata....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Masalah-masalah *you* bagi satu benda yang....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Ini kenyataan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Jawapan telah diberi. Okey Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, pun tak jelas ini.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Jawapan pun telah diberi. Saya pun faham.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kalau perkara itu berlaku, kita akan rujuk kepada Jawatankuasa..... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Soalan saya.....(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sungai Acheh, sila bagi Batu Maung teruskan dengan dia punya penggulungan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Batu Uban diamlah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Majlis Agama Islam telah pun membuat tatacara dan kaedah tentang pemilihan-pemilihan ini. Sudah tentu dalam tatacara dan kaedah ini dah digariskan semua benda-benda sepertimana yang telah disebutkan tadi. Secara terperinci supaya apabila timbul pertikaian kaedah ini akan dapat menyelesaikan masalah.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Tak apa saya akan memberi secara bertulis jawapan kepada Sungai Dua dan Sungai Acheh. Tentang jikalau timbul perkara ini, apa yang kita perlu lakukan. Menjawab soalan Sungai Acheh tentang masalah Masjid Seri Ampangan, Nibong Tebal yang masih mempunyai kubur, isu perkuburan berpusat yang belum dimulakan. Ingin saya maklumkan bahawa pihak MAIPP telah membuat bayaran untuk proses borang 5A iaitu bayaran bagi cukai tahun pertama dan bayaran premium nominal dan khas, bayaran ukur tandas sempadan, bayaran pelan, penyediaan dan pendaftaran geran tanah kepada Pejabat Tanah & Daerah, SPS bertarikh 5hb. Disember 2011.

Bagi isu perkuburan yang tadi itu, ialah, apa ini ialah untuk kubur di Masjid Sri Ampangan. Bagi isu perkuburan Islam berpusat setakat ini, MAIPP masih menunggu kelulusan pemilik tanah daripada Pejabat Tanah & Daerah, SPS. Penyediaan kubur berpusat di Seberang Perai Selatan belum dapat

diadakan kerana tanah yang sesuai belum diperolehi. Untuk makluman daerah yang dipertunjukkan tanah untuk kubur berpusat adalah Barat Daya dan Seberang Perai Utara sahaja.

Menjawab persoalan berbangkit daripada KADUN Pantai Jerjak, mengenai Masjid Sungai Nibong yang memerlukan kos pembesaran masjid sebanyak RM30 juta atas keperluan yang mendesak, kerana Negeri dan MAIPP yang dipohon memberi sumbangan supaya pembesaran masjid tersebut untuk menampung jemaah yang semakin meningkat. Soalan ini telah dibangkitkan oleh Y.B. pada Mesyuarat Kedua Penggal 2009, Mesyuarat Ketiga Penggal 2008. Y.B. Pantai Jerejak dan juga apa Y.B. Batu Uban, dimaklumkan bahawa pada masa ini, pembesaran pembinaan masjid Sungai Nibong tidak dapat dilakukan oleh kerana pada masa itu, sebab kedudukan masjid yang berhampiran dengan jalan. Bagi mengatasi kesesakan Jemaah terutama sekali pada hari Jumaat, Majlis Agama telah memecahkan sempadan kariah masjid itu kepada kariah yang baru yang diwujudkan iaitu kariah Sungai Dua, Taman Pekaka ataupun dinamakan Masjid Assoghir, Taman Pekaka mulai tahun 2009. Berhubung dengan pembinaan semula masjid, pihak Jawatankuasa Kariah Masjid Sungai Nibong mempunyai perancangan tersendiri bagi membiayai pembinaan masjid baru di tapak itu dan telah memohon kelulusan Pihak Berkuasa Agama Islam Pulau Pinang. Jawatankuasa Fatwa Negeri telah meluluskan permohonan pembinaan masjid itu dan Pihak Berkuasa Agama Negeri telah meluluskan permohonan kutipan derma. Saya akan memantau pergerakan usaha ini, syarikat dan *insya-Allah* memastikan usaha yang murni ini dijalankan. Menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Telok Ayer Tawar, tentang mewujudkan pusat pemulihan wanita yang berkonsepkan Darul Sakinah di sebidang tanah 8 ekar di Pongsu Seribu, pihak pentadbiran Majlis Agama Islam Pulau Pinang memangnya mempunyai perancangan untuk mewujudkan satu Pusat Pemulihan Wanita di Pulau Pinang. Tetapi belum tentu di tempat yang mana, masih dalam peringkat perancangan. *Insya-Allah*, saya juga ingin mengucapkan banyak terima kasih.

Y.B. Timbalan Dato' Speaker:

Batu Maung, kita berhenti sat ah. Satu (1) minit. Penang State Assembly *welcome the civil service officers of Bangladesh. Please sit down. Okay thank you.* Silakan Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih. Saya ucapkan selamat datang, *Namaste*. Saya untuk mengakhiri penggulungan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. belum menyentuh isu berkenaan keselamatan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih kerana memberi peringatan tentang apa yang saya janji hendak, janji ditepati. Tentang yang saya menjawab pada dua (2) persidangan DUN yang lepas dan apa kali ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih tidak puas hati tentang usaha keselamatan yang diberi oleh PDRM kepada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun pihak PDRM selalu dengan pihak Kerajaan Negeri melalui mesyuarat-mesyuaratnya berbincang tentang masalah-masalah keselamatan kepada Ketua Menteri terutama sekali dan pihak Kerajaan Negeri dan saya berharap pihak PDRM akan terus berusaha untuk mempertingkatkan keselamatan kepada pegawai-pegawai, pemimpin-pemimpin terutama sekali Ketua Menteri dan baru-baru ini kita dapat satu ada apa ini, *transfer* yang baru Ketua Polis Negeri Pulau Pinang yang baru. Kita berharap Ketua Polis Negeri Pulau Pinang yang baru ini dapat berusaha agar dapat dipertingkatkan keselamatan Ketua Menteri, Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri dan juga bangunan-bangunan dan juga harta benda Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dengan izin Y.B. sebelum Yang Berhormat menggulung dan habiskan perbahasan, saya menanyakan soalan ini saya membuat perbandingan kita lihat perkara-perkara mengenai keselamatan telah banyak kali disentuh Yang Berhormat-Yang Berhormat lain. Baru-baru ini Yang Berhormat Datok Keramat saya buat perbandingan sebagai seorang warganegara Malaysia amnya. Kita lihat peristiwa baru-baru ini semasa sambutan Hari Merdeka di Dataran Merdeka di Kuala Lumpur, di mana terdapat tuduhan-tuduhan bahawa orang-orang di situ telah memijak gambar Perdana Menteri tunjukkan punggung kepada gambar Perdana Menteri dan banyak lagi tuduhan dilemparkan dan kita lihat bagaimana dengan begitu cepat pihak Polis mengadakan sidang akhbar melakukan tangkapan ke atas pihak-pihak yang terlibat walaupun ada di antara mereka yang telah meminta maaf mengatakan bahawa mereka insaf terhadap kesalahan yang mereka lakukan.

Malahan Polis DiRaja Malaysia telah menubuhkan Pasukan Khas dari Bukit Aman untuk mengesan menjejak mereka dan melakukan tangkapan dalam masa yang singkat 24 jam. Dan perkara ini telah diheboh-hebohkan dalam TV3 semua surat khabar-surat khabar tempatan. Persoalan saya adalah kalau betul-betul kerajaan Barisan Nasional mengamalkan konsep 1Malaysia kalau betul-betul Kerajaan Barisan Nasional mengamalkan prinsip 1Malaysia mengapakah Polis DiRaja Malaysia memilih kasih? Mengapa tidak

mereka mengambil tindakan yang sama terhadap anasir-anasir yang melakukan yang sama sejak 2008 kita lihat.

Kelmarin pun ada demonstrasi di luar Dewan Undangan Negeri di mana mereka menuntut kehadiran Dato' Speaker, kehadiran Ahli-ahli EXCO untuk pergi terus mengambil *petition* dan sebagainya. Saya tak risau kita bertekad untuk mengharungi semua perkara-perkara ini soalan saya mengapa mereka memperlekehkan dan menunjukkan kealpaan mereka saya tengok hari ini tidak ada pun wakil dari PDRM. Adakah mereka datang ke sini cuma nak lihat perkara ini walaupun Balai Polis berdekatan semasa upacara Majlis Keramaian Hari Raya, Yang Berhormat sendiri telah diserang hampir-hampir diserang saya difahamkan, kereta Yang Berhormat Batu Maung telah dirosakkan walaupun Balai Polis berdekatan 100 meter panggilan-panggilan S.O.S langsung tak ada sebarang anggota Polis di situ.

Adakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional bila kita bercakap tentang isu keselamatan pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat. Saya merujuk lagi satu kejadian semasa bakal Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim pergi untuk ceramah terdapat satu kumpulan *gengster* dari UMNO telah menghalang kenderaan beliau, ketika itu bila Dato' Seri Anwar Ibrahim meminta bantuan daripada pengawal peribadi beliau, ketika pengawal peribadi beliau sampai di tempat tersebut dan menunjukkan senjata api bagi menakutkan *gengster-gengster* UMNO ini, tiba-tiba pihak Polis pula menangkap beliau menuduh beliau mengatakan beliau menunjukkan pistol mengugut untuk menembak mereka. Adakah ini cara bagaimana pihak Polis DiRaja Malaysia bertindak? Kalau mereka sendiri tak mampu memberi menjamin keselamatan pemimpin-pemimpin kita Yang Berhormat sendiri melantik seorang pengawal peribadi pengawal peribadi kita pula dituduh mengatakan kita mengancam untuk menembak *gengster-gengster* UMNO ini? Sedar dan insaf bahawa Yang Berhormat sendiri telah mengambil semua tindakan-tindakan untuk memastikan menjamin keselamatan tetapi satu perkara yang lebih efektif harus dilakukan, kalau tidak saya risau tentang keselamatan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih Seri Delima sebelum saya pergi kepada itu. Saya nak betulkan fakta tadi. Iaitu Perangkaan 2012 pembangunan, iaitu RM8.59 juta dan 2013 RM10.21 juta, iaitu RM5 juta 2008, 2009 RM8 juta, 2010 RM7.2 juta, 2011 RM7.05 juta 2012 RM8.59 juta.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tapi mengikut perangkaan pada saya 2012, RM7,085.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yang ini saya akan *check figure*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Dan mengikut buku pun sama. *7 point*.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ini 2012 RM8.59 juta dan 2013 RM10.21 juta. Menyentuh tentang persoalan oleh Seri Delima memang kita cukup kluatir akan keselamatan pemimpin kita dan sebagainya dan terutama sekali apa yang terjadi. Ini *double standard* lah yang berlaku ... (dengan izin), Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker iaitu apabila keranda dibawa ke KOMTAR itu mempamerkan yang itu adalah ugutan nyawa apabila satu upacara *funeral rites* atau upacara pengkebumian yang dilakukan di depan rumah Ketua Menteri. Itu adalah satu ugutan nyawa macam tadi sebelum ini kita hantar *bullet* atau peluru itu adalah boleh ditangkap sebab peluru itu sahaja.

Tetapi sebab itu ugutan nyawa kalau ini bawa pergi apa atau tong mayat di situ itu juga ugut 'kalau hang tak jaga aku bunuh bubuh hang kat situ'. Ini *double standard* dan saya harap saya letak kepercayaan dan juga profesionalisme pihak Polis ini supaya dapat melihat jangan jadi satu alat kepada Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Mungkin boleh komen boleh disebabkan pemimpin-pemimpin UMNO yang mendalangi semua perbuatan ini pihak-pihak Polis takut. Semua pemimpin terlibat PERKASA dan UMNO yang terlibat sebab itu pihak Polis takut ambil tindakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tak ada bukti.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya ada bukti saya telah kemukakan bukti dalam Dewan. Pemuda UMNO terlibat dalam demonstrasi memang ada bukti.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Teruskan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya nak kemukakan bukti. Saya nak tanya, orang yang mengaku yang bawa tong mayat ini yang pergi depan rumah Ketua Menteri, gambar terpampang tetapi tidak ditangkap tidak ditangkap dan dipersoalkan. Malahan apa yang berlaku di Kuala Lumpur? Budak yang muda baru besar sabit kesilapan itu ditangkap dan dibawanya. Ini adalah perkara yang perlu tahu. Perlu diambil kira oleh sebab ini adalah satu perkara menunjukkan yang apa yang dikatakan Seri Delima itu berlaku iaitu *double standard*. Yang Berhormat saya ingin meneruskan mengakhiri penggulungan saya.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Minta penjelasan. Satu sahaja. Saya mewakili orang-orang Melayu dan Cina dan India di kawasan saya ini mengenai isu Masjid Jamek di Batu Uban yang tertua. Saya difahamkan Dato' Rais Yatim telah mengisytiharkan tapak masjid itu sebagai Tapak Warisan, persoalannya sekarang ini saya nak bangkitkan semasa perbahasan saya kenapakah hanya Masjid sahaja dijadikan Tapak Warisan tetapi tak ada kawasan sekeliling ada penduduk dijadikan Tapak Warisan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Itu adalah proses-proses, di mana proses permohonan proses dilihat dan dihantar *expert-expert* dan sebagainya dan melihat itu tapak warisan yang perlu ditakrifkan bangunan warisan adalah masjid kalau Yang Berhormat Batu Uban ada masalah tentang perkara itu dan ingin dibesarkan boleh hantar surat kepada Jabatan Warisan untuk menghantar *expert* mereka melihat dan jikalau ditakrifkan sebagai hendak ditakrifkan sebagai kawasan warisan dan mereka sendiri akan melihat secara objektif permohonan ini dan *insya-Allah* kita akan buat keputusan.

Untuk mengakhiri ucapan peenggulungan saya saya ingin saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penjawat-penjawat awam yang diketuai oleh Dato' SUK, Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Penasihat Undang-undang dan Ketua-ketua Jabatan. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada MPPP dan MPSP kerana begitu giat berusaha untuk menentukan Pulau Pinang lebih bersih dan lebih hijau. Tidak ketinggalan PDRM yang telah berusaha untuk melihat keselamatan Negeri Pulau Pinang

dan melihat penurunan kadar jenayah di Pulau Pinang supaya Pulau Pinang menjadi lebih selamat dan Jabatan Kesihatan berusaha untuk menjadikan Pulau Pinang lebih sihat. *insya-Allah* saya juga ingin yang telah memberi sokongan yang tak berbelah untuk mencapai matlamat Kerajaan Pakatan Rakyat selama 5 tahun ini sungguhpun banyak kerja yang perlu dilaksanakan...(dengan izin) *the best is yet to come but we have more to work out, we have more work to do to achieve agenda economy saksama* dan Masyarakat Madani *insya-Allah*, dengan itu saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada 2.30 petang hari ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.35 petang.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan disambung semula. Padang Kota, silakan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Speaker kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2013 dan saya mengambil kesempatan ini untuk memberi ulasan-ulasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini semasa bajet ini dibahaskan. Saya mula dengan perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Telok Bahang iaitu Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di mana Yang Berhormat telah mengatakan bahawa Kerajaan Negeri masih mahu melaksanakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan walaupun pilihan raya ini tidak boleh dilaksanakan. Saya rasa sememangnya Kerajaan Negeri ingin membawa balik undi ketiga ini kepada rakyat Pulau Pinang untuk memantapkan lagi pentadbiran Kerajaan Negeri melalui prinsip Demokrasi yang telah membawa banyak faedah kepada rakyat Pulau Pinang. Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan telah pun diluluskan oleh Dewan ini pada 9hb. Mei 2012 dan diwartakan pada 5hb. Julai 2012.

Ekoran itu Kerajaan Negeri telah menulis kepada Suruhanjaya Pilihan

Raya melalui surat pada 30hb. Ogos untuk mengingatkan SPR tentang tanggungjawabnya untuk melaksanakan pilihan raya Kerajaan Tempatan di Negeri Pulau Pinang sepertimana diperuntukkan di dalam perkara 113 (4) Perlembagaan Persekutuan serta Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai 2012. Sehingga sekarang SPR masih enggan bertindak seperti permintaan Kerajaan Negeri. Oleh itu Kerajaan Negeri pada peringkat ini dalam proses untuk membawa perkara ini ke mahkamah.

Isu kedua yang dibangkitkan oleh Y.B. Telok Bahang berhubung pembinaan projek di lereng bukit di mana Yang Berhormat mendakwa pembangunan ini telah menyebabkan tanah runtuh. Bagi MPSP tiada permohonan terkini yang melibatkan pembangunan di lereng bukit sekiranya terdapat permohonan berkenaan MPSP akan merujuk terlebih dahulu kepada jawatankuasa tanah tinggi berisiko manakala berdasarkan kepada rekod MPPP terdapat sembilan belas (19) permohonan kebenaran merancang projek-projek sedemikian telah diluluskan di kawasan MPPP dari tahun 2008 hingga April 2012. Semakan rekod MPPP tiada aduan tanah runtuh di kawasan projek-projek tersebut. Perkara ketiga yang dibangkitkan adalah berhubung dengan pengangkutan awam.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Minta laluan. Tentang pembangunan lereng bukit jawapan yang saya terima dalam soalan yang saya buat, soalan lisan yang jawapannya lambat. Ada sembilan belas (19) projek yang telah pun diluluskan kebenaran merancang semenjak 2008 sehingga 2012. Kalau ikut ini jumlah permohonan kebenaran merancang bagi penjualan kemajuan tanah bukit melebihi 250 kaki dari aras laut diluluskan sehingga sekarang 2012, tapi saya lihat dari segi perancangan pembangunan kalau dulu Kerajaan dulu Kerajaan Barisan Nasional dulu lulus hanya.

Di sini ada tulis meluluskan pembangunan pada paras ketinggian melebihi 36 meter lulus kepadatan yang sekarang ini Kerajaan sekarang buat melulus 76 meter dan kepadatan tujuh (7) unit satu ekar dan kecerunan melebihi 25 darjah dan saya bimbang sekali tentang pembangunan bertingkat-tingkat empat belas (14), tujuh (7), lapan (8) tingkat, enam belas (16) tingkat dan sebagainya kalau dibandingkan dengan Kerajaan dulu kita luluskan tidak melebihi tiga puluh enam (36) meter dan tidak melebihi dua puluh lima (25) darjah dan kepadatan hanya 6 unit seekar dan ketinggian bangunan dua (2) tingkat sahaja tidak lebih daripada itu sekarang ini sudah tinggi yang saya masih ingat lagi urusan dulu kerana kita mengambil ikhtibar daripada *Highland*

Tower Tahun 1993 runtuh dan kita kena ingat kita Pulau Pinang.

Saya pernah sebut perkara ini di Pulau Pinang bukit ini tanah *loose foam* ia lembut dan bila hujan sikit ia jadi macam span hujan banyak lagi ia akan runtuh. Ini yang saya bimbang hari ini sudah ada demonstrasi oleh SAM (Sahabat Alam Malaysia) dan juga oleh CAP tentang perkara ini sudah berlaku di Sungai Ara memang *very massive* kerja tanah amat-amat membimbangkan dan pihak penduduk sana pun sudah berapa kali buat kenyataan di dalam akhbar dan sebagainya menentang kelulusan perumahan seperti ini. Jadi ini yang saya bimbang takut jadi di Tanjong Bunga ada di Sungai Ara ada Sungai Ara kawasan Barat Daya. Jadi saya minta perhatian Kerajaan Negeri supaya *in future* jangan lulus rumah sebegitu tinggi dan lebih 250 kaki tinggi ini bahaya. Bahaya kepada orang yang duduk sekeliling itu dan alam sekitar ini kita kena jaga kalau kita tidak jaga siapa lagi hendak jaga.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Speaker, terima Y.B. Telok Bahang yang memberi perhatian yang sungguh dalam perkara ini, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum segala kelulusan yang diberikan adalah berlandaskan kepada apa yang sedia diguna pakai oleh PBT sama ada mengikut Rancangan Struktur Negeri yang sememangnya membolehkan pembangunan tertentu dikecualikan daripada sekatan-sekatan yang berada dalam RSN. Jadi Kerajaan Negeri memang peka terhadap perkara ini dan tindakan untuk menubuhkan satu jawatankuasa bebas cerun bukit Geo-teknikal adalah satu usaha supaya kita dapat meneliti perkara ini dengan lebih baik sepertimana sudah pun dijelaskan semasa memberi jawapan dalam sesi soalan lisan, di mana sekitar dari segi *design* dari segi *control* semasa pembinaan, lagi pun semasa siapnya apakah *manual* pemeliharaan projek-projek sedemikian telah pun dimasukkan sebagai syarat tambahan kepada apa yang sekarang dipakai.

Jadi saya percaya Pihak Berkuasa Tempatan akan menangani isu ini dengan amat serius supaya sebarang kelulusan cuma hanya diberi setelah pemohon memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pelbagai pihak termasuk Jabatan Alam Sekitar, *Hewland Community* ini tambahan pula satu *Hew Side Development Community* yang baru ditubuhkan. Jadi saya percaya dengan syarat-syarat yang lebih ketat pembangunan-pembangunan di lereng bukit ini dapat dikawal melainkan kita buat satu keputusan memang tidak boleh diproses permohonan tetapi yang ada adalah tertakluk kepada pelan induk rancangan struktur Negeri yang sememangnya menjadi dokumen yang diluluskan oleh pihak Kerajaan, di mana tuan tanah atau pemaju pemohon membuat permohonan berlandaskan kepada dokumen-dokumen ini. Mereka bukan buat permohonan berlandaskan kesukaan mereka tetapi tertakluk syarat-syarat yang ditetapkan.

Berhubung dengan isu pengangkutan awam Yang Berhormat juga dengan nakalnya selalu menuduh bahawa Kerajaan Negeri masih tidak dapat menepati janji pilihan raya untuk menangani kesesakan lalu lintas. Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat di dalam Dewan ini bahawa kajian pelan induk pengangkutan Negeri Pulau Pinang kini di peringkat terakhir dan sudah dibentangkan kepada pihak Kerajaan dan sudah pun diterima oleh Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri baru-baru ini yang meliputi tempoh sehingga 2030 dan antara semasa kajian ini dijalankan beberapa aspek penting telah pun diambil kira dan cerapkan agar kajian ini benar-benar sesuai dan boleh direalisasikan di Negeri Pulau Pinang. Antara aspek-aspek yang diberi perhatian ialah mengambil kira pandangan penduduk-penduduk setempat dan semua *stake holder* di mana proses membuat pelan induk ini melibatkan beberapa sesi bengkel, forum dan sebagainya di mana rakyat jelata dan NGO yang berminat telah pun mengambil bahagian.

Keduanya memberi tumpuan yang lebih kepada kawasan-kawasan Warisan UNESCO kita menentukan bahawa pelan yang dicadangkan itu perlu realistik *implementable* dan mampu dilaksanakan oleh Kerajaan. Keempat perlu mendapat kerjasama dari semua pihak terutama apabila proses pelaksanaan bermula kita sedar bahawa dalam bidang pengangkutan ini kuasa Kerajaan Negeri adalah amat terhad termasuk Pihak Berkuasa Tempatan. Kebanyakan kuasa dan sumber kewangan perlulah datang dari pihak Kerajaan Persekutuan, kita pun sedar dan dimaklumkan bahawa Suruhanjaya dan Pengangkutan Darat pun sudah menjalankan satu kajian induk Negara dengan menggunakan lantikan *consultant* yang sama. Seperti Negeri Pulau Pinang dan kita mengharap bahawa apa yang kita sediakan dalam pelan induk pengangkutan Negeri Pulau Pinang dapat diserapkan diambil kira Pelan Induk Negara, di mana SPAN atau Kementerian ataupun agensi Persekutuan memberi kemampuan yang lebih besar berbanding dengan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang disyorkan dalam kajian ini.

Pelan Induk ini perlu kita memastikan bahawa semua agensi Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Persekutuan, termasuk rakyat jelata dari pelbagai sektor *take ownership of the penang transport plan*. Sebagai sebahagian daripada perancangan kita pada masa akan datang. Kalau Pelan Induk ini apabila siap, terletak di almari saja ia tidak akan membawa apa-apa kesan jadi kita berharap kita semua *take ownership about this Penang transport master plan* supaya setiap agensi yang merancang perlu meneliti apakah syor-syor yang diberikan dalam pelan induk ini.

Sebenarnya Pelan Induk ini mencadangkan tiga (3) komponen yang utama, komponen pertama adalah *highway improvement plan*, iaitu berhubung

dengan tindakan lebih raya di mana rakan saya Y.B. Bagan Jermal telah memberi penerangan yang amat teliti berhubung dengan George Town Outer Bypass, The North Coast Pair Road, Air Itam, Relau Pair Road, Tunnel link, North South Highway Link dan sebagainya. Komponen kedua adalah pelan sistem pengangkutan awam, di mana sekiranya kita tahu bahawa apa usaha untuk meningkatkan kemudahan *highway* tidak akan menangani masalah lalu lintas, kesesakan lalu lintas sebab penambahan penduduk, penambahan kenderaan atas jalan raya kian meningkat. Kita perlu beri tumpuan yang secukupnya kepada pengangkutan awam.

Ketiganya mambabitkan pelan tindakan institusi iaitu berhubung dengan Undang-undang kecil, garis panduan dan sebagainya dan juga penambahbaikan dan *empowerment local council* untuk menguat kuasa dan sebagainya supaya kita dapat memastikan apabila semua ini dicantum dilaksanakan secara berperingkat peringkat ianya akan membawa kesan yang baik dari segi menangani masalah lalu lintas di Negeri Pulau Pinang dan diajangkakan perlu dilaksanakan dalam tiga (3) fasa dan mambabitkan satu perbelanjaan yang amat besar sehingga RM25 bilion termasuk projek-projek yang sudah pun dijelaskan oleh Y.B. Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Boleh saya mencelah sedikit? Penjelasan, yang kita dengar nampaknya begitu hebat perancangan yang disediakan oleh pihak *consultant*. Saya nak tahu sama ada perancangan Kerajaan dulu yang mencadangkan *Penang Outer Ring Road* adakah dimasukkan dalam kajian itu. Yang kedua pihak Kerajaan Negeri cakap banyak kali dah saya dengar di Dewan ini nak buat perancangan nak *request proposal* ini. Setakat ini adakah mana-mana projek dah *start* dalam penswastan ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya rasa Y.B. Bagan Jermal telah melakukan prestasi yang terbaik dalam memberi jawapan-jawapan berhubung dengan projek-projek itu tetapi Telok Bahang mungkin masih tak terima dengan sepenuhnya penjelasan yang telah pun diberikan. Sememangnya konsultan telah meneliti semua kajian-kajian yang terdahulu, termasuk cadangan-cadangan *Penang Outer Ring Road* dan sebagainya, sememangnya masih dikekalkan tetapi apa yang diperlukan mungkin *alignment* perlu diteliti, apabila satu keputusan dibuat untuk melaksanakan projek ini. Sampai peringkat itu, satu *detail study* perlu diadakan untuk menetapkan *alignment* yang akan digunakan.

Selain daripada apa yang saya katakan dalam Pelan Induk Pengangkutan, dalam masa ini pun lain-lain strategik telah pun diambil untuk

megurangkan kesesakan lalu lintas termasuk mengembangkan pengangkutan awam, termasuk menyediakan perkhidmatan *Penang Bridge Express Shuttle Transit* di zon perindustrian bebas Bayan Lepas dan dalam awal bulan akan datang kita pun akan menawarkan perkhidmatan BEST Komtar iaitu tiga (3) bas dari Seberang Perai yang mula dari Sunway Carnival akan membawa kakitangan yang bekerja di Komtar secara percuma iaitu kita akan menawarkan *Park and Ride Services* bagi penjawat awam di KOMTAR ini. Dan saya percaya sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan bilangan kenderaan yang perlu menggunakan *Penang Bridge, Jelutong Expressway* masuk untuk bertugas di KOMTAR.

Selain daripada itu perkhidmatan bas Central Area Transit (CAT) adalah satu perkhidmatan yang amat mendapat sambutan daripada penumpang-penumpang dan perkhidmatan ini akan diteruskan. Kajian *Decongesting George Town* yang dijalankan oleh MPPP dengan tujuan menambah baik aliran lalu lintas dalam jangka masa pendek dan sederhana di samping menunggu cadangan-cadangan daripada pelan induk terlaksananya projek-projek yang disebutkan oleh Y.B. Bagan Jermal tadi,

tetapi dalam masa menunggu projek projek ini dilaksanakan MPPP telah mengambil tindakan untuk menjalankan projek-projek berskala kecil, untuk menambah baik keadaan antara projek-projek yang telah dan sedang dijalankan:

- (a) Adalah projek pelebaran sebahagian jalan Air Itam dan menaik taraf laluan pejalan kaki di persimpangan Jalan Air Itam, Jalan Masjid Negeri Jalan Scotland yang menelan kos sebanyak RM1.24 juta telah disiapkan pada Januari 2012
- (b) Projek menaik taraf jalan, laluan pejalan kaki dan saluran di Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal serta sebahagian Jalan Mount Erskine dan jalan Burma yang menelan kos sebanyak RM3.45 juta telah disiapkan pada Julai 2012.
- (c) Projek menaik taraf sebahagian Jalan Masjid Negeri di antara Jalan Delima dan Bulatan Udini serta membina pusingan U. Projek ini yang menelan kos sebanyak RM7.3 juta akan dijangka siap pada tahun 2013.
- (d) Projek menaik taraf sebahagian Jalan Masjid Negeri di antara persimpangan Jalan Masjid Negeri, Jalan Air Itam, Jalan Scotland sehingga persimpangan Jalan Masjid Negeri, Jalan Free School dijangka akan dimulakan pada bulan Disember

tahun ini dan disiapkan pada tahun depan.

- (e) Projek menaik taraf jalan dan laluan pejalan kaki di sebahagian Lorong Batu Lancang dan persimpangan Lorong Batu Lancang, Jalan Masjid Negeri, Jalan Hamilton dijangka akan dimulakan pada tahun 2013. Reka bentuk terperinci sedang dijalankan oleh perunding. Yang Berhormat juga(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, satu lagi jalan sedang dalam pembinaan, Jalan Tun Sardon di persimpangan Jalan Relau dan Jalan Farlim itu, saya ingat berlaku sekarang diadakan pembinaan, satu saya dapati kadang-kadang tempat itu tidak ada pengawasan lalu lintas yang baik. Yang keduanya, saya dapati ada putus *line* itu ada macam *device*, kemudian ada bukit yang tak dipotong apa penjelasan Yang Berhormat tentang keseluruhan pelan lalu lintas itu.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Projek ini dilaksanakan oleh JKR, dan saya pun menggunakan jalan itu setiap hari dan ada pertanyaan yang sama seperti Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat Bagan Jermal kalau dapat makluman sebelum saya habis gulung, saya akan gunakan makluman itu, untuk memberi makluman yang lanjut kepada Dewan ini. Berhubung dengan projek SPICE yang berhormat Telok Bahang menyatakan ianya melibatkan RM50 juta sebenarnya kos projek SPICE sebanyak RM250,955,249.00 di mana sumbangan MPPP adalah sebanyak RM50 juta yang lainnya ditanggung oleh Eco Meridian Sdn. *Bhd.*, dan pembayaran ini adalah mengikut jadual pelaksanaan kerja. Antara faedah-faedah pembangunan SPICE termasuk menghidupkan kembali PISA dengan meningkatkan nilai bangunan dari segi penampilan *aesthetic value*, fungsi dan nilai di mana bangunan PISA dan akuatik telah dalam keadaan tak elok lagi. Sebahagian RM50 juta itu sebenarnya, disalurkan untuk kerja-kerja pembaikan PISA dan *aquatic center*, walaupun tiada projek SPICE MPPP perlu membelanjakan wang ini untuk tujuan membaiki keadaan.

Kedua letak Pulau Pinang di peta pusat ekonomi bertaraf antarabangsa *international business map*, penyediaan Pusat Konvensyen yang amat diperlukan di rantau ini dan wilayah utara. Untuk makluman Dewan sekarang di PISA boleh dikatakan setiap minggu, ada acara dan *event* di PISA yang *enjoy* satu *occupancy rate* yang amat tinggi dan ini membuktikan bahawa

Pusat Konvensyen itu amat diperlukan sebenarnya pun EXCO Pelancongan dalam Barisan lalu iaitu Dato' Khee Phaik Chin pernah pada satu ketika berusaha untuk membina satu Pusat Konvensyen yang baru memandangkan sememangnya Negeri Pulau Pinang masih tidak ada satu pusat konvensyen yang sesuai. Jadi dengan siap SPICE kita percaya ini akan memberi rangsangan kepada sektor MICE dalam bidang pelancongan ini dan akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan pelaburan asing, meningkatkan peluang pekerjaan dan menggalakkan cara hidup lebih sihat di kalangan rakyat Pulau Pinang, di samping suatu penyediaan satu kawasan lapang rekreasi yang amat luas untuk kegunaan penduduk-penduduk di sekitar Bayan Baru iaitu satu *green park* di atas *convention centre* ini.

Yang Berhormat juga menimbulkan sekali lagi projek kancil *car park* saya ambil kesempatan untuk memberi penjelasan berhubung dengan projek kancil *car park* ini. PDC telah menjalankan kajian kos terhadap pembinaan semula tempat letak kereta bertingkat di Bukit Bendera. Jumlah kos pembangunan asal itu adalah RM5.75 juta iaitu termasuk kos membaik pulih bangunan namun begitu bangunan asal itu hanya boleh menempatkan 96 tempat letak kereta. Ini bermakna kos untuk setiap tempat kereta bagi bangunan asal itu RM60,000 satu tempat letak kereta.

Jumlah kos pembangunan tempat letak kereta baru setelah ditolak ruang pejabat kedai dan *food court* termasuk kos perobohan ialah RM10,684,000.00. Bangunan baru ini dapat menampung 310 tempat meletak kereta iaitu 214 lebih banyak daripada bangunan asal. Ini bermakna kos untuk setiap tempat letak kereta bagi bangunan baru termasuk kos asal itu dan kos perobohan itu adalah tiga puluh empat ratus enam puluh lima ringgit. Sebenarnya walaupun bangunan itu dirobohkan termasuk kos asal dia dan termasuk kos untuk mendirikan bangunan yang baru pada puratanya sebab telah meningkat bilangan *car park* sehingga tiga ratus lebih kos puratanya sebenarnya adalah tiga puluh empat ribu empat ratus enam puluh lima ringgit lima puluh dua sen (RM34,465.52). Jadi ini keputusan saya percaya adalah tepat sebab MPPP pun tak akan mengeluarkan OC kepada bangunan ini.

Memandangkan kecacatan dari segi reka bentuk jadi saya percaya keputusan ini adalah satu keputusan yang berani mengaku ada kesilapan *move ahead* daripada itu dan menguruskan dengan satu bangunan meletak kereta yang baru dengan bilangan yang melebihi tiga ratus (300) dan tambahan pula ada satu (1) tingkat yang akan digunakan oleh Penang Hill Corporation sebagai pejabatnya ada kemudahan seperti kedai-kedai dan *food court* tambahan pula ada tiga ratus (300) motosikal *park* dan tambahan pula yang penting ada *passenger* dan bomba lif. Pengguna asal itu walaupun ada lima (5), enam (6) tingkat ada lif. Kita boleh menyoalkan mengapa orang yang *design* itu buat demikian tetapi itu cerita yang kita tak mahu ungkitkan kita

harap projek ini pun tender pun akan ditawarkan boleh disiapkan dalam dua belas (12) hingga lapan belas (18) bulan dan kita akan ada satu kemudahan yang baru untuk menampung keperluan meletak kereta di Bukit Bendera.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Penjelasan. Dato' Speaker, boleh tak saya katakan bahawa perancangan awal tak berapa *not too smart* sepatutnya dia dapat RM5 juta daripada Kerajaan Pusat patut Kerajaan Negeri atau melalui PDC fikir dulu ini cukup tak cukup, tak cukup nak bina *car park* untuk tiga ratus (300) kereta, tambahlah jadi RM10 juta dan jadi secara itu tak rugi tapi sekarang sudah buat, baru nak fikir tak cukup lagi. Perancangan awal oleh pihak Kerajaan atau PDC tak kiralah sapa-sapa pun perancangan itu tak begitu *not so smart* lah sepatutnya lain kali fikir dulu tentang keperluan pada masa itu dan *the money that we have* supaya dia tak rugi ini kita, kita dah rugi duit rakyat RM5 juta, patut boleh buat rumah kos rendah banyak.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Itu sebab saya kata kita buat satu keputusan yang berani. Apakah membiarkan satu bangunan berdiri di sana tanpa OC tak akan ia boleh digunakan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat masih nak pegang dengan pendirian itu maksudnya Yang Berhormat akan pegang bangunan yang tak boleh digunakan itu untuk selama-lamanya tetapi dengan keputusan ini secara purata termasuk kos yang asal itu dengan tambahan *facility-facility* yang saya sebutkan itu. Memang ini satu keputusan yang perlu diambil dan akan membawa faedah bukan sahaja kepada PDC tetapi juga dapat menangani kekurangan tempat letak kereta di tempat itu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya setuju. Apa saya maksudkan patut benda ini difikir dahulu sebelum dijadikan bangunan yang ini sampai tak sesuai nak besar lagi tambah lagi duit jadi rakyat tak rugi duit RM5 juta itu. Itu maksud saya. Saya setuju kalau nak buat bagi besar lagi kemudahan macam-macam tapi saya persoalkan perancangan awalnya.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat, pada akhirnya....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Padang Kota penjelasan. Sentuh isu perobohan dan sebagainya. Dalam soalan bertulis saya. Saya bertanya apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam pembangunan pasar awam lama Balik Pulau yang kini kosong dan berikan kos serta kos pelaksanaannya. Saya terkejut menerima jawapan ini, kerana dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Tetap MPPP bertarikh 16 Julai memutuskan untuk meluluskan cadangan meroboh bangunan pasar lama Balik Pulau dan kos perobohan adalah sebanyak RM260,000.00. Ini adalah pasar awam yang pertama di Balik Pulau Yang Berhormat dan mungkin mencecah hampir 100 tahun umurnya. Itu di bahagian tengah lama yang baru boleh dirobohkan, tapi jangan semua dirobohkan sekali. Itulah peninggalan sejarah di kawasan Balik Pulau. Jadi saya minta Yang Berhormat tolong kaji semula jangan robohkan *heritage* ataupun warisan yang ada di Balik Pulau ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Walaupun tempat itu merupakan *public square* di Balik Pulau saya tak ada maklumat bahawa bangunan itu pun mempunyai usia yang begitu lama, nampaknya bangunan-bangunan itu pun bukan melebihi seratus tahun (100) kita perlu meneliti sejarah dia tetapi tujuan untuk merobohkannya adalah untuk menjadikan sebagai tempat meletak kereta awam yang amat diperlukan di pusat-pusat pekan Balik Pulau, yang sememangnya tak ada tempat letak kereta yang sempurna. Saya akan mintalah MPPP kaji mana-mana bahagian yang perlu dikekalkan yang ada nilai-nilai warisan biarlah pakar-pakar menentukan dari segi estatik bagi ataupun nilai *architecture* bangunan itu kalau ada apa-apa unsur warisan yang perlu dikekalkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Saya minta supaya, dia ada dua bahagian, iaitu kompenan-kompenan lama dan yang baru. Kompenan-kompenan lama dikekalkan. Kemudian saya juga ingin mengajak menyarankan Y.B. Padang Kota, supaya merujuk kepada rancangan khas kawasan yang dibuat oleh Jabatan Perancangan dan Desa sebelum ini. Itu telah menunjukkan ada beberapa cadangan untuk menempatkan untuk memastikan ada *parking* yang mencukupi supaya dapat dilihat semula supaya ada perancangan oleh JPBD.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Ahli Y.B. Pulau Betong Telok Bahang juga menimbulkan waktu kutipan tempat letak kereta setiap mesyuarat Dewan ini, bahawa kutipan diadakan sehingga jam 12.00 tengah malam dan membebankan rakyat jelata, sebab sebelum itu cuma dikutip sehingga mungkin enam (6) petang sahaja. Saya ingin menyatakan bahawa tindakan MPPP untuk melanjutkan masa kutipan di beberapa kawasan *hot spot* terpilih bukan bertujuan menambahkan hasil MPPP. Tujuan tindakan sedemikian adalah untuk menangani masalah kutipan haram oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengenakan harga *parking* yang agak tinggi di kawasan-kawasan berkenaan. Kalau di persiaran Gurney di masa lampau apabila masa kutipan tamat pada sembilan malam kita jangan harap tak ada kutipan, kutipan masih dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang lain bukan MPPP selepas pukul enam (6) Pihak Berkuasa Tempatan yang lain ambil tugas MPPP untuk kutip. Itulah yang kita cuba nak menangani, lagi pun sememangnya kawasan-kawasan ini dipilih sebab memang ada aliran kenderaan yang begitu tinggi di kawasan-kawasan tersebut. Dan pelanjutan ini berkuat kuasa pada 26hb. Januari 2009 dan memandangkan parking itu amat diperlukan kita berharap aliran trafik dapat dikawal.

Yang Berhormat juga membangkitkan sama ada Kerajaan Negeri mempunyai inisiatif untuk kurangkan kesesakan lalu lintas dengan mewujudkan syarikat bas sendiri memang kita tau bahawa Kerajaan Barisan Nasional sebelum masuknya Rapid Penang ada rancangan dan sememangnya pun menubuhkan sebuah syarikat bas untuk menguruskan perkhidmatan bas tetapi selepas Rapid Penang masuk memberi perkhidmatan cadangan itu pun tidak disusuli, setakat ini Kerajaan Negeri memang tak ada cadangan untuk mengadakan perkhidmatan bas sendiri, tetapi kita telah sebenarnya mencadangkan kepada Rapid Penang menawarkan RM10 juta kepada Rapid Penang setahun untuk memberi perkhidmatan percuma dalam semasa *pick hours* sesi pagi dan *pick hours* sesi petang di mana sesiapa yang naik bas Rapid Penang dalam tempoh yang ditentukan itu tidak perlu membayar dan ini saya percaya akan menggalakkan orang-orang yang ada kereta mengubah corak pengangkutan kepada perkhidmatan bas. Cadangan ini masih belum dapat diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan mungkin lah Kerajaan Negeri perlu melihat sama ada lain-lain syarikat bas yang boleh menawar perkhidmatan ini kalau Rapid Penang tidak dapat. Inilah usaha Kerajaan Negeri untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang ini.

Y.B. Jawi telah mengemukakan kemalangan jalan raya yang sering berlaku di Taman Cenderawasih akibat infrastruktur jalan yang kurang baik. Sejajar dengan Pelan Induk Pengangkutan Kerajaan akan mewujudkan satu unit Keselamatan Jalan Raya yang bertanggungjawab memantau semua jalan-jalan berbahaya di seluruh Negeri Pulau Pinang. Unit akan bekerjasama

dengan semua agensi terlibat untuk mengkaji punca dan mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan kemalangan jalan raya. Dalam pada itu MPSP akan membenteng beberapa langkah penambahbaikan ke atas jalan tersebut di dalam mesyuarat jawatankuasa lalu lintas dan infrastruktur untuk tindakan pihak JKR Persekutuan.

Manakala bagi masalah lampu jalan yang sering rosak pihak MPSP telah memaklumkan perkara ini kepada pihak TNB untuk tindakan pembaikan memandangkan lampu jalan tersebut di bawah penyelenggaraan pihak TNB. Di jalan Bukit Panchor pula JKR dan MPSP akan membuat penyelarasan mengikut kesesuaian tapak manakala semua tempoh masa lampu isyarat di seluruh Negeri Pulau Pinang akan dikaji semula oleh pengurusan lalu lintas sepertimana disyorkan oleh Pelan Induk ini. Pelan Induk ini pun melibatkan pemasangan lampu isyarat di hampir 56 persimpangan yang sekarang tak ada lampu isyarat. Ini pun satu daripada cadangan oleh Pelan Induk Pengangkutan Negeri di Pulau Pinang.

Berhubung dengan Terminal Bas, saya percaya Yang Berhormat Bagan Jermal telah pun memberi jawapan kepada Yang Berhormat. Mengenai pembinaan medan selera di Bukit Panchor, ia sememangnya mempunyai medan selera yang sedia ada, yang lengkap dengan semua kemudahan. Untuk mengatasi masalah penjaja haram dan masalah lalu lintas, MPSP telah merancang untuk mengadakan tindakan-tindakan seperti berikut, iaitu mengadakan temu duga terbuka bagi mengisi ruang-ruang kosong di medan selera yang sedia ada kepada penjaja haram yang berniaga di luar medan selera ini dan akan menjalankan penguatkuasaan seperti biasa.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Yang Berhormat, berhubung dengan penjaja tak berlesen di Taman Bukit Panchor, saya difahamkan, masalah ini telah lama wujud dalam kawasan itu. Boleh dikatakan sejak zaman BN lagi. Pihak BN tak mau ambil tindakan pada masa itu. Saya difahamkan sehari demi sehari, masalah penjaja tak berlesen telah pun meningkat sampai hari ini. Boleh dikatakan sebelum 2008, kita telah pun nampak belasan orang penjaja tak berlesen berniaga di kawasan itu. Kebetulan Yang Berhormat Padang Kota, saya mendapati ada satu jalan mati yang sesuai dengan aktiviti tersebut. Saya telah pun membuat lawatan bersama dengan Pegawai MPSP ke atas kawasan itu. Tapi sedih sekali saya difahamkan pihak JKR telah pun bersetuju dengan sepenuhnya untuk mendirikan sebuah tempat alternatif iaitu medan selera bagi membawa masuk penjaja tak berlesen itu. Sampai hari ini mereka masih lagi tak mampu buat demikian. Sudikah Kerajaan kita memberikan peruntukan untuk membina medan selera itu supaya masalah kesesakan lalu lintas dapat

diatasi. Itu yang saya maksudkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Yang Berhormat Jawi, sememangnya tindakan-tindakan yang akan diambil termasuk merancang untuk mewujudkan tapak penjaja di kawasan berhampiran. Berhubung dengan rasa tidak puas hati Yang Berhormat tentang bayaran-bayaran yang dikenakan oleh MPSP semasa pengubahsuaian rumah dalam taman, untuk makluman Dewan ini, wang cagaran akan dipulangkan kepada pemohon sekiranya semua syarat yang ditetapkan dapat dipatuhi oleh pemohon termasuk kerja-kerja pembersihan. Perkara ini telah pun diputuskan dan disahkan oleh Mesyuarat Majlis Penuh MPSP pada bulan Februari tahun yang lepas.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Yang Berhormat Padang Kota, saya telah pun menerima banyak aduan dan keluhan hati daripada kebanyakan orang yang ingin membuat *renovation* pada rumah mereka. Saya difahamkan sebelum itu, bayaran cagaran itu tak dikenakan. Memang betul wang cagaran itu boleh dipulangkan selepas mereka mematuhi syarat ataupun mematuhi segala-gala yang ditetapkan oleh pihak MPSP. Tapi saya difahamkan kebanyakannya tak mau membuat tuntutan itu kena isi borang, kemudian pegawai *check* ini, *check* itu. Lagi satu

yang saya difahamkan adalah kepada mereka yang berpendapatan sederhana rendah adalah menjadi satu beban terhadap mereka sebab wang tersebut mereka keluar secara tambahan untuk memenuhi sara hidup.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya rasa Yang Berhormat perlu menyedarkan pihak-pihak yang menjalankan pengubahsuaian, itulah satu usaha untuk memastikan orang yang menjalankan pengubahsuaian bertanggungjawab untuk membersihkan kawasan di depan tempat yang menjalankan kerja-kerja itu. Saya rasa perbandingan dengan kos pembinaan ataupun penyelenggaraan, yang itupun bukan kos, itu cagaran sahaja adalah boleh dipikul oleh pihak pemohon ini. Saya rasa ini bukan perkara yang besar. Yang Berhormat bolehlah membantu mereka kalau mereka ingin menuntut balik wang-wang cagaran itu.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Yang Berhormat Padang Kota, bolehkah saya tambah sedikit.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya jelaslah. Yang Berhormat Sungai Acheh telah membangkitkan tentang pengindahan Permatang Keling. Yang Berhormat kata *Cleaner Greener Penang* cuma di setengah tempat sahaja dan tidak menyeluruh dan sempadan Pulau Pinang-Perak iaitu di Permatang Keling di Nibong Tebal belum diindahkan. Kempen *Cleaner Greener Penang* di Seberang Perai Selatan dilaksanakan melalui program *Corporate Social Responsibility (CSR)*. Lokasi sempadan Pulau Pinang dan Perak iaitu di Permatang Keling turut dikenal pasti bagi program ini.

Namun berdasarkan ulasan pihak Jabatan Kerja Raya, JKR SPS melalui surat bertarikh 30hb. Jun tahun ini, cadangan pengindahan di kawasan tersebut perlu ditangguhkan kerana terdapat cadangan untuk menaik taraf laluan tersebut kepada empat (4) lorong, yang mana ianya merupakan salah satu program yang tersenarai dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh terdekat. Yang Berhormat sekali lagi menimbulkan papan tanda di Taman Residensi Merbok.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya nak cakap sikit jer. Terima kasihlah Permatang Keling. Tapi satu lagi Yang Berhormat Padang Kota di kawasan taman sempadan yang berhadapan dengan rumah Pegawai Daerah di sebelah sana. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Akan diambil maklum. Di mana papan tanda di Taman Residensi Merbok didirikan adalah di bawah seliaan JKR, KOMTAR. JKR telah keluaran surat kepada pemaju supaya membuka dan memindahkan struktur tersebut di tepi cadangan *reserved service road* mereka di dalam kawasan pembangunan tersebut. Walau bagaimanapun pihak pemaju telah mengemukakan aku janji dan jaminan bertarikh 26hb. April tahun lepas kepada JKR, KOMTAR bahawa pembinaan struktur nama tersebut hanya dipindahkan dengan kosnya ditanggung oleh pemaju sekiranya terlibat dengan kerja-kerja pelebaran jalan di masa hadapan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Jadi maksudnya dapat kebenarannya menggunakan tempat itu secara rasmi. Tak berapa cantiklah Padang Kota walaupun nampak rangka namanya cantik tapi dari segi keselamatan, lepas itu dibandingkan pula dengan bahu jalan sebelah sana. Y.B. Bagan Jermal cepat la. Nanti saya perabis dulu. Jambatan tak siap. Nanti la Y.B. Jawi. *You* tidur saja. Ini gambar *you* tidur. *You* tengok.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan Y.B. Sungai Aceh. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi masalah penggerai-penggerai di bahu jalan di lorong yang sama di kawasan lain mereka mempertikaikan saya. Kenapa ini boleh, yang itu tak boleh. Sedangkan mereka menjaja di tepi jalan. Mencari nafkah. Macam mana Y.B. ADUN Jawi perjuangkan untuk di Taman Bukit Panchor, tepi jalan kena saman. Sedangkan ini tidak disaman dan dibiarkan dengan begitu hebat. Jadi mintalah kita selesaikan secara elok. Tidak tak namalah adil dan saksama. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat Padang Kota, bahawa JKR mengizinkan pemaju mendirikan papan tanda tersebut atas jaminan aku janji, iaitu apabila jalan itu perlu dilebarkan pada masa depan, maka pemaju akan menanggungkannya dengan perbelanjaan sendiri. Dan kita nampak di sana semua landskap cantik-cantik. Di depan papan tanda itu ada juga ruang pejalan kaki dan diperelokkan lagi. Sekiranya kalau nak ambil contoh bahawa dia boleh dibenarkan maka penjaja boleh dibenarkan. Penjaja akan menyebabkan halangan lalu lintas kerana kalau sebuah gerai bina di tepi jalan, maka pengguna-pengguna atau *customer* akan berhenti di tepi jalan untuk membeli barang atau makan atau minum di sana. Ia dua perkara yang lain. Satu hidup satu mati bukan. Jadi ini bukanlah satu alasan yang baik untuk mempertikaikan kelulusan ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih. Saya rasa saya perlu edar ke isu yang lain iaitu berhubung dengan apa yang diutarakan Yang Berhormat Bukit Tengah iaitu perlunya menangani isu pekerja asing yang perlu kemudahan rumah semasa mereka bekerja di sini. Isu ini menimbulkan masalah sosial dan kesejahteraan kepada masyarakat setempat. MPSP bersetuju aspek-aspek sosial serta kesejahteraan masyarakat setempat perlu diambil kira. Dan Yang Berhormat cadangkan *worker quarters*. MPPP menyatakan bahawa setakat ini tak ada perancangan untuk menyediakan kuarters pekerja sama ada warga tempatan ataupun warga asing. Walau bagaimanapun permohonan kebenaran merancang untuk mendirikan kuarters pekerja ini boleh dikemukakan kepada pihak MPPP. Kelulusan akan tertakluk kepada syarat-syarat daripada jabatan teknikal dan juga garis panduan untuk hostel pekerja yang diluluskan pada tahun 1998. Memang ada garis panduan berhubung dengan isu ini. Cuma mungkin kita ambil kesempatan untuk menyeru pemaju-pemaju supaya bekerjasama dengan pengilang-pengilang untuk meneliti sama ada perumahan sementara bertingkat itu boleh dibina atau dimajukan sebagai kuarters pekerja-pekerja.

Yang Berhormat juga menimbulkan tentang rancangan tempatan. Sukacita dimaklumkan MPSP telah pun mengambil langkah-langkah yang diperlukan mengikut peruntukan seksyen 13(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa untuk membuat notis di dalam akhbar, hebahan melalui internet dan juga edaran risalah *banner-banner* dan di sekitar Seberang Perai berhubung dengan seranta yang dijalankan oleh MPSP. Melalui seranta itu, dalam tempoh satu bulan terdapat 114 bantahan dan cadangan yang diterima dalam Draf Rancangan Tempatan SPT.

Yang Berhormat Sungai Dua telah membangkitkan isu berhubung dengan lesen urut, lesen hiburan, lesen *liquor* dan sebagainya. Untuk makluman Dewan ini bilangan lesen urut yang diluluskan oleh MPSP bagi tempoh 2008 ke 2012 adalah seperti berikut:

Untuk semua daerah 2008 adalah tiga (3), 2009 adalah tiga belas (13), 2010 adalah enam (6), 2011 adalah satu (1), 2012 tiada. Banyak kompleks perniagaan dan kedai-kedai telah dibina hasil daripada pembangunan yang pesat. Tambahan pula perniagaan-perniagaan yang berhubung dengan rumah urut, pusat-pusat hiburan dan kedai-kedai *liquor* dibuka kerana untuk memenuhi kehendak ini. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri mengenakan syarat ketat bagi pengeluaran lesen tersebut supaya tidak timbul masalah sosial. Di MPPP pula purata lesen rumah urut kekal pada paras lebih kurang tiga puluh (30) sahaja yang tiga puluh (30) diperbaharui setiap tahun, mengikut MPPP. Statistik MPPP. 2008 tiga puluh satu (31) rumah urut, 2009 tiga puluh satu (31) rumah urut iaitu pembaharuan ini bukan kelulusan baru, 2010 sudah turun kepada dua puluh tujuh (27) rumah urut, 2011 dua puluh

sembilan (29) rumah urut dan 2012 tiga puluh dua (32) rumah urut.

Tiada peningkatan lesen rumah urut yang dikesan sejak lima (5) tahun kebelakangan ini. Mesyuarat *General Purposes Committee* Majlis MPPP yang diadakan pada tahun 80-an lagi yang telah meletakkan syarat bahawa semua rumah urut dikehendaki beroperasi di dalam premis hotel sahaja, sebagai kawalan permohonan lesen rumah urut juga wajib mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Polis sebelum pengeluaran rumah urut dibuat oleh MPPP. Mengikut peruntukan Undang-undang Kecil Rumah Urut MPPP tahun 1980 kelulusan lesen rumah urut melalui syarat-syarat tertentu bagi menjaga kepentingan orang ramai, selepas Pegawai Kesihatan mengesahkan bahawa pemohon telah menunaikan segala kehendak undang-undang kecil ini. Di Seberang Perai, lesen-lesen ini dikeluarkan kerana ada permohonan dan bagi maksud, apakah jenis lain-lain pusat hiburan jenis hiburan termasuk *snooker, simulator, nyanyian & organ, karaoke, indoor children playground, kiddies rides, karaoke (juke box), taman mainan kanak-kanak, pool table, football table, nyayian, pawagam, sukan, battery car, bumper car, dewan tarian dan billiard.*

Bagi MPPP pula, aktiviti hiburan boleh di termasuk pertunjukan bunga api, sarkas, reproduksi siaran, pesta perdagangan, pertanian & industri yang terdiri daripada pameran, iklan, jualan hasil dan lain-lain dan jenis lain-lain perlu diisytiharkan oleh Kerajaan Negeri lah kalau ada dari semasa ke semasa...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan, ada tak rumah-rumah urut di kawasan Seberang Perai ataupun di Pulau yang menggunakan khidmat warga asing untuk menjalankan kegiatan ini dan apa ni keseluruhan berapakah lesen yang ada sekarang di Seberang Perai sahaja untuk rumah-rumah urut ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Yang saya adalah bagi tempoh yang saya sebutkan iaitu secara kolektif, saya tidak ada maklumat dan saya percaya boleh dibekalkan kepada Yang Berhormat. Saya percaya walaupun tak ada maklumat, tapi memang ada warga asing pusat-pusat sedemikian dan saya akan minta MPSP juga sediakan makluman sedemikian...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Yang Berhormat penjelasan ada tak kita masukkan dalam syarat pengusaha lesen ini sama ada *tradition* atau lain-lain tidak boleh mengambil warga asing untuk tujuan ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Berkenaan syarat dan pematuhan syarat adalah masalah, tetapi saya akan sekaligus minta MPSP memberi jawapan yang telitilah kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Masalah longkang dan parit di Taman Desa Murni di sekitar Sungai Dua tidak disenggara oleh MPSP, kata Yang Berhormat masih ada masalah, kawasan ini di bawah penyelenggaraan MPSP, pengambilan pekerja am baru adalah pada 01hb. September 2012 bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kawasan tersebut. Jadual telah dibuat sehingga Disember tahun ini dengan kekerapan pembersihan longkang seminggu sekali. Mulai Januari tahun depan kawasan ini akan diselenggara oleh kontraktor di bawah Kontrak Pembersihan Bersepadu, MPSP sedang mengusahakan kontrak-kontrak pembersihan bersepadu dan dijangka akan disempurnakan dalam masa terdekatlah. Yang Berhormat... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Penjelasan kita tengok bahawa taman-taman lama seperti Taman Pengkalan Machang, Taman Desa Murni ini dia punya longkang-longkang dia di hadapan rumah masih satu longkang yang kecil, bila kita menghadapi hujan yang lebat dia tidak dapat menampung oleh sebab kurang penyelenggaraan dan dia juga kalau selenggara pun hujan yang lebat dia tidak dapat menampung. Apakah cadangan MPSP memperlebarkan atau meluaskan longkang-longkang ini bagi menyelesaikan masalah banjir kilat.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya percaya kerja-kerja pembersihan dilakukan di kawasan-kawasan, maklum balas sedemikian perlu disalurkan kepada pihak MPSP supaya dalam perancangan mereka boleh menangani isu-isu Yang Berhormat bangkitkan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Sedikit penjelasan Y.B. Padang Kota, saya ingin tahu sama ada yang saya bangkitkan berkenaan di kawasan Siakap dan Jalan Tenggiri di depan sekolah itu kerana longkang bermasalah adakah Y.B. Padang Kota akan mengarahkan MPSP dengan satu peruntukan untuk membuatkan semula jajaran untuk *invertible* terutamanya untuk kawasan Siakap, selain yang dibuatkan kerja-kerja oleh JPS, kalau tak ada saya mohon diadakan satu peruntukan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya ingat Yang Berhormat hendak membantu, tetapi pandangan Yang Berhormat akan diambil maklum. Y.B. Tanjong Bunga telah membangkitkan isu lereng bukit di mana Yang Berhormat cadangkan supaya PBT menggunakan pindaan di dalam Akta Kualiti Alam Sekitar Seksyen 34(a). Pindaan ini hanya bertumpu kepada aktiviti-aktiviti yang kita tetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang ditetapkan) penilaian kesan kepada alam sekitar tahun 1987. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan ini, pembangunan di lereng bukit seperti ditimbulkan oleh Yang Berhormat adalah bukan aktiviti yang ditetapkan di bawah perintah ini kecuali keluasanya melebihi 50 hektar setiap pembangunan tanah tinggi akan dirujuk kepada jawatankuasa tanah tinggi berisiko dan PBT mengguna pakai garis panduan *Penang Safety Guideline for Hillside Development* tahun 2012 bagi kes pembangunan tersebut. Yang Berhormat juga membangkitkan isu berhubung dengan pengurusan sisa pepejal....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan sebelum masuk ke tajuk-tajuk lain, saya ingin balik kepada isu parit dan longkang, ekoran daripada banjir yang berlaku pada 02 November yang lalu, pihak JPS telah pun mengemukakan kepada MPSP cadangan untuk menyelenggarakan mengorek parit yang telah menyebabkan banjir dan saya amat berharap pihak Y.B. Padang Kota dapat membantu untuk menyelesaikan isu ini kerana banyak parit-parit yang telah dihalang oleh binaan-binaan tanpa kebenaran di tepi-tepi jalan dan juga banjir yang disebabkan oleh pemajuan tambunan tanah oleh pemaju, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat, saya percaya Jawatankuasa Tebatan Banjir yang dipengerusikan oleh Y.B. EXCO Bukit Tambun setiap bulan akan meneliti keperluan-keperluan sedemikian, untuk diputuskan bahawa projek-projek untuk membaiki keadaan dijalankan sama ada oleh JPS ataupun melalui MPPP atau MPSP. Balik kepada kawalan ke atas virus yang mungkin merebak semasa pengurusan sisa pepejal yang dibangkitkan oleh Y.B. Tanjong Bunga. Kawalan di lapangan pekerja-pekerja PBT akan diberi alat perlindungan semasa bekerja, manakala orang awam diadakan ceramah di sekolah dan edaran risalah telah diberikan. Kawalan roden yang menjadi punca virus adalah dikawal oleh Unit Vektor Jabatan Kesihatan MPSP di tapak pelupusan Pulau Burung pula kawalan roden melalui *pest control*, pemeriksaan kesihatan pekerja setiap enam (6) bulan dan di MPPP pula mengguna pakai Undang-undang Kecil Kebersihan dan Keselamatan Awam

bagi mengawal amalan menjaga kebersihan di kalangan masyarakat.

Semua sampah hendaklah dibuang ke dalam tong sampah yang bersesuaian dan mencukupi serta disediakan oleh pemilik atau penghuni atau badan pengurusan sesuatu premis. Kegagalan melaksanakan tanggungjawab ini akan menyebabkan kacau ganggu dan pencemaran kesihatan persekitaran di mana tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya akan diambil. Dalam urusan perkhidmatan pungutan sampah kaedah kawalan yang dilaksanakan adalah melibatkan kutipan sampah secara *single handling* dan penghapusan longgokan sampah melalui langkah pemulihan landskap serta penggunaan bahan kimia *fenol pine* bagi tujuan menghapuskan kuman serta menyahkan bau *leachate*. *Standard Operating Procedure* bagi penyemburan bahan kimia yang dilaksanakan adalah seperti berikut di mana di lokasi ada tumpahan *leachate* semasa kutipan sampah, di setiap kenderaan kompaktor unit *Multi-Lift* selepas pelupusan dan di setiap tapak tong *Multi-Lift* di kawasan pasar. Y.B. Sungai Pinang...(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Y.B. Dato' Speaker, memang jelasnya dengan soalan yang saya dapat jawapan bahawa pembangunan bertingkat tiga puluh (30) tingkat ke atas di kawasan utara pantai yang bermula di tahun 2003 dengan empat (4) projek dan itulah satu pembukaan di mana dijadikan satu *trend* yang tidak dikawal di mana pembangunan bertingkat tiga puluh (30) tingkat ke atas berlaku dan menjadikan satu kawasan yang begitu eko-sensitifnya dirosakkan ekosistemnya dengan pembangunan begini. Saya harap selepas sebelum *judiciary* diselesaikan dengan atas *dispute second corridor*, sebarang kelulusan pembangunan bertingkat di kawasan ini jangan diluluskan, dibekukan dan jangan ambil alasan bahawa *judiciary review* masih dijalankan dia masih ada ruang untuk diluluskan pembangunan bertingkat *second corridor* ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya rasakan penjelasan ini telah menyimpang dari apa saya sentuh ini, walau bagaimanapun pandangan akan diambil maklum. Berhubung dengan Y.B. Sungai Pinang tentang saman untuk mengapit kereta sebanyak 50% didapati tidak praktikal yang membebankan rakyat dan meminda MPPP mengkaji semula caj tersebut. Untuk makluman Dewan ini, kesesakan lalu lintas yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang adalah disebabkan segelintir individu yang masih mengambil jalan mudah dan tidak mematuhi undang-undang jalan raya, dengan itu denda mengunci sebanyak RM50.00 adalah munasabah dan praktikal dalam memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya yang lain dan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Y.B. Komtar telah menyentuh tentang masalah berhubung dengan pemilik rumah pangsa berdekatan dengan hospital swasta yang menyewa rumah mereka kepada ahli keluarga pesakit yang mendapat rawatan di hospital tersebut. Untuk makluman Dewan dan Yang Berhormat juga mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri dapat meminda perundangan sedia ada untuk membolehkan pembinaan hospital swasta yang melibatkan *component service apartment* ataupun hotel. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan ini, dia ada garis panduan khas untuk pembinaan hospital swasta dengan konsep hotel. Di bawah Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Kemajuan Kemajuan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, hospital dikelaskan sebagai institusi manakala hotel pula di merupakan kategori khas. Sebahagian cadangan untuk mendirikan hotel perlu mematuhi syarat di peringkat permohonan kebenaran merancang dan juga garis panduan untuk kemajuan hotel yang sudah lama diluluskan pada tahun 1984. Saya percaya kalau ini merupakan satu *trend* yang baru MPPP perlulah meneliti garis panduan yang sedia ada. Saya tidak akan ulangi perkara yang sudah dijawab.

Yang Berhormat Jerejak telah menimbulkan isu *density* 87 unit per ekar untuk perumahan dan minta dikaji semula oleh MPPP. Sementara Yang Berhormat Kebun Bunga mempunyai pandangan yang lain. Untuk makluman Dewan ini, MPPP sedang mengkaji garis panduan tersebut termasuk mendapat maklum balas daripada Ahli-ahli SPEAD iaitu dari *Surveyer, Planner, Engineering, Architect* dan *Developers*. Pandangan daripada NGO juga diambil kira termasuk melihat semula kawasan '*Transit Oriented Development*' yang berasaskan kepada pengangkutan yang membenarkan peningkatan nisbah plot dan ketumpatan dibenarkan di kawasan-kawasan yang pesat membangun. Garis panduan ini telah dibincang di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemajuan bersama-sama Ahli-ahli SPEAD pada 5hb. November baru-baru ini. Yang Berhormat Pinang Tunggal antaranya telah menyentuh tentang pembangunan kawasan jalan S.P. Chelliah di mana Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan, penjelasan. Y.B. Padang Kota, saya bukan membantah tentang 87 unit per ekar tapi cuma sekarang saya baca di surat khabar ada yang kata boleh dilaksanakan ada tidak boleh dilaksanakan. Selain daripada itu, katakan *transit corridor*, ok kalau kita punya *public transportation* belum sedia dan kita adakan begitu tinggi punya *density*, jadi akan membebankan *local road* yang sedia ada yang memang tak cukup menampung la jadi ini menjadi masalah. Satu lagi adalah, kalau dapatkan ketinggian yang begitu padat dia punya *parking* kalau tak cukup dia akan *over flow local road*, jadi ia akan menjadi masalah kepada penduduk, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat atas maklum balas. Sebenarnya syarat untuk mengadakan *transport impact assesment* akan dikenakan supaya pemaju-pemaju dapat menangani isu-isu berhubung dengan lalu lintas dan isu kedua...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Infrastruktur yang belum sedia la untuk menampung ini dan *clarification* tentang mana yang boleh buat, mana yang tak boleh buat.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Sebenarnya garis panduan sudah pun diedarkan tetapi memandangkan ada beberapa pindaan dalam tempoh ini, MPPP telah menghalusi garis panduan ini dengan ambil kira pandangan-pandangan dari pelbagai pihak dan dijangka akan membentangkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri tentang pindaan yang terbaru, ia akan mengambil kira pandangan-pandangan ini. Balik kepada pembangunan Jalan S.P. Chelliah, di mana yang Berhormat Pinang Tunggal kata ada enam (6) buah Tokong di tanah MPPP, bagaimana hendak membangunkan sebagai perumahan PPR seperti dijanjikan. Kawasan ini boleh dibangunkan sepertimana yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri walaupun terdapat tokong. Tapak bagi menempatkan semula tokong telah dikenal pasti dan dijangka tiada masalah untuk pihak tokong menerima tempat tersebut kerana keluasan yang diberikan adalah sama mengikut saiz sedia ada. Tokong yang tidak terlibat dalam pembangunan masih dibenarkan kebenaran untuk terus kekal di tempat tersebut.

Yang Berhormat juga menyoalkan mengapa hasil daripada jualan minuman keras dijangka meningkat. Apakah ini merupakan dasar utama dengan menambah bilangan premis minuman keras di Pulau Pinang. Untuk makluman, hasil ini dijangka bertambah adalah sebab penguatkuasaan yang kerap dan berterusan oleh agensi penguatkuasaan seperti MPPP, MPSP, pihak Polis dan Kastam yang menyebabkan pengusaha yang dahulunya tidak ada lesen perlu pohon lesen akibat dari penguatkuasaan ini. Jadi ini telah menambahkan hasil dari segi lesen daripada premis-premis tersebut. Dan lesen itu dikeluarkan mengikut syarat-syarat yang amat ketat dan perlu dipatuhi bagi mengelakkan masalah sosial. PBT cuma membantu Kerajaan

Negeri untuk mengutip bayaran lesen dan mengeluarkan lesen. Semua hasil lesen merupakan hasil Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Bayan Lepas telah menimbulkan soal *local plan* sekali lagi. Dan untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan ini, *local plan* untuk Pulau Pinang dijangka dapat dipamerkan kepada orang awam pada bulan Jun 2013 memandangkan terdapat beberapa pindaan perlu diselaraskan dan dimasukkan di dalam deraf Rancangan Tempatan berkenaan dan dengan mengambil kira Rancangan Kawasan Khas tapak Warisan Dunia George Town dan Taman Botani yang sedang dalam peringkat akhir penyediaannya. Rancangan Tempatan (Pulau) dijangka akan dapat diwartakan pada Disember tahun 2013.

Yang Berhormat Pulau Betong telah menimbulkan tentang kontrak PLB Terang Sdn. Bhd., yang dilantik sebagai Syarikat Konsensi bagi kerja-kerja pelupusan sisa pepejal di Pulau Burung. Mengapa amat lama kontrak itu dan apakah tempoh kontrak yang diberikan kepada syarikat sebelum ini? Tempoh kontrak terdahulu yang diuruskan oleh Syarikat Idaman Bersih adalah mula dari 1 Ogos 2001 sehingga 31 Julai 2005 dan dilanjutkan 1 Ogos 2005 hingga 31 Julai 2009 dan dilanjutkan 1 Ogos 2009 sehingga 31 Julai 2011 dan dilanjutkan satu bulan demi satu (1) bulan sehingga 15 Julai 2012. Bagi melaksanakan *Request Of Proposal* Pulau Burung satu Jawatankuasa Penilai RFP telah ditubuhkan. Jawatankuasa terdiri daripada wakil pelbagai agensi iaitu MPPP, MPSP, Jabatan Kewangan Negeri, Jabatan Alam Sekitar, JPS, SERI dan dipengerusikan oleh Pengarah UPEN. Dua Jawatankuasa kecil ditubuhkan bagi menilai cadangan-cadangan RFP iaitu Jawatankuasa Kecil Penilaian Teknologi dan Jawatankuasa Kecil Penilaian Kewangan *Business Viability* dengan keanggotaan terdiri daripada Jawatankuasa Indduk Penilaian RFP Pengurusan Pulau Burung.

Pada 30 Jun 2011 dan 1 Julai 2011, RFP Pulau Burung telah diiklankan di akhbar *The Star* dan Sinar Harian. RFP juga diiklankan di laman *web* MPPP, MPSP dan Kerajaan Negeri. Syarikat yang berminat menyertai RFP perlu berdaftar melalui e-perolehan. RFP Pulau Burung telah buka mula 1 Julai 2011 sehingga 1 Ogos 2011 dan juga RFP Pulau Burung dan ditutup pada jam 12.00 tengah hari. 21 syarikat telah berdaftar dengan e-perolehan dengan membayar RM1,000.00 masing-masing untuk borang permohonan namun hanya tiga belas (13) permohonan diterima. Sebanyak lima (5) syarikat diletakkan dalam senarai pendek kerana menepati semua syarat yang ditetapkan, syarikat itu ialah World Wide Holding Bhd., di mana dicadangkan

RM28.00 setan pengurusan dia *keeping fees*. Kedua Statutory Vision Sdn. Bhd. *keeping fees* RM30.00. Ketiga Alam Flora Sdn. Bhd., *keeping fees* 31 ringgit, Berjaya Engineering Construction Sdn. Bhd. *keeping fees* yang dicadangkan RM39.00. PLB Terang Engineering Sdn. Bhd. *keeping fees* yang dicadangkan RM20.20.

Syarikat-syarikat yang disenarai pendek telah dipanggil untuk membuat pembentangan kepada Jawatankuasa Induk. PLB Terang telah dikenal pasti sebagai syarikat yang sesuai dan paling memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh jawatankuasa dari segi teknologi dan juga dari segi kewangan *Business Viability*. Satu lawatan dibuat di mana PLB ataupun Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan Rombongan Teknikal untuk membuat lawatan ke loji dan kemudahan teknikal *partner* PLB di China dan seterusnya syarikat itu dipilih kerana menawarkan harga yang paling rendah dan akan menggunakan teknologi yang memenuhi kehendak Pihak Berkuasa Tempatan. Kerajaan Negeri yakin syarikat ini mampu menguruskan dan membangunkan Pulau Burung dengan baik. Kerajaan Negeri juga setuju memberi kontrak dua puluh (20) tahun kerana syarikat ini perlu membina loji rawatan *leachate, material recovery facilities* dan lain-lain kemudahan infrastruktur yang memerlukan modal yang tinggi. Kontrak dua puluh (20) tahun didapati sesuai untuk kontrak sedemikian. Yang Berhormat Telok Ayer Tawar telah membangkitkan mengenai isu pembinaan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Yang Berhormat, dulu semasa Idaman Bersih mengendalikan Pulau Burung ini masa itu MPSP hanya membayar kepada dia RM17.00 setan metrik sekarang ni mengikut kontrak baru RM20.20, makna dia pertambahan lebih kurang RM4.00 ringgit. Makna dia kalau macam itu syarikat yang baru dapat ini akan mendapat Kerajaan akan membayar lebih kepada syarikat baru dapatlah istilah dia begitulah.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Betul potong setengah saja, sebenarnya RM17.00 untuk tempoh lanjutan yang terdekat terakhir la sebelum RFP. Pada peringkat awal apabila kontrak ditawarkan ianya dikenakan *keeping fees* RM27.00 untuk *organic waste* dan RM32.00 untuk sisa industri itu untuk tempoh yang terdekat dengan RFP la. Telok Ayer Tawar telah bangkit isu iaitu pembinaan laluan *link* ketiga akan menyebabkan masalah kesesakan lalu lintas bukan saja di George Town tetapi juga di Bagan Jermal sebab kapasiti ya pulau tidak dapat menerima *volume trafic* yang akan masuk ya.

Untuk makluman Dewan ini cadangan laluan ketiga dari Bagan Ajam ke

Bagan Jermal boleh membantu menyuraikan kesesakan lalu lintas di bahagian Pulau. Ini kerana kenderaan yang hendak ke tanah besar arah utara tidak perlu menggunakan Jambatan Pulau Pinang dan kesesakan akan berkurangan di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Namun cadangan ini sedang disusuli dengan beberapa kaedah penyelesaian dan akan saya percaya dalam kalau benar-benar dilaksanakan *detail design* dia akan perlu menangani isu-isu yang dibangkitkan. Yang Berhormat juga membangkitkan tentang isu penjaja tanpa kebenaran telah menyebabkan masalah banjir kerana ada struktur dibina atas parit. MPSP menasihatkan penjaja-penjaja yang terlibat untuk memohon ruang niaga MPSP yang masih kosong. Tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap mereka yang masih berniaga di tempat tersebut.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang peranan PWDC. PWDC dilantik oleh Kerajaan Negeri iaitu berhubung dengan Gender Responsive Budget Program. Di lantik sebagai konsultan menjalankan program perintis MPPP dan MPSP sepertimana saya sebutkan dalam sesi soal jawab. Ianya akan diterjemahkan melalui perancangan Bajet untuk aktiviti yang dikenal pasti yang mempunyai impak *gender* seperti aktiviti keselamatan, kebersihan dan sebagainya. Pelaksanaan projek keselamatan bandar umpamanya yang mengasingkan tempat pejalan kaki dengan jalan raya menggunakan besi penghadang memberi perhatian kepada keselamatan gender dari jenayah ragut. Y.B. Paya Terubong telah....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan? Terima kasih Dato' Speaker dan Y.B. Padang Kota. Jika PWDC ditubuhkan sebagai sebuah badan konsultan, *consultant body* mengapakah peruntukan yang begitu besar diberi kerana jika telah dicadangkan beberapa program atau perubahan, pelaksanaan dasar yang melibatkan gender, dasar-dasar yang responsif kepada gender, maka pelaksanaannya kalau melibatkan bilik susuan dan sebagainya, pihak Majlis Perbandaran dan pemaju-pemaju yang perlu menyediakan tempat-tempat ini. Soalan saya adalah sama ada aktiviti-aktiviti program yang bertujuan kepada pemerksaan gender ini akan dilaksanakan juga oleh PWDC dan bukan oleh MMK Pembangunan Wanita. Di mana ada garis perbezaan antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh MMK Wanita dan PWDC?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

PWDC ditubuhkan sebagai badan pelaksanaan bagi MMK Wanita dan tadi Yang Berhormat tanya mengapa perlu Bajet yang begitu besar. Apa yang saya sebutkan adalah berhubung dengan program-program PWDC yang bekerjasama dengan MPPP dan MPSP. Jadi itulah sebab mengapa saya

menjawab tentang *Gender Responsive Budgeting* sebab mereka telah dilantik secara perintis dan bekerjasama dengan MPPP dan MPSP menjalankan GRB di kedua-dua PBT ini. Inilah sebab mengapa saya terlibat, sebab MPPP dan MPSP terpilih untuk menjalankan program perintis ini. Selain dari GRB di dua rumah pangsa ini, PWDC sememangnya ada program-program yang lain, yang mungkin akan bekerjasama dengan pertubuhan atau agensi-agensi yang lain. Satu program lagi, saya percaya banyak program PWDC akan membabitkan kedua-dua PBT sebab ia melibatkan dasar pelaksanaan dan sebagainya.

Satu lagi usaha yang mereka sedang jalankan sekarang adalah mereka juga melantik konsultan untuk menjalankan satu *mapping* terhadap isu *child care policy* di Negeri Pulau Pinang memandangkan Kerajaan berhasrat untuk membolehkan membuka kesempatan kepada golongan wanita untuk bekerja, tetapi kemudahan *child care* menjadi satu sebab mengapa ramai wanita tidak dapat keluar untuk bekerja kerana tidak ada kemudahan ini. Ini satu lagi contoh di mana PBT sekali lagi terlibat sebab banyak perkara bersangkut paut dengan PBT seperti *child care* dan sebagainya. Kemungkinan saya tidak dapat menerangkan lain-lain program yang sedang diusahakan oleh PWDC melainkan di bawah pengetahuan saya jika membabitkan MPPP dan MPSP.

Y.B. Paya Terubong menyentuh tentang Kilang Getah Lee Rubber. Saya rasa dari perspektif perancangan bandar, tapak tersebut tidak lagi sesuai untuk dibangunkan sebagai pembangunan industri memandangkan ianya dikelilingi dengan pembangunan perumahan. Akibat daripada tekanan pembangunan di kawasan sekitar tersebut, Jabatan Perancang Bandar dan Desa mengesyorkan supaya tapak tersebut dibangunkan dengan bentuk cadangan pembangunan perumahan ataupun komersial atau pembangunan bercampur bagi mewujudkan perancangan dan pengstrukturatan guna tanah yang efisien dan berkualiti.

Keselamatan Y.A.B. Ketua Menteri juga diambil perhatian oleh Y.B. Seri Delima yang meminta kajian untuk menubuhkan Warden Keselamatan di MPSP dan MPPP untuk menjaga keselamatan Ketua Menteri dan EXCO. MPSP telah mempunyai pasukan Pengawal Lalu lintas dan juga Polis Bantuan. Keanggotaan dari kedua-dua unit ini adalah sebanyak lima puluh (50) orang. Pada ketika MPSP telah memberi perkhidmatan kawalan keselamatan di setiap program MPSP yang dihadiri oleh Y.A.B. Ketua Menteri sendiri, manakala MPPP tidak mempunyai Warden Keselamatan yang khusus untuk tujuan ini. Walau bagaimanapun MPPP ada menyediakan kemudahan mengiring Ketua Menteri dalam memastikan kelancaran aliran trafik sewaktu perjalanan beliau ke beberapa majlis atau acara rasmi. Itu sahaja Y.B. Dato' Speaker ...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih, penjelasan, boleh? Cuma saya hendak merujuk kepada soalan bertulis saya berkaitan dengan adakah Kerajaan Negeri mengamalkan sikap pilih kasih dalam perkara ini, mengenai bendera dan poster yang dipasangkan. Jawapannya Kerajaan Negeri tidak mengamalkan sikap pilih kasih dalam menjalankan penguatkuasaan khususnya pemasangan bendera politik yang dipasang tanpa permit. Tindakan penguatkuasaan terhadap pemasangan bendera parti politik diambil atas dasar keselamatan awam.

Bagi menangani isu ini, MPPP telah menyediakan satu garis panduan mengenai pemasangan bendera parti politik di kawasan MPPP, manakala pemasangan bendera politik di kawasan MPSP diperuntukkan di bawah Undang-undang Kecil Iklan MPSP. Saya hendak tanya, yang pasang ini ikut garis panduan MPSP atau tidak dari segi keselamatan. Ini di Sungai Aceh bukan di Jawi, atas pokok dan sebelum ini bendera Barisan dipasang di situ, ianya telah diambil. Betul, itu ketika sambut Y.B. Mansor di sana.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat hendak jawab?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Nanti, ada satu lagi. Yang kedua, bila sebut pasal permit, di sini ada dua *banner*, di sebelah sini gambar Y.B. Tan Beng Huat, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Y.B. Mansor, di mana dia permit MPSP? Tidak ada permit MPSP, yang ini gambar Barisan punya, Salam Aidilfitri, jadi yang sebelah ini ada permit, sebelah sana tidak ada permit.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Nanti, saya tidak bagi laluan lagi. Sebab menyebut sikap pilih kasih tidak ada, adil, adakah ini adil dan saksama namanya. Terima kasih, Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Tindakan penguatkuasaan MPPP mahupun MPSP sememangnya

untuk membantu kepada undang-undang kecil ataupun garis panduan. Saya rasa pegawai penguat kuasa tidak berunsur politik, akan menjalankan tindakan sepertimana ditugaskan. Saya pun sudah mengarahkan MPPP dan MPSP menulis kepada semua parti politik, sebab belum sampai musim pilihan raya, kalau sampai perlu juga membuat permohonan. Kalau masa musim pra pilihan raya boleh dipasang, cuma mengikut apa yang sudahpun ditetapkan dari segi peraturan, perlunya permit dan sebagainya. Tidak ada masalah untuk pasang dari Ipoh sehingga Sungai Aceh, itu tidak bermasalah selagi ianya mendapat kelulusan. ...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Sudah, cukup, sudah habis masa.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Sungai Dua, Y.B. Sungai Aceh dan Jawi kerana ...(gangguan), masih tidak puas hati.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Dato' Speaker, bagilah saya peluang balas sama dia sebab dia aniaya saya. Saya berasa tidak puas hati.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Jawi, duduklah, sudah habis.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Okey, okey nanti saya sambung lagi.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sila Y.B. Perai.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Sebelum Y.B. Perai teruskan dengan penggulungan boleh saya minta laluan. Bagi saya peluang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Jawi, sila duduk, Y.B. Perai silakan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha yang telah berlalu kepada semua penganut Agama Islam dan Selamat Hari Deepavali kepada semua rakyat yang beragama Hindu. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ke atas pembentangan Bajet bagi tahun 2013 oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya rasa soalan-soalan yang telah dikemukakan kepada saya, tidak banyak, saya bermula dengan satu isu yang saya rasa sangat menarik yang dibangkitkan oleh Y.B. Pantai Jerejak walaupun itu bukanlah, pada saya ini satu soalan umum tentang *the revolusion of power*, masalah *deserialisation* dan bagaimana kita akan memberi kuasa kepada unit-unit politik yang kecil diperbesarkan. Ini satu topik yang menarik dan saya sebagai pelajar Sains Politik memang ini dapat diperbincangkan secara hangat tetapi saya rasa kita tidak boleh membawa apa yang dikatakan...(dengan izin), *the revolusion of power* tanpa suatu perubahan besar di peringkat Negeri ataupun Nasional.

Y.B. Pinang Tunggal ini telah kemukakan dua soalan kepada saya, satu adalah isu lapan (8) buah kuil di tanah S.P. Chelliah yang akan dibangunkan dengan perumahan rakyat. Satu lagi isu yang saya rasa lebih makro adalah tentang masalah masyarakat India di Batu Kawan dan juga masyarakat Melayu juga di Batu Kawan. Masyarakat Melayu ini Y.B. Penanti akan jawab, saya terus pergi kepada, sebelum saya sentuh tentang hendak membina kuil yang di tanah S.P. Chelliah, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Kawasan Pinang Tunggal sebab dia sungguh prihatin kepada orang India dan saya ucapkan tahniah di sini. Kalau saya pergi isu Batu Kawan ini satu isu yang saya rasa jadi hangat sebelum pilihan raya dan saya rasa dalam pilihan raya Mac 2008 penduduk Batu Kawan ini telah menolak Barisan Nasional. Apabila kita bincang isu masalah orang India Batu Kawan fokusnya ialah kepada lebih kurang enam puluh (60) keluarga pekerja-pekerja bekas estet yang bertapak dekat kuil itu dan sebagainya, jadi ada lima (5) isu yang perlu ditangani, kalau kita hendak berbincang masalah Batu Kawan lima (5) isu. Pertama isu Sekolah Tamil, kedua isu perumahan, ketiga isu kuil hindu, keempat isu penternakan, kelima dan akhir sekali isu kubur untuk orang India.

Inilah lima (5) isu yang perlu tangani dan perlu diselesaikan untuk enam puluh (60) pekerja estet memang ramai India di Batu Kawan tetapi fokus apabila kita bincangkan masalah orang India di Batu Kawan. Ini untuk enam

puluh (60) orang atau lebih keluarga yang masih bertapak dan belum dipindahkan ke perumahan baru. Kita ambil pertama Sekolah Tamil. Pada tahun 2008 Kerajaan Negeri telah meluluskan dua (2) ekar tanah untuk Sekolah Tamil di Batu Kawan tetapi persediaan telah dibuat oleh Barisan Nasional. Saya tidak menafikan tetapi kita meluluskan dua (2) ekar tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat (KPR). Baru-baru ini saya dengar memang *confirm* lah Kerajaan Barisan Nasional telah memperuntukkan RM2.6 juta untuk bangunkan Sekolah Tamil di Batu Kawan.

Isu yang baru adalah PIBG telah menulis surat kepada saya dan ke Penang Development Corporation (PDC) supaya mereka merasa bahawa dua (2) ekar tanah, ini tidak mencukupi, akhirnya mereka rasa perlukan dua (2) ekar tanah lagi. Saya telah membawa ke Lembaga PDC, supaya PDC memberi tambahan dua (2) ekar lagi atas unjukan bahawa dalam lima (5) tahun atau sepuluh tahun (10) bilangan pelajar-pelajar India ini akan bertambah di Sekolah Batu Kawan. Jadi ini dapat diperbincangkan dalam Lembaga PDC dan kita minta mereka mempertimbangkan isu tambahan dua (2) ekar tanah untuk Sekolah Tamil di Batu Kawan. Jadi sekolah baru ini sedang dibuat atas peruntukan Kerajaan Pusat sebanyak RM2.6 juta. Kemudian kita pergi ke isu yang saya rasa amat kontroversial adalah isu perumahan, apabila kita mengambil kuasa pada tahun 2008, *Equire* itulah yang menjalankan projek perumahan di Batu Kawan masa. Saya ingat pada masa itu mereka ada lebih kurang 7,000 ekar, tetapi projek itu tergendala dan mungkin pada tahun 2009 atau 2010 baru projek dipulihkan oleh ABAD Naluri sebagai satu *sub sharing Equire*, kemudian perumahan untuk penduduk Batu Kawan sudah disiap, sekarang perbincangan hanya adalah *compensation* berapa kita akan beri kepada penduduk di sana supaya mereka akan pindah.

Dalam isu perumahan ini ada dua (2) aspek yang kita perlu mengambil kira. Satu (1) adalah dua puluh (20) keluarga ini mereka layak dapat *bank loan*, pinjaman bank so, jadi mereka sudah beli rumah harganya RM42,000 daripada ABAD Naluri dan cuma mereka belum mendapat dapat kunci dan bila-bila pampasan ini diberikan, itu memang sedang bincang, sekarang mereka akan pindah ke rumah dan hanya tinggal lebih kurang empat puluh (40) keluarga ini tidak layak mendapat pinjaman bank so, apa jadi mereka berhak, tetapi tidak dapat pinjaman. Jadi kita memperkenalkan satu sistem baru, skim baru ialah sistem sewa beli, di mana PDC akan membeli lebih kurang empat puluh (40) unit dan kemudian mereka akan menyewakan kepada penduduk yang layak dari segi mereka ada bekas pekerja estet, tetapi tidak layak mendapat pinjaman bank so. Ini dapat diuruskan sekarang dan saya rasa PDC urusan perjanjian telah disiapkan kemudian mungkin PDC akan letakkan satu (1) harga di mana tiap-tiap bulan keluarga ini akan membayar kepada PDC.

Ini satu sistem saya rasa baik dari segi sosial, perikemanusiaan sebab mereka tidak layak dapat pinjaman dari bank so, jadi itu perumahan, cuma tinggal masalah sekarang ialah supaya kita duduk bincang kemudian pampasan mesti dipersetujui dan kemudian mereka dapat kunci dan akan berpindah ke rumah, ada juga penduduk yang tinggal di rumah estet tapi mereka bukanlah sebenarnya bekas penduduk pekerja estet. Itu mengenai perumahan harga rumah adalah RM42,000 dan sepertimana yang ditanyakan oleh Y.B. Pinang Tunggal saya atau Kerajaan Negeri atau PDC kita tidak berjanji bahawa mereka akan dapat rumah yang percuma, ya silakan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih, Perai saya cuma hendak bertanya atau mendapat penjelasan dari Perai, berkaitan dengan perumahan tradisional yang ditimbulkan oleh rakan saya dari Pinang Tunggal iaitu dia sebut dua (2) kampung sahaja, tetapi saya rasa ada empat (4) kampung di situ lagi yang perlu kita lihat supaya pembangunan mereka tidak tersisih dengan peranan itu, pertama Kampung Masjid yang kebetulan kawasan orang Melayu, kemudian Kampung Tengah, kemudian Kampung Pengkalan, Kampung Pengkalan ini ada Melayu dan *Chinese* dan ada satu (1) lagi Kampung Pokok Asam daripada kalangan orang India, mungkin yang Perai sebut tadi banyak yang sebelah ladang sana, jadi saya pun hendak mendapat penjelasan daripada Y.B. Perai, terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya, Sungai Aceh memang inilah salah satu soalan yang ditanya oleh Ahli Kawasan Pinang Tunggal dan ini saya rasa akan dijawab oleh, bukan saya tidak mahu jawab, apa yang dikatakan ada pembahagian kerja di sini, ini akan dijawab oleh Y.B. Penanti. Jadi itu isu perumahan, kemudian kita pindah kepada kuil di Batu Kawan, semasa Barisan Nasional telah memperuntukkan 1.4 ekar kepada kuil yang besar, kuil mahamariamman, apabila kita mengambil alih kita tambah lagi 0.6 ekar. Jadi sekarang di bawah Pakatan Rakyat dua (2) ekar tanah, kemudian tambah lagi, kita sudah beri juga 7,500 kaki persegi kepada satu (1) lagi kuil yang ada di hujung selatan Batu Kawan. Ini memang dianggap sebagai dua kuil Hindu yang besar, tapi terdapat juga lebih kurang tujuh (7), lapan (8) bukan kuil, *shrine*, ini perlu ditempatkan, mesti ada tempat penempatan untuk mereka dan memang kita berunding dengan kuil-kuil kecil, supaya kita akan letakkan mereka dalam itu dua (2) ekar, sebab ini adalah merupakan kuil-kuil kecil atau *shrine*...(dengan izin) dalam Bahasa Inggeris. So, ini saya rasa akan dilakukan selepas perpindahan pekerja-pekerja ini setelah diselesaikan ke kuarters baru. Ini adalah isu kuil-kuil Hindu di Batu Kawan. Kemudian isu penternakan, Kerajaan Negeri melalui PDC telah memberi ataupun membuat satu lokasi tujuh belas (17) ekar tanah, sekarang

ditambahkan supaya kita boleh memberi kepada penternak-penternak lembu dan Batu Kawan ada satu (1) tempat saya rasa apabila *you* masuk kawasan ini, kita akan nampak lembu di sana, memanglah kadang-kadang ada masalah, tetapi kita sudah buatkan satu khaskan tujuh belas (17) ekar supaya untuk menempatkan lembu-lembu di Batu Kawan ini sedang diuruskan. Saya ingat proses tambunan tanah ini belum habis lagi.

Akhir sekali kubur, sebelum Stadium Batu Kawan dinaikkan memang ada sekeping tanah 1.9 ekar dekat berhampiran dengan Stadium baru ini adalah kubur orang India, ini memang lama. Apabila ada projek di Stadium Batu Kawan, maka kuil yang sebenarnya yang ambil tanggungjawab menjaga kubur itu mereka telah diminta bahawa pergi ke satu (1) tempat di mana ia dipanggil Kampung Musang 5 km daripada Batu Kawan supaya sebagai satu (1) tapak baru untuk kubur dan tapak baru kubur ini bermasalah sebab itulah tanah paya. Apabila Stadium ini dibangunkan penduduk tidak boleh gunakan kubur 1.4 ekar paling hampir dengan sebab mereka rasa semua ini tanah ini akan digazetkan kepada Stadium, baru-baru ini mungkin lebih kurang satu (1) tahun apa akan jadi pada kubur Hindu yang lama itu, kita dianggarkan bahawa ada tujuh ratus (700) mayat so, saya telah meminta Kerajaan Negeri supaya penduduk Batu Kawan bukan sahaja pekerja-pekerja ladang tetapi seluruh penduduk Batu Kawan memerlukan satu tapak kubur yang baik bukan di tanah paya so, jadi Kerajaan Negeri setuju dengan cadangan saya supaya... (gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Perai, tidak cukup kuorum, sila minta Ahli masuk.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Hari ini dalam sejarah kuorum tidak cukup.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sila teruskan, Perai.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih, Y.B. Dato' Timbalan Speaker, jadi berkenaan isu kubur tadi jadi 150 ekar adalah tanah perlu digazetkan untuk Stadium ini termasuk 1.9 ekar tanah adalah kubur Hindu. Jadi saya minta Kerajaan Negeri bahawa kubur Hindu ini dikembalikan kepada masyarakat India dan tambah dengan lebih kurang tiga (3) ekar tanah, jadi apa yang digazetkan untuk Stadium adalah 145 ekar tanah dan lima (5) ekar tanah adalah dikhaskan untuk kubur

Hindu di Batu Kawan ini berhampiran dengan Stadium Batu Kawan dan itulah satu kejayaan Kerajaan Pakatan Rakyat di mana kubur yang lama telah dikembalikan kepada masyarakat India dengan tambah satu lagi tiga (3) ekar so, jadi Stadium dapat 145 ekar tanah dan lima (5) ekar tanah kepada kubur masyarakat India di Batu Kawan, jadi kubur ini akan digunakan untuk masyarakat India dan mungkin masa hadapan dengan bantuan oleh Lembaga Wakaf Hindu, mungkin kita ada juga rancangan apa yang perlu dibuat. Inilah lima (5) isu mengenai penduduk masalah orang India di Batu Kawan dan inilah perlu ditangani kita berdialog perundingan baru saya rasa dari segi itu Kerajaan Pakatan Rakyat berjaya untuk menangani masalah masyarakat India dan janji-janji bahawa kita janji rumah percuma, ini semua tidak betul. Tidak boleh bagi janji, jadi Y.B. Dato' Timbalan Speaker itulah jawapan saya kepada Y.B. Pinang Tunggal tentang isu masalah Batu Kawan.

Kemudian isu ini tentang bukan enam (6) tetapi lapan (8) buah kuil di tanah S.P. Chelliah akan dibangunkan untuk perumahan dan baru-baru ini kita ada dua (2) mesyuarat dengan agensi-agensi tertentu bahawa sepertimana yang diterangkan oleh Y.B. Chow tadi Y.B. Padang Kota tadi, bahawa kita akan adakan dialog dan rundingan dengan pemilik-pemilik kuil Hindu di Jalan SP. Chelliah dan kemudian mungkin ada juga cadangan untuk memberi tapak alternatif supaya kita menilai sedikit masalah bukan secara paksaan melalui proses rundingan dialog dan memberi hak kepada kuil-kuil Hindu yang telah bertapak di tempat itu selama, ada kuil mungkin 100 tahun ada kuil 80 tahun. Tetapi yang besar ini, dua (2) kuil yang besar ini tetapi yang lain adalah tapak macam panggil sebagai *shrine*.

Ini saya rasa dua (2) soalan yang ditimbulkan oleh Y.B. Pinang Tunggal berkenaan dengan S.P. Chelliah dan tadi penerangan saya tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat India di Batu Kawan. Tambahan pula Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertindak saksama dengan semua rakyat tanpa mengira kaum dan kawasan. Sejak tahun 2008 Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah bantuan modal termasuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, Sekolah Mubaliq dan sekolah-sekolah Agama Rakyat. Bagi tahun 2012 jumlah bantuan kepada bantuan kewangan kepada 28 sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil di Negeri Pulau Pinang berjumlah 1.75 juta, bantuan kewangan kepada 16 TADIKA SJK baru-baru ini berjumlah RM100,000 dan peruntukan Jawatankuasa MMK Pendidikan sejumlah RM36,752 bagi empat (4) program pendidikan.

Selain daripada peruntukan yang disebutkan itu pemberian milik tanah juga telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri kepada SJK Tamil, dua tapak di Daerah Timur Laut, satu (1) adalah Sekolah Azad dan baru-baru ini adalah

Sekolah Subramaniam Barati di Kawasan Y.B. Batu Uban. Dua (2) tapak juga di daerah Seberang Perai Selatan pada tahun 2008 di Batu Kawan, kemudian baru-baru ini Sekolah Valdor di mana Kerajaan Negeri telah mengambil tanah swasta untuk diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Valdor. Pada masa yang sama Y.B. Dato' Timbalan Speaker, Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang telah mula memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar India mulai 2010 yang tidak pernah wujud di Negeri Pulau Pinang sebelum ini. Jumlah biasiswa yang telah diberikan adalah sebanyak RM109,000 bagi tahun 2010, RM227,000 bagi tahun 2011 dan RM243,000 bagi tahun 2012. Jadi sepanjang pemerintahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa prihatin dan berjiwa rakyat, tiada mana-mana kuil Hindu dirobuhkan kecuali sebuah kuil di atas milik tanah swasta di Penang Port. Jadi di sini saya berharap pihak Penang Port akan selesaikan masalah ini dengan segera, untuk memberi satu

(1) lot tapak alternatif kepada kuil yang telah dirobuhkan pada bulan Mei tahun ini. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, itulah soalan-soalan yang telah ditanya pada saya dan itulah jawapan-jawapan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan dan saya dengan ini turut menyokong.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam):

Saya ingin penjelasan sedikit mengenai isu, pemberimilikan kuil, bolehkah Kerajaan Negeri memberi pemilikan tanah kepada seseorang, individu ataupun persatuan. Adakah ini amalan yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan. Sila jelaskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Ahli Batu Uban, saya rasa tidak pernah wujud di mana Kerajaan Negeri memberi pemberimilikan kepada individu, biasanya dasar yang ada sekarang ialah pilihan utama diberikan kepada Wakaf Hindu, kalau Wakaf Hindu enggan menerima pemberimilikan itu, mungkin pemberimilikan ini akan diberikan kepada kuil kesatuan ataupun organisasi yang sebenarnya menguruskan kuil itu. Jadi kita tidak beri kepada mana-mana individu, jadi isu ini bukan satu isu individu, ini ialah isu masyarakat dan bahawa macam pemberimilikan, pemberian t.o.l. ini kepada kuil dan juga persatuan yang menguruskan kuil itu. Y.B. Dato' Speaker saya terus dengan mohon Bajet. Terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli Penanti sila.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Assalamualaikum dan selamat petang. Y.B. Dato' Speaker terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk memberi ucapan penggulungan dalam Dewan yang mulia ini dan sebelum dilanjutkan izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada rakan-rakan kita yang menyambut Deepavali pada 13 Novemer 2012 ini, *nandri* ..(dengan izin). Saya juga mengucapkan selamat menyambut Hari Ma'al Hijrah 1434 kepada semua umat Islam yang akan menyambut Awal Muharam pada 15 November 2012 ini dan juga tidak dilupakan kepada anak-anak kita pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM dan STPM, mudah-mudahan akan beroleh kejayaan dalam peperiksaan tersebut.

Izinkan saya juga Y.B. Dato' Speaker untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan bagi tahun 2013 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Saya hendak mulakan dengan kedudukan tanah di Sungai Chenaam yang dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Acheh, malangnya Y.B. Sungai Acheh tapi malangnya dia tidak ada di dalam Dewan ini. Jadi saya teruskan, saya ingin jelaskan isu yang dibangkitkan ini sebenarnya bukanlah satu arahan yang diberikan oleh Pejabat Daerah untuk membuat memberi laporan ataupun bayaran melalui Penyelaras KADUN berkenaan, tetapi ianya hanya dirujukkan untuk memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di situ supaya membuat pendaftaran, supaya dapat kita serahkan kepada pejabat Daerah, jadi tidak berapa tepat apa yang dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Acheh.

Cuma untuk makluman dalam Dewan yang mulia ini Projek Perumahan Rakyat Termiskin terletak di atas tanah Kerajaan di Mukim 10 Sungai Chenaam di mana sebanyak 102 unit rumah telah dibina melalui peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada tahun 1994, jadi peserta yang dipilih untuk menduduki rumah tersebut adalah peserta yang berpendapatan RM250.00 dengan keutamaan kepada ketua isi rumah seramai lima (5) orang. Jadi itu latar belakangnya. Kemudian 102 unit rumah telah diduduki oleh semua peserta yang memenuhi kriteria di atas, namun dari tarikh menduduki tersebut sehingga kini, penduduk tidak memiliki sebarang dokumen kependudukan, seperti dokumen kependudukan sementara atau mana-mana jua jenis pemilikan. Justeru Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat merasakan adalah perlu bagi penduduk skim perumahan ini untuk mendapat apa juga dokumentasi hak milik yang sah bagi bekalan bukan sahaja mereka

tetapi anak cucu mereka di masa akan datang. Itu saja usaha-usaha yang dilakukan di kawasan itu.

Jadi sebenarnya usaha untuk mendapatkan pemilikan daripada SPS terdahulu daripada penduduk perkampungan ini telah dikemukakan oleh Penyelaras KADUN Pakatan Rakyat Sungai Aceh, Justeru untuk memudahkan penduduk, pihak Penyelaras KADUN Pakatan Rakyat telah membuka kaunter di Dewan JKK Sungai Chenaam untuk urusan tersebut. Jadi urusan untuk mengisi borang, justeru tidak timbul soal prosedur baru seperti yang dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Aceh yang kita kenakan kepada penduduk Sungai Chenaam di kawasan itu. Itu berkenaan dengan Sungai Aceh.

Y.B. Dato' Speaker, berkenaan dengan pelaburan yang dibangkitkan oleh Y.B. Telok Bahang dan juga Seberang Jaya. Ini merupakan satu soalan yang agak yang sering dibangkitkan oleh Seberang Jaya dan Telok Bahang. Sebagai makluman Telok Bahang dan Seberang Jaya jumlah pelaburan langsung asing ataupun FDI yang telah berjaya dibawa masuk ke Pulau Pinang pada tahun 2008 ialah sebanyak RM5.09 bilion, RM1.44 bilion bagi tahun 2009, RM10.45 bilion bagi tahun 2010, RM7.15 bilion pada tahun 2011 dan RM0.85 bilion pada tahun 2012 sehingga bulan Julai. Jadi jumlah keseluruhan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Untuk pelaburan asing 2012 berapa tadi?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

0.85.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

0.85 bermakna *eight hundred and twenty five million*, okey. *Eight hundre and twenty two*.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Sehingga bulan Julai, jumlah pelaburan FDI yang dibawa masuk ke Pulau Pinang bagi tempoh 2008 sehingga Julai 2012 adalah sebanyak RM24.98 bilion. Ada penurunan itu yang Yang Berhormat bangkitkan akan saya jelaskan sebentar nanti. Jadi usaha ini merupakan hasil kerjasama

Kerajaan Negeri dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Ini seperti yang dikatakan oleh Seberang Jaya dan juga Telok Bahang memang ada usaha kerjasama seperti MIDA, agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti PDC ini daripada Negeri, InvestPenang, Penang Port serta Pihak Berkuasa Tempatan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Laluan sebentar, terima kasih Penanti, hari ini Penanti nampak mempamerkan satu sikap yang amat baik, makna bagi tahu, kalau kita kerjasama, maknanya *we share the credit, thank you*, memang layak.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Nanti sampai *point* yang saya hendak sebut. Jadi Pihak Berkuasa Tempatan, MPPP dan juga MPSP bagi mempromosikan Pulau Pinang dan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan antarabangsa kita kepada pelabur. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri dengan giatnya telah mengambil beberapa inisiatif untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan antarabangsa, ini yang hendak ditekankan. Kita bekerjasama dengan pihak Pusat, tetapi tidak boleh dinafikan yang usaha-usaha dilakukan oleh Kerajaan Negeri pun ada banyak, dan inilah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri yang saya hendak baca ini.

Satu menggalakkan pelaburan baru dan pelaburan tambahan ataupun *reinvestment* dengan mempromosikan industri-industri yang berteknologi tinggi seperti LED, Solar ICT, *inviolable*, peralatan perubatan, *medical revises* dan juga *Shared Services Outsourcing*. Itu maknanya teknologi yang baru. Jadi yang keduanya untuk menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan atau menyertai misi perdagangan anjuran ni apa MIDA, khususnya bagi mempromosikan industri-industri berteknologi tinggi dan berstrategik, dan bakal-bakal pelabur ataupun para pelabur bersedia ada untuk menarik pelabur baru pelaburan tambahan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan Penanti. Tentang misi pelaburan, selain daripada dianjurkan oleh MIDA dan sebagainya, yang dianjurkan oleh Negeri sendiri, berapa kali dah Penanti dah pergi, berapa kali Perai dah pergi, terutamanya Air Putih dah pi, dekat mana, apa pencapaian yang Negeri sahaja. Yang Batu Maung dah pi tapi di cerita dah tadi, okeylah.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Seberang Jaya. Saya ingat itu kita akan pecahkan misi-misi pelaburan itu dalam laporan bertulis pada Seberang Jaya. Ada yang dilakukan oleh Negeri sendiri dan juga yang ikut MIDA. Yang ikut MIDA itu tak banyak, setahun sekali sahaja. Yang asing itu lebih-lebih banyak. Saya akan beri jawapan yang betul kepada Seberang Jaya. Seterusnya ialah bekerjasama dengan agensi Kerajaan Pusat, yang disebut tadi seperti MIDA dan juga Multimedia Development Corporation (MDeC) dalam mengenal pasti bakal-bakal pelabur asing yang terlibat dalam teknologi tinggi bagi menawarkan insentif-insentif yang sesuai kepada mereka, kerana insentif-insentif yang ini banyak digariskan oleh pihak Pusat.

Kemudian membangunkan kawasan perindustrian baru dan sedia ada seperti Penang Science Park dan juga Batu Kawan Industrial Park khusus untuk pelabur-pelabur yang terlibat dalam industri teknologi tinggi dan pengeluaran produk bagi nilai tambah tinggi dan di samping itu Kerajaan Negeri juga menawar skim harga tanah perindustrian yang kompetitif bagi projek pelaburan yang strategik khususnya yang berteknologi tinggi. Dan faktor seterusnya ialah Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada perkongsian Perkhidmatan Penyumberan Luar ataupun *Shared Services and Outsourcing* yang merupakan salah satu industri yang telah dikenal pasti sebagai industri bernilai tambah tinggi yang boleh menjadi pemangkin dan ekonomi Kerajaan Negeri untuk *outsourcing* ya. Kejayaan dan pencapaian Kerajaan Negeri dapat dilihat melalui perkembangan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Pulau Pinang iaitu penambahan struktur fizikal, bangunan MSC sedia ada, penyertaan dalam penganjuran seminar, misi perniagaan, forum dan pameran keluar negara dan lain-lain.

Dan seterusnya ialah untuk mengukuhkan kluster, kluster yang sedia ada dan menubuhkan kluster terbaru untuk industri-industri strategik bagi mewujudkan *synergy* dan daya saingan dari segi industri tempatan. Dengan usaha ini dapat meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap keupayaan Negeri ini dalam menyediakan industri-industri sokongan bagi meningkatkan rangkaian bekalan yang komprehensif untuk menyokong seperti mereka di Negeri ini, untuk menyokong operasi mereka di Negeri ini. Dan melaksanakan program-program penyelidikan *supply chain*. Ini satu kelebihan yang ada di Negeri Pulau Pinang iaitu wujudnya *supply chain* yang kukuh di Negeri ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Saya tengok apa yang Penanti cerita tu, lebih kurang semua dah buat dah dulu, kita punya *ground work*. Cuma saya nak tanya maknanya kalau kita *compare* kan pada tahun 2011, kalau kita tengok pada masa itu pelaburan RM9,106,669,000 tahun ini dia akan ada *total*, maknanya daripada pelaburan asing cuma ada RM852,651,458 juta, pelaburan semula hanya RM344 juta sahaja, RM14,788 maknanya jatuh banyak sangat. Jatuh hampir 60%, 70% dah. Pelaburan menjadikan RM1,621,339,86 bilion. Kalau ikut pelaburan tempatan pun, dia *drop*, 2001 dok ada RM1,960,399,225. Sekarang dia *drop* pada RM768 687,625, dekat 50% *drop*. *Actually what is the affirmative action* yang betul- betul punya akan.... (gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Seberang Jaya. Saya akan sampaikan *point* itu sebab itu adalah soalan yang kedua yang dibangkitkan oleh Seberang Jaya dan juga Telok Bahang yang berkenaan dengan, *I will reach there*. Sekarang ini nak kita yang apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri di samping apa usaha-usaha sama yang dilakukan bersama dengan MIDA, so kita kena cerita dulu yang *State* tak duduk diam. *State* buat kerja-kerja ini di samping usaha sama yang dilakukan oleh pihak Persekutuan. Jadi saya nak sambung yang tadi yang dilakukan. Tadi saya berhenti tentang *supply chain* ya, yang kukuh yang kuat, di Negeri ini yang memberi sokongan yang untuk menarik pelabur-pelabur asing ini sebab ada satu rangkaian yang kuat di Negeri ini. Menubuhkan pusat nasihat pasaran sumber dan latihan IKS ataupun *Smart Centre* dan juga pusat *SME Centre* dan juga perkampungan SME's bagi memacu pembangunan *enterprise*, kecil dan sederhana yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti berteknologi tinggi yang memberi juga *support* ataupun sokongan kepada *supply chain* tadi.

Kemudian menubuhkan Majlis Sains Negeri ya, menubuhkan Majlis Sains Negeri, Penang Science Council yang dipandu sepenuhnya, ini yang dipandu sepenuhnya oleh ini apa multi-nasional seperti adapun *industry players* sendiri seperti Agilent, Motorola, Uni Circuit, Intel dan B-Braun bagi menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan kejuruteraan dan sains serta menggalakkan generasi muda untuk meminati bidang sains dan teknologi. Ini bahagian kedua yang dibangkit oleh Seberang Jaya dan Telok Bahang tadi. Penurunan pelaburan ini ya. Jadi daripada bulan Januari

makna suku pertama ini kalau banding juga dengan suku pertama di tahun lepas.

Jadi berdasarkan perangkaan daripada MIDA, Pulau Pinang menduduki *ranking* yang ketujuh. Ini yang maknanya menurun daripada yang lepas di Malaysia dan aspek jumlah pelaburan masuk ke tahun 2012 dengan jumlah pelaburan sebanyak jumlah pelaburan sebanyak RM1.26 bilion sahaja sehingga bulan Julai 2012. *Alright*. Keadaan yang sama juga berlaku pada tahun lepas, keadaan yang sama juga berlaku pada tahun lepas bila kedudukan tidak begitu memberangsangkan sebelum Pulau Pinang secara tiba-tiba dapat melonjakkan kembali kedudukan ini apa pelaburan asing ini. Ini maknanya *pattern* yang sama wujud di tahun lepas, ya di penggal yang pertama. Sebagai maklumat Y.B. jumlah projek pelaburan di Pulau Pinang telah meningkat, itu kalau dari segi projek ya, dari segi projek pelaburan telah meningkat pada 56 projek bagi tempoh Januari, Julai 2011 kepada 64 projek. Dari segi nilai berkurangan tetapi dari segi jumlah projek bertambah, dari segi jumlah projek bertambah daripada 56 kepada 64 projek. Bagi tempoh yang sama untuk tahun 2012.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, penjelasan. Yang 10 projek itu, projek apa itu? Yang tambah 10 projek lagi itu, projek apa?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Projek-projek barulah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Projek apa itu?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Ada dalam apa ini, ada dalam hal-hal pun ada.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Lebih kurang apa? Depa projek buat proses telur ayam kah? Saya tak tahu itu. Telur Masin kah? Projek apa itu agak-agak.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Projek itu JKPP buat ada.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Saya pun tak tahu khusus pasal sikit kan. 10 projek, nak tahu apa dia projek. Projek apa itu.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Contohnya LED.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Oh LED.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Bukan dia telur ayam yang JKPP buat. Nanti saya nak jawab soalan itu, sikit saja lagi, nak *come to your question* tadi ini. Okey dari segi nilai pelaburan memperlihatkan penurunan, ha ini dia, yang *your point* tadi ya. Dari segi nilai pelaburan turun daripada RM1.6 bilion yang saya sebutkan tadi. Jadi keadaan ini adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang telah memberi kesan kepada kemasukan pelaburan langsung asing. Dan juga pelaburan tempatan di Negeri ini dan Malaysia secara keseluruhannya apabila memperlihatkan jumlah pelaburan untuk Malaysia juga menurun *the whole country*, keseluruhan negara menurun daripada RM31.7 bilion kepada RM27.5 bilion bagi tempoh yang sama. Dan kalau kita nak bandingkan kedudukan Malaysia, Indonesia dan juga Thailand, *trend* Malaysia kalau bandingkan dengan negara lain, adalah seperti berikut: Kalau kita ambil FDI (Foreign Direct Investment) ini yang pelaburan luar secara langsung. Jadi sebelum kita *compare* kita bandingkan tahun 2011, dengan 2012 daripada Januari hingga ke Julai ini. Malaysia kalau kita ambil dalam tahun suku pertama 2011, ada RM21 bilion. Jadi tahun ini, RM13 bilion sahaja. Ini *country* keseluruhan. Kalau berbanding dengan Thailand RM20.5 bilion, tahun 2011 dan 2012 RM33.1 bilion ada peningkatan. Indonesia RM19.3 bilion 2011, 2012 RM32.2 bilion. Ini menunjukkan apa? Ini menunjukkan pentadbiran di Pusat pun menurun, menurun dari segi pelaburan asing. Jadi pihak Pembangkang tak boleh mempersoalkan kenapa menurunnya itu di Pulau Pinang sahaja, kerana kedudukan keseluruhan di Negara. Jadi kalau kita nak persoalkan, kita persoalkan *trend* Negara juga.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Sekarang ini, Kerajaan Negeri jaga Negeri. Yang Pusat pun akan membantu Negeri. Yang Pusat ini akan ada peningkatan sebab ada apa nama

ini pelaburan baru yang tidak dimasuk kira. Maknanya kita akan teng yang lain-lain. Jadi kita minta Penanti untuk tumpu jaga Negeri.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

No, no. Kalau kita itu di antara sebab, sebab Seberang Jaya dan juga Telok Bahang tanya sebab. Itu dia. So kalau kita nak cakap tentang sebalik soalan itu, tentulah dia apa Seberang Jaya dan juga Telok Bahang nak bertanyakan tentang keyakinan orang terhadap Kerajaan Negeri. So saya cakap pulangkan balik, itu keyakinan orang juga pelabur asing juga terhadap Kerajaan Malaysia keseluruhannya. Ha itu *point* dia.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Pulangkan keyakinan, kita boleh meletakkan maknanya sekarang ini, Kerajaan Negeri selalu cerita, *we are the first this, we are the first that.* Jadi hari ini bagaimanakah caranya untuk memastikan apa yang berlaku di peringkat Malaysia di peringkat Negeri sentiasa dapat mengekalkan prestasi.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya nak jawab soalan itu sebentar lagi ya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Telok Bahang minta banyak kali dah. Kesian kat dia.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Okey, sila, Silakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya ingat kita tak payah politik sangat dalam hal ini. Masalah di kilang *make sure* untuk apa ini, kita orang pergi melawat, sekarang ini dia orang bekerja dua belas (12) jam, tiga (3) hari, empat (4) hari seminggu lepas itu tak kerja. *Overtime* pun potong dan mereka ini hari ini dalam keadaan yang penat, yang tenat. Jadi yang ini Yang Berhormat kena tengok dulu, masalah anak-anak, masalah pekerja kita ini yang *overtime* dah buang dan sebagainya. Pendapatan dah menurun, ini kita kena tengok dulu masalah ini kepada masalah masyarakat. Satu lagi yang apa yang saya dengan semualah tadi ini, semuanya adalah yang kita buat dulu. Suruh sabar-sabar, baguslah

sabar *at least* kurang-kurangnya Yang Berhormat *admit* kata apa yang kita buat dulu elok dan sambung. Yang penting hari ini saya nak tanya tentang ini, kita bercakap tentang *brain drain*. *Brain drain*, kita nak apa yang Kerajaan Negeri buat sekarang untuk nak *constrain*, nak menyekat *brain drain*. Itu satu. Yang kedua bagaimana kita nak tarik balik *brain drain*. Apa yang saya lihat, hari ini mereka yang pandai-pandai, yang bijak-bijak ini, yang memang perjawatan mereka tinggi di luar. Kalau dia balik ke sini, tengok pendapatan gaji dia punya *salary* di sini rendah ataupun bidang yang mereka ada kepakaran yang mereka ada, tak ada di sini. Mereka akan balik. Jadi hari ini kita kena lihat juga tentang *high paid jobs*. Bagaimana kita nak *create high paid jobs* di Penang, ini di Pulau Pinang, *high paid jobs*. Jadi yang ini kena, Yang Berhormat kena tengok, apa dia. Apa jenis *market* yang kita ada.

Saya tengok, saya pergi lah dah tak ada kerja ini, Pembangkang ya kan, pergi lah tengok-tengok, kita ambil contoh ini kita bidang *manufacturing*, bidang ini dah jadi begitu canggih. Seorang pekerja boleh *handle* lima (5) mesin, contohnya lah. Jadi *for every investment* kos tinggi untuk pembelian mesin, tetapi pekerjaan itu sikit tak banyak. *So, what we do now. Number one* kita nak tarik pengundi apa nama kita nak tarik *brain drain* ini, nak sekat ataupun tak mahu *brain drain* ini keluar daripada Pulau Pinang, nak tarik masuk, so yang kedua *how to create more jobs* juga, ini perbetul. Ada dua (2) perkara, *how to create more jobs*. Bidang yang boleh menarik *more jobs*, lebih banyak pekerjaan yang boleh memberi banyak peluang pekerjaan dalam bidang *service industry, service industry*. Kalau kita lihat di sekeliling kita ini, Malaysia dan South Asia ini dan juga India dan China kerana hari ini, mereka dah kaya dan semakin kaya. *So they look for what? They can spend money, they have money to spend*. So ini satu peluang bagi kita boleh wujudkan servis industri bidang pelancongan dan macam-macam. Kalau kita lihat keliling *even reflexology* kini jadi tarikan *food massage, hair dressing* benda ini yang dah biasa kita lihat tapi kalau kita memperhebatkan lagi perkhidmatan mereka jadikan satu peluang pekerjaan yang banyak *service industry* saya nak lihat dua (2) perkara ini dan tak perlu jawab hari ini.

Tapi kita nak *brain-brain*, kita hendak *create* kan perkhidmatan pekerjaan yang *high paying jobs expend market* dan juga *try to improve the service industry* yang ada di sini. Oleh itu kita boleh selesaikan masalah banyak yang berlaku hari ini. Kita tak boleh bergantung sangat dengan *manufacturing* ini. Sehingga hari ini, bila sektor ni *collapse* kita *problem*. Macam Yang Berhormat sebut tadi, bidang kita punya *investment* dah turun banyak sangat, turun terlampau drastik sangat. Kita tak payah politik sangatlah, ini masalah kita perlu diselesaikan,

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih, Telok Bahang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli Penanti, bolehkah menghabiskan penggulungan dalam masa 15 minit. Jika tak boleh kerana dah pukul 5.00 petang. Dewan kena ditangguhkan pada pukul 5.00 petang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Kata nak tangguh 6.30 petang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Saya ada kuasa untuk melanjutkan 15 minit sahaja.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Okey Yang Berhormat Dato' Speaker kalau tak habis kita sambung esok. Saya cuba bagi habis kalau tak ada gangguan habislah.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Nak saya melanjutkan 15 minit. Saya hanya ada kuasa melanjutkan 15 minit. Kita habiskan sehingga 5.15 petang ini.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih. Ini untuk yang kedua penerangan yang kedua sebab penurunan tadi. Salah satu lagi sebabnya ialah sekarang ini Kerajaan Negeri menumpukan perhatian kepada teknologi bernilai tinggi. Itu salah satu sebabnya maknanya di sini apa dia. Ramalan ekonomi bagi tahun 2012 menunjukkan hasil ekonomi global menurun terutamanya dalam sektor semikonduktor. Jumlah pelaburan masuk ke Pulau Pinang menurun kerana pelaburan dalam sektor berteknologi tinggi. Yang saya sebutkan tadi atau *knowledge intensive* seperti *shared services and outsourcing SSO* yang mempunyai nilai pelaburan yang rendah, mempunyai nilai pelaburan yang rendah tetapi menitikberatkan nilai penilaian kerja dalam penilaian pengetahuan yang tinggi ataupun *knowledge workers* ini satu lagi sebab kenapa nilai pelaburan itu menurun.

Walau bagaimanapun Pulau Pinang masih lagi menyumbang sebanyak

45% daripada jumlah pelaburan bagi sektor tersebut bagi seluruh Malaysia bagi tahun 2012 sehingga bulan Julai. Berdasarkan kepada perangkaan daripada MIDA sebanyak 43.8% pelaburan dari Malaysia disumbangkan dalam sektor kimia dan produk berasaskan kimia, ini satu lagi faktorlah. Sektor utama bagi Negeri Pulau Pinang adalah sektor elektrik dan elektronik, ada tiga (3) sebab kita kemukakan tadilah. Satu tentang kedudukan ekonomi dunia kita memberi fokus kepada *high added* ataupun *value added industry* dan yang ketiganya khusus kepada soal kimia dan juga gas tadi. Padahal *based* penang adalah E&E iaitu tiga faktor yang besar.

Walau bagaimanapun sebagai hub E&E di Negara ini dalam tempoh Januari hingga Julai 2012 Pulau Pinang berjaya menarik 44.6% daripada jumlah E&E seluruh Malaysia dan sebagai perbandingan untuk tahun 2011 Pulau Pinang hanya dapat mencapai 36.5% daripada pelaburan E&E di Malaysia. Ini menunjukkan walaupun pelaburan dari sektor E&E di Malaysia telah merosot, Pulau Pinang dapat menarik peratus lebih tinggi pada 2012. Jadi bagi menggalakkan pelaburan ke Pulau Pinang, Kerajaan Negeri akan memberi penekanan kepada industri strategik dan berteknologi tinggi seperti LED, *aerospace*, *avionics* atau *medical devices*, *voltaic electronic and electricals*, *shares services and outsourcing* dan juga industri halal. Jadi Kerajaan Negeri akan terus menilai serta mengkaji semula dari semasa ke semasa berdasarkan *trend* global, seperti saranan Telok Bahang tadi *science council* memang melihat *brain drain* dan juga memberi fokus kepada sains dan teknologi untuk menggalakkan dan membudayakan bidang sains dan teknologi.

Persoalan yang dibangkitkan oleh Pinang Tunggal pembangunan di Batu Kawan, tadi Yang Berhormat Perai telah memberi sedikit penerangan dengan orang-orang India dan untuk khusus Kampung Masjid orang-orang Melayu. Sebagai makluman Yang Berhormat, PDC telah mengambil balik seluas 6,326 ekar di Batu Kawan bagi tujuan pembangunan sebuah Bandar Baru yang dikenali sebagai Bandar Cassia untuk faedah rakyat Negeri Pulau Pinang. Untuk sebuah perkampungan seluas lebih kurang 390 ekar termasuk Kampung Masjid seperti yang disebutkan tidak diambil balik untuk mengekalkan perkampungan tradisi di Batu kawan kerana mempunyai nilai-nilai tradisional untuk generasi akan datang. Dalam merangka perancangan di Batu Kawan ini untuk mengambil kira kampung-kampung tradisi di persekitaran Bandar Cassia ini, maka PDC tidak pernah mengabaikan perkampungan ini dari arus pembangunan segala perancangan infrastruktur dan juga kemudahan awam seperti sistem jalan raya, sistem perparitan dan sebagainya diambil kira bagi kepentingan kawasan perkampungan yang kita sebut tadi. Dan sebuah kemudahan tersebut mempunyai kesinambungan dengan kemudahan sedia ada bagi kawasan perkampungan terlibat, maknanya dari aspek infrastruktur. Sementara itu Kerajaan Negeri juga

melalui PDC melaksanakan perancangan yang dapat mewujudkan integrasi sosial. Apakah langkah-langkah diambil program-program yang dirancangkan, ini termasuklah pendekatan guna sama kemudahan-kemudahan yang disediakan. Kemudahan-kemudahan yang disediakan di Bandar Cassia akan turut dinikmati atau dikongsi bersama dengan penduduk-penduduk sekitar.

Itu satu contohnya macam penduduk di kawasan fasa 1 di PDC akan menggunakan masjid dalam Kampung Masjid sementara infrastruktur di Bandar Cassia penduduk di kawasan ini akan menggunakan masjid di Kampung Masjid, untuk menggunakan masjid itu memerlukan penambahbaikan infrastruktur yang ada seperti jalan, lampu elektrik serta kemudahan-kemudahan lain. Itu dibekalkan oleh pihak-pihak PDC. Dan juga pembangunan Bandar Cassia memberi impak ekonomi yang sangat besar kepada penduduk Batu Kawan, pada masa ini Batu Kawan ramai yang terlibat dalam perniagaan perniagaan, pembinaan dan sebagainya. PDC turut memberikan keutamaan kepada penduduk Batu Kawan itu untuk membeli rumah dan juga kedai-kedai yang dibina di Bandar Cassia. Sementara peluang-peluang pekerjaan dalam sektor dan perkhidmatan juga akan bertambah menjelang tahun 2014. Secara tidak langsung akan memberi kelebihan untuk penduduk Batu Kawan dalam jangka masa pendek dan juga panjang. Oleh itu jelaslah bahawa pembangunan Bandar Cassia tidak akan meminggirkan penduduk dan juga perkampungan Batu Kawan.

Sebaliknya setiap perancangan dibuat sentiasa mengambil kepentingan dan kesejahteraan penduduk-penduduk perkampungan di Batu Kawan agar tidak wujud jurang bila Bandar Cassia membangun kelak. Berkenaan dengan *science park* soalan kedua yang dibangkitkan oleh Pinang Tunggal yang dikatakan *science park* hanya buat kilang papadom. Ingin saya jelaskan bahawa pihak PDC dan pihak Kerajaan Negeri memang memastikan bahawa pekilang yang berteknologi tinggi dan juga mendapat galakan seperti yang disyorkan oleh MIDA melabur di kawasan PDC.

Ini termasuklah industri yang digalakkan serta mesra alam, termasuk industri kecil dan sederhana taman perindustrian baru Penang Sains Park dan Batu Kawan. Jadi saya ada senaraikan berapa contoh di sini tak perlu saya baca kerana masa. Dan ini akan dibekalkan Dato' Speaker kepada Seberang Jaya dan Telok Bahang contoh dia daripada tahun 2012 - 2020 kita ada dalam *Science Park* ada satu (1), dua (2), tiga (3), empat (4), lima (5), enam (6), tujuh (7), lapan (8), sembilan (9), sepuluh (10) kilang-kilang yang telah pun beroperasi dan juga di Batu Kawan begitu juga. So senarai ini ada, tak perlu hendak saya baca?. Tak payah sebab semua nak balik dah. Jadi dari senarai yang disebutkan khususnya pelabur utama di Science Park menunjukkan penekanan dalam industri teknologi tinggi. Jadi itu berkenaan dengan Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk menjawab soalan Pinang Tunggal. Untuk

Pulau Betong Dato' Speaker yang membangkitkan berapa kali Timbalan Ketua Menteri pergi di Pusat Khidmat Pekan Kongsu. Sebenarnya Dato' Speaker pusat khidmat yang disebutkan ataupun Pusat Khidmat itu Pulau Betong tak pernah pergi pun pusat itu ada rujukan kemudahan JKK di situ, jadi selepas JKK dan juga Pusat Khidmat Dato' Speaker di Balik Pulau selepas Dato' Speaker dia buka pejabat sendiri satu pejabat yang lain maka segala urusan penggunaan di Pusat Khidmat AURA di Balai Belora seperti yang disebutkan oleh Pulau Betong itu diguna sepenuhnya oleh JKK. Pihak JKK juga melalui Pejabat Daerah Balik Pulau memberi kebenaran penggunaan oleh mana-mana pihak di kawasan itu. Di kawasan Balik Pulau. Itu untuk menjawab Pulau Betonglah saya tak pernah pergi guna Pusat Khidmat itu. Untuk buat apa pergi Balik Pulau, kata nak bertanding di Pulau Betong pula.

Begitu juga dengan soalan daripada Telok Ayer Tawar tentang Panaroma tadi Telok Ayer Tawar tanyakan perkara soal penyelenggaraan sebenarnya, sebelum soal penyelenggaraan yang Telok Ayer Tawar tidak diselenggara dengan begitu baik selepas kita ambil alih ini. Adanya butiran diberikan oleh Pejabat Daerah yang menunjukkan penyelenggaraan di Dewan yang dibangkitkan oleh Telok Ayer Tawar itu memang diselenggarakan Panorama. Telok Ayer Tawar menulis surat sebelum diserahkan kembali kepada Kerajaan Negeri. Dewan teruk sangat perlu dibaiki ada surat Yang Berhormat ini. Tak payah saya baca betul. Mengaku ada kita perlu Yang Berhormat sebut perlu diperbaiki maknanya memang pun dah teruk dah kena buat penyelenggaraan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Speaker Dewan dikenakan notis atas notis untuk serah, bila keluar notis kita tak boleh dapat peruntukan untuk penyelenggaraan, sebab itu terpaksa membiarkan keadaan berlarutan dan kita mempunyai harapan tinggi bila dah dibuat penyerahan pihak Kerajaan Negeri akan membantu rakyat di situ untuk membaiki Dewan Panorama. Saya minta bagi pihak penduduk di Telok Ayer Tawar supaya Kerajaan Negeri tentang penyelenggaraan dewan termasuk Taman Melati dan lain-lain dewan. Terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Telok Ayer Tawar. Pejabat Daerah juga yang mengelolakan Dewan ini, dan memang memberi juga kebenaran kepada mana-mana pihak yang ingin menggunakan Dewan itu melalui permohonan dan kelulusan daripada Pejabat Daerah. Kemudian tentang peranan JKKK... (ganguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta maaf Y.B. Timbalan Speaker, sudah jam 5.16 petang. Nanti pembangkang pertikaikan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Penanti, kita sambung esok.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula 9 November 2012 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.16 petang.